

**PEMIKIRAN ZAINAL ABIDIN BIN MUHAMMAD AL-FATANI
TENTANG AZAB KUBUR: KAJIAN TERHADAP KITAB
KASYF AL-GHAYBIYYĀT**

MOHD NASIR BIN UTUT

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2018

**PEMIKIRAN ZAINAL ABIDIN BIN MUHAMMAD AL-FATANI
TENTANG AZAB KUBUR: KAJIAN TERHADAP KITAB
*KASYF AL-GHAYBIYYĀT***

MOHD NASIR BIN UTUT

**DISERTASI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI
SEBAHAGIAN KEPERLUAN BAGI
IJAZAH SARJANA USULUDDIN**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2018

ABSTRAK

PEMIKIRAN ZAINAL ABIDIN BIN MUHAMMAD AL-FATANI TENTANG AZAB KUBUR: KAJIAN TERHADAP KITAB *KASYF AL-GHAYBIYYĀT*

Disertasi ini bertajuk “*Pemikiran Zainal Abidin bin Muhammad Al-Fatani Tentang Azab Kubur: Kajian Terhadap Kitab Kasyf al-Ghaybiyyāt*”. Fokus utama kajian ini adalah untuk mengkaji latar belakang penulisan kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt*, kandungan perbahasan dan keistimewaannya sebagai karya ilmiah, dan kajian ini juga mengkaji pemikiran Zainal Abidin al-Fatani tentang azab kubur dalam kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt*, dan menganalisis perbandingan pemikiran Zainal ‘Abidin al-Fatani berkaitan azab kubur dengan ulama-ulama Melayu. Perbincangan tentang azab kubur ini adalah lebih kepada persoalan roh, soal Munkar dan Nakir dan situasi azab di alam kubur. Dari segi metodologinya pula, disertasi ini lebih kepada kajian perpustakaan, seperti pengumpulan data daripada beberapa karya akidah yang sesuai dengan kajian ini. Kajian ini juga menggunakan metode komparatif dalam membuat perbandingan bagi menilai kecenderungan pemikiran Zainal Abidin al-Fatani terhadap mana-mana aliran pemikiran dalam Islam. Kajian ini juga dianalisis melalui perbandingan dengan kitab-kitab jawi yang lain untuk mengetahui persamaan serta perbezaan dalam perbahasan azab kubur. Analisis kajian ini mendapati penulisan kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt* adalah hasil daripada permintaan sahabat-sahabat Zainal Abidin al-Fatani supaya menulis kitab dalam ejaan jawi, untuk memudahkan mereka yang tidak tahu berbahasa Arab dapat mendalami ilmu agama. Keistimewaan kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt*, dapat dilihat melalui sumber rujukannya iaitu al-Qur'an, al-hadith dan kitab-kitab muktabar. Adapun pemikiran Zainal Abidin al-Fatani tentang azab kubur dalam kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt* lebih cenderung kepada pemikiran al-Asyā'irah yang merupakan sebahagian daripada aliran Ahl al-Sunnah Wa al-Jama`ah, dan tidak banyak perbezaan dalam membahaskan persoalan azab kubur dalam kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt* dengan kitab Jawi yang lain.

ABSTRACT

ZAINAL ‘ABIDIN MUHAMMAD AL-FATANI’S THOUGHTS REGARDING THE TORTURE OF THE GRAVE: A STUDY OF *KASYF AL-GHAYBIYYĀT*

This dissertation is titled “*Zainal ‘Abidin Muhammad al-Fatani’s Thoughts Regarding The Torture Of The Grave: A Study of Kasyf al-Ghaybiyyāt*”. The main focus of this dissertation is to perform a background study on the motive and reason behind writing *Kasyf al-Ghaybiyyāt*, its contents and uniqueness as an academic writing, the thoughts of Zainal ‘Abidin al-Fatani regarding the torture of the grave, and to analyse the comparison between the thoughts of Zainal Abidin al-Fatani regarding the torture of the grave and other scholars from the Malay World. The discussion of the torture of the grave focuses on the subject of the soul, Munkar and Nakir and the situation of the torture of the grave. Methodologically, this dissertation focuses more on library research, such as collecting data from a number of creed related books related to this study. This study uses a comparative method to determine the inclination of Zainal Abidin al-Fatani towards any school of thought. This study also analyses by comparing the similarities and the differences between Zainal Abidin al-Fatani's writing and other Malay written texts regarding the torture of the grave. The analysis shows that the reason behind Zainal Abidin al-Fatani's *Kasyf al-Ghaybiyyāt* writing the book is the demand from his colleagues to write a book regarding the topic in Malay Language, in order to provide an access to those who do not speak Arabic to deepen their understanding towards the religion. The uniqueness of *Kasyf al-Ghaybiyyāt* can be seen from its source of reference, the Holy al-Quran, The al-Hadeeth and major islamic books written by renowned scholars. Zainal Abidin al-Fatani's thought regarding the torture of the grave in *Kasyf al-Ghaybiyyāt* is inclined towards the al-Asya’irah school of thought which is a part of the Ahl al-Sunnah Wa al-Jama'ah. There are not many differences regarding the discussion of the torture of the grave between Zainal 'Abidin al-Fatani's *Kasyf al-Ghaybiyyāt* and other books written in the Malay Language.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi kesyukuran dan puji-pujian kehadhrat Allah s.w.t, Tuhan yang Maha Agung yang menguasai seluruh ‘alam, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w.

Dengan terhasilnya disertasi ini, penulis ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Dr. Faizuri b. Abd. Latif selaku penyelia kajian ini yang banyak membantu penulis untuk menghasilkan kajian ini. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga buat Prof Madya Dr. Mohd Fauzi bin Hamat, yang telah banyak memberi bimbingan dan tunjuk ajar kepada penulis dengan penuh kesabaran. Jutaan terima kasih juga kepada Prof Madya Dr. Che Zarrina Saari, Dr. Azmilbin Zainal Abidin, Dr Syed Mohammad Hilmi b. Syed Abdul Rahman serta seluruh pensyarah, tenaga pengajar Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, dan penghargaan juga kepada cikgu Ahmad Nordin bin Mohd Yussof, yang banyak membantu penulis dalam menyiapkan kajian ini.

Penulis juga merakamkan penghargaan kepada pihak Perpustakaan Akademi Pengajian Islam dan Perpustakaan Utama Universiti Malaya dan Perpustakaan Tun Sri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia, yang telah membantu dan memberikan kemudahan kepada penulis untuk mendapatkan buku-buku dan kitab-kitab rujukan sehingga penulis dapat menyiapkan kajian ini.

Buat bonda tercinta Saadiah binti Haji Ali, penulis ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga serta doa yang berpanjangan di atas segala pengorbanan dan keikhlasannya dalam memberi didikan kepada penulis. Tidak lupa kepada al-marhum ayahanda Utut bin Yunus, yang amat dikasihi. Semoga Allah mempertemukan kitadi syurga bersama-sama dengan para solihin. Amin.

Penghargaan juga penulis abadikan buat isteri tercinta, Nor'Ain binti Ab. Hamid yang sentiasa berkorban, memberikan semangat dan dorongan di samping sabar serta memahami keadaan penulis selama menyiapkan kajian ini. Teristemewa juga buat anaknanda yang dikasihi, Muhammad Nasrul Ikmal, Nor' Aina Najihah, Muhd Shahrul Ikmal dan Muhammad Amirul Ikmal yang menjadi pembakar semangat kepada penulis untuk menyiapkan kajian ini.

Terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang terlibat dalam menghasilkan kajian ini sama ada secara langsung mahu pun tidak langsung. Semoga kita semua mendapat rahmat dan keberkatan daripada Allah S.W.T.

HURUF KEPENDEKKAN

Huruf Pendek	Maksudnya
AJK	Ahli Jawatankuasa
Terj.	Terjemahan
Bil	Bilangan
Cet.	Cetakan
Dr.	Doktor
Edit	Editor
<i>et. Al</i>	Pengarang dan lain-lain (melebihi tiga orang)
H	Hijrah
Hlm	Halaman
<i>Ibid</i>	<i>Ibedem:</i> Pengarang,tajuk buku dan muka surat yang sama dengan rujukan sebelumnya
Jil.	Jilid
Juz	Juzuk
M	Masihi
No	Nombor
Prof	Profesor
r.a	Radia Allahu ‘Anh
s.a.w	Salla Allah ‘Alaih Wa Sallam
s.w.t	Subhanahu wa Ta’ala
t.t	Tanpa Tarikh
t.tp	Tanpa Tempat Penerbit

DAFTAR ISI KANDUNGAN

Isi Kandungan	Halaman
ABSTRAK (BAHASA MELAYU)	ii
ABSTRACT (BAHASA INGGERIS)	iii
PENGHARGAAN	iv
KEPENDEKAN	vi
DAFTAR ISI KANDUNGAN	vii
ISI KANDUNGAN	
Bab 1: Pendahuluan.	Halaman
1.1 Latar Belakang Masalah Kajian	1
1.2 Pengertian Tajuk	6
1.3 Kepentingan Kajian	8
1.4 Permasalahan Kajian	9
1.5 Objektif Kajian	10
1.6 Skop Kajian	10
1.7 Metodologi Kajian	11
1.8 Metode Pengumpulan Data	11
a. Metode Dokumentasi	11
b. Metode Temubual	12
c. Metode Analisis Data	13
i) Metode Induktif	13
ii) Metode Deduktif	13
iii) Metode Komparatif	14
1.9 Kajian Literatur	10
1.9.1 Kajian Tentang Zainal Abidin bin Muhammad al-Fatani	11
1.9.2 Pemikiran Zainal Abidin al-Fatani Tentang Azab Kubur	13
1.10 Sistemtika Penulisan	

Bab 2: Zainal ‘Abidin Bin Muhammad Al-Fatani Dan Sumbangannya Dalam Bidang Aqidah.	
2.1 Pengenalan	22
2.2 Latar Belakang Tokoh	22
2.3 Latar Belakang Pendidikan	25
2.4 Sumbangan Zainal ‘Abidin bin Muhammad al-Fatani Kepada Bidang Keilmuan	28
2.4.1 Membuka Pusat Pengajian Pondok	29
2.4.2 Menghasilkan Karya-karya Ilmiah	32
2.4.2.1 Karya Dalam Bidang Aqidah	33
2.4.2.1 (a) <i>Kasyf al-Ghaybiyyāt</i>	33
2.4.2.1 (b) <i>Aqīdah al-Nājīn Fī ‘ilm al-Dīn</i>	34
2.4.2.1 (c) <i>Miftāh al-Murīd Fī ‘Ilm al-Tawhīd</i>	36
2.4.2.1 (d) <i>Irsyād al-‘Ibād Ilā Sabīl al-Rasyād</i>	37
2.4.2.2 Karya Dalam Bidang Fiqh.	39
2.4.2.2 (a) <i>Kasyf al-Lithām ‘an As’ilah al-Anām</i>	39
2.4.2.2 (b) <i>Tabassum al-Syāribīn</i>	40
2.4.2.2 (c) <i>Faedah Pada Menyatakan Fidyah Sembahyang dan Puasa Atas Mazhab Abi Hanifah.</i>	41
2.5 Latar Belakang Penulisan dan Isi Kandungan kitab <i>Kasyf al-Ghaybiyyāt</i>	43
2.6 Keistimewaan Kitab <i>Kasyf Al-Ghaybiyyāt</i> Sebagai Karya Ilmiah	47
2.7 Kesimpulan	60
Bab 3: Perbahasan Azab Kubur Dalam <i>Kitab Kasyf Al-Ghaybiyyāt.</i>	
3.1 Pengenalan	62
3.2 Pengembalian Roh kepada Jasad	62
3.3 Malaikat yang masuk ke dalam Kubur sebelum Mungkar dan Nakir	65
3.4 Mayat diperlihatkan ketika di Alam Kubur Tempat Tinggalnya di Syurga atau Neraka	68
3.5 Meratap ke atas Mayat	69
3.6 Kelebihan Meninggal Dunia Hari Jumaat	72
3.7 Tidak Menolong Orang Yang Kena Zalim	76

3.8 Sebab seseorang diazab dalam Kubur dan Perkara yang boleh Menghindarkannya78

3.9 Pemikiran Zainal Abidin al-Fatani Berkaitan Azab Kubur dalam Kitab <i>Kasyf al-Ghaybiyyāt.</i>	85
3.10 Kedudukan Hadith Ahad Sebagai Sumber dalam Permasalahan Akidah88	
3.10.1 Hadith Terbahagi Kepada <i>Mutawātir</i> Dan <i>Aḥād</i> 90	
3.10.2 Hadith Ahad dan Pertikaian mengenainya	91
3.10.3 Hukum Beramal Dengan Hadith Ahad	94
3.11 Kesimpulan	95

Bab 4 : Analisis Pemikiran Zainal Abidin Al-Fatani Tentang Azab Kubur Dalam Kitab *Kasyf Al-Ghaybiyyāt.*

4.1 Pendahuluan	96
4.2 Pengertian Azab Kubur	96
4.3 Situasi Roh Di Alam Kubur	101
4.3.1 Hakikat Roh	101
4.3.2 Kembali Roh Kepada Jasad	105
4.3.3 Azab Berlaku Ke Atas Roh Dan Jasad	108
4.4 Soal Jawab Di ‘Alam Kubur	113
4.5 Azab Kubur	119
4.5.1 Azab Kubur Disebabkan Ratapan Orang Yang Hidup	119
4.5.2 Tidak Membantu Orang Yang Kena Zalim	123
4.5.3 Tidak Cermat Ketika Bersuci	125
4.6 Jenis-Jenis Azab Kubur	127
4.6.1 Himpitan Kubur	127
4.6.2 Ditayang Tempat Tinggal Mayat Di Neraka Atau Di Syurga	130
4.7 Dalil <i>Thabitnya</i> Azab Kubur	133
4.8 Aliran Pemikiran Zainal Abidin al- Fatani Tentang Azab Kubur	137
4.9 Kesimpulan	142

Bab 5 : Kesimpulan

5.1 Rumusan	144
5.2 Cadangan Dan Saranan	148

BIBLIOGRAFI

139

BAB 1:

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Masalah Kajian.

Kajian mengenai azab kubur ini merupakan di antara topik penting dalam akidah kerana ia sebahagian daripada perkara *al-sam’iyāt* yang wajib kita percaya tentang kewujudanya, dan perkara *al-sam’iyāt* pula mempunyai hubungan rapat dengan konsep ketuhanan dan kenabian (*al-nubuwah*). Perkara *al-sam’iyāt* ialah perkara yang tidak diketahui melainkan dengan perkhabaran daripada Allah S.W.T dan Rasulullah S.A.W. ia mempunyai perbahasan yang luas seperti kejadian adam, roh, kematian, azab kubur, kebangkitan semula, titian sirat, syurga dan neraka. Perbahasan tentang azab kubur ini bermula daripada berpisahnya roh daripada jasad, maka jasad itu akan mati, Walaupun begitu, ia masih mengetahui dan mendengar percakapan orang-orang yang menziarahinya dan ia masih mengenali mereka dan menjawab ucapan salam mereka itu, ketika itu ia mulai merasakan nikmat-nikmat syurga dan azab neraka.¹ Mazhab salaf dan para imam-imamnya berpendapat bahawa seseorang manusia itu apabila telah mati terlantar menjadi mayat, maka rohnya akan kekal hidup setelah bercerai dari jasad, roh itu masih menghubungi jasadnya pada masa-masa yang tertentu dan ia sama-sama merasai nikmat dan azab yang diterima oleh jasad.² Hakikat roh adalah urusan Allah, dan Allah lebih mengetahui.³

Terdapat beberapa fahaman serta tanggapan yang mengelirukan terhadap azab kubur, seperti golongan Muktazilah yang mengingkari azab kubur,⁴ pada hal persoalan

¹ Sayyid Sābiq (1988) ‘*Aqīdah Islāmiyyah*. Syaikh Mustaf Mansyur (terj.), Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd, h. 386.

² *Ibid.*

³ Al-Sammān, Rātib ‘Abd Wahhāb (t.t), *Wa Yas’alūnaka ‘an al-Rūh Madkhāl Ilā Nazzariyyah al-Rūhiyyah*. Beirut: Dar. al-Fikr, h. 58.

⁴ Nu’mān Ibn Mahmūd al-Alūsī (1402H), *Al-Āyāt al-Bayyināt Fī ‘Adam Simā’ al-Amwāt ‘inda al-Hanafiyah al-Sadat*. Beirut: Maktabah al-Islam, h. 89.

tersebut telah disepakai oleh Sahabat dan tabi'in.⁵ Imam al-Ghazali menjelaskan bahawa golongan Muktazilah ingkar tentang sabitnya azab kubur kerana mereka mengatakan bahawa mereka telah menyaksikan sendiri keadaan mayat orang yang telah meninggal dunia, dan tidak terdapat kesan yang menunjukkan mayat itu terkena azab.⁶ Ibn Hazm dan Ibn Hubayrah⁷ berpendapat bahawa segala soalan kubur hanya ditujukan kepada roh sahaja, sesungguhnya mayat hanya menyaksikan sahaja di dalam kuburnya, tanpa mendatangkan sebarang kesan kepadanya, tanpa merasakan kesempitan atau kelapangan di dalam kuburnya itu⁸. Inilah antara fahaman dan tanggapan yang boleh mengelirukan dan memerlukan kepada penjelasan tentang hakikat sebenar azab kubur menurut *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah*

Orang-orang Atheis dan Zindiq mengingkari siksa kubur, kelapangan dan kesempitannya, keadaannya sebagai lubang api neraka dan taman syurga. Mereka berhujah bahawa mereka pernah membongkar kuburan dan mereka tidak mendapati malaikat, yang buta atau pun yang bisu yang memukuli mayat dengan pemukul daripada besi. Di sana mereka juga tidak mendapati ular, kala jengking dan api yang menjulang-julang, ketika mereka meletakkan mayat di dalam kubur dalam kedudukan tertentu, dan setelah berlalu beberapa masa, mereka membongkarnya kembali, ternyata mereka dapati mayat tersebut tetap kedudukan asalnya. Sekiranya dulu mereka melumuri mata mayat dengan air raksa dan menacapkan tombak di dadanya, dan setelah dikuburkan dan berlalu beberapa masa, kemudian mereka bongkar kembali kuburnya, maka mereka dapati mayat tetap keadaannya yang dulu. Orang-orang Atheis dan Zindiq berpendapat jika mayat dalam kubur dapat memandang sejauh mata memandang kerana luas kuburnya, atau kuburnya disempitkan, ternyata apabila mereka membongkar kembali

⁵ Nu'man Abas (2002), *Al-Asy'ari Misteri Perbuatan Manusia dan Takdir Tuhan*. Jakarta: Penerbit Erlangga, h.112.

⁶ Al-Ghazālī (1988), *Al-iqtisād fi al-i 'tiqād*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, h.135.

⁷ Nu'man Ibn Mahmūd al-Alūsi (1402H), *Ibid*, h.72

⁸ Sayyid Sābiq (1988), 'Aqīdah Islāmiyyah, h. 392.

kubur orang yang telah meninggal dunia, mereka tidak mendapati semua itu, bahkan liang lahad yang dulu mereka gali tidak menjadi lebih luas dan tidak pula berkurang. Mereka juga menggambarkan dengan akal mereka, apakah liang lahad yang sempit itu mencukupi untuk mayat dan para malaikat yang menyoalnya di dalam kubur atau menyenangkannya?⁹ Inilah logik akal yang digunakan oleh golongan Atheis dan Zindiq sehingga menolak azab kubur.

Astora Jabat¹⁰ pula pernah menulis artikel di dalam Majalah *al-Islam* keluaran edisi bulan November 2003 bertajuk, *Benda Ghaib dan Pandangan Sains: Tiada Azab kubur selepas Meninggal dunia* dan bulan Disember 2003 bertajuk, *Benda Ghaib dan Pandangan Sains: Percanggahan Hadith mengenai azab kubur*.¹¹ Dalam artikel tersebut, Astora Jabat menolak azab kubur dengan berpandukan kepada beberapa hujah, antaranya, azab kubur tidak disebut dalam al-Quran secara muktamad tetapi hanya para ulama sahaja yang menghurai dan menafsirkannya. Astora Jabat juga menggunakan hujah semua hadith yang menjelaskan azab kubur adalah hadith ahad. Hadith ahad tidak boleh menthabitkan perkara akidah.¹²

Maka tidaklah mustahil akan wujud pemikiran yang mempertikaikan tentang azab kubur di masa akan datang, kerana semata-mata perpegang kepada logik akal tanpa melihat kepada dalil nas dari al-Qur'an, al-sunnah, ijmak dan qias. Zainal 'Abidin al-Fatani merupakan salah seorang ulama' Patani yang terkenal dengan latar belakang pendidikan yang tinggi khususnya dalam bidang akidah dan ada pendapat-pendapat beliau yang bernes berkaitan azab kubur.

⁹ Ibn Qayyim al-Jawziyah (1999), *Roh. Kathur Suhardi* (terj), Jakarta: Pustaka al-Kauthar, h.113.

¹⁰ Seorang penulis yang giat menulis di surat-surat khabar yang menggunakan nama pena Astora Jabat sering menulis isu-isu agama yang kontroversi. Dalam Majalah *Al-Islām* keluaran edisi bulan November dan Disember 2004, beliau telah menulis artikel bertajuk "Tiada azab kubur selepas meninggal dunia" dan "percanggahan hadith mengenai azab kubur." Namanya ialah Hassan bin Abdul Rahman. Nama Siamnya ialah "Asae Toramae". Beliau dilahirkan di pekan Jabat, Narathiwat, Selatan Thailand.

¹¹ Minit Mesyuarat Jawatan Kuasa Fatwa Negeri Perak kali ke 161, perkara 4.4.2.

¹² Warta Kerajaan Negeri Perak, Jil.57, Bil.16, No 1083.

Zainal ‘Abidin bin Muhammad al-Fatani telah menulis sebuah kitab yang khusus membicarakan perkara *al-ghaibiyāt*, dan di dalam kitab tersebut beliau telah membahagikan kepada sepuluh perkara *al-ghaybiyyāt*. Antara perkara *al-ghaybiyyāt* yang dibincangkan oleh beliau ialah mengenai azab kubur, maka sudah tentu perbincangan ini menunjukkan sesuatu yang sangat istimewa dalam kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt*, khususnya dalam perbahasan terhadap azab kubur. Permasalahan ini telah mendorong penulis untuk mengkaji lebih mendalam mengenai azab kubur, dan kekeliruan yang telah berlaku dalam akidah khususnya azab kubur seperti yang telah disebutkan sebelum ini, dapat diperjelaskan menurut al-Qur'an, al-Sunnah, sahabat, Ijmak dan qias, di samping mengkaji sejauh manakah Zainal ‘Abidin al-Fatani terpengaruh dengan mana-mana aliran mazhab dalam akidah mengenai azab kubur.

Keistemewaan kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt* ialah, ia sebuah kitab yang membincangkan persoalan akidah. Zainal Abidin al-Fatani telah menggabungkan beberapa sumber sebagai dalil, iaitu al-Quran, al-hadith, ijmak dan qias. Oleh kerana persoalan azab kubur merupakan perkara *al-ghaybiyyāt* yang hanya dapat diketahui melalui al-Quran dan hadith, maka perlu dipastikan sejauh mana kedua-duanya banyak digunakan sebagai dalil dan hujah oleh Zainal Abidin al-Fatani dalam kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt*. Zainal Abidin al-Fatani juga menggunakan dalil ijmak dan qias dalam perbahasan azab kubur dalam kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt*, seperti dalam perbahasan tentang apa yang diazab, roh atau jasad?

Selain daripada itu, kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt* disusun dengan susunan yang menarik, dimulakan dengan “*Basmalah*” dan “*Al-hamdulillah*” serta selawat. Kitab ini disusun dengan sepuluh bab mengikut keutamaan, bermula dengan kejadian roh, kejadian manusia (Adam), tentang malaikat dan kejadian malaikat maut dan kelakuan malaikat maut mencabut roh. Perbahasan tentang alam kubur telah diletakkan pada bab

lima dan enam, iaitu pertengahan di antara perbahasan tentang alam roh dan alam akhirat, ini bersesuaian dengan hadith:

إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : إِنَّ الْقَبْرَ أَوَّلُ مَنَازِلِ الْآخِرَةِ¹³

Sesungguhnya Rasulullah s.a.w bersabda: Sesungguhnya *kubur itu adalah tempat persinggahan yang pertama dari persinggahan-persinggahan di akhirat.*

Kemudian Zainal Abidin al-Fatani meletakkan perbincangan tentang sifat neraka dan juga syurga sebagai perbincangan akhir, kerana kesudahan hidup manusia di akhirat kelak adalah kekal sama ada di syurga atau di neraka. Kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt* merupakan di antara kitab jawi karangan ulama Melayu nusantara yang membincangkan khusus tentang perkara-perkara *al-ghaybiyyāt*.

Kesimpulan, perbahasan azab kubur bermula dari perpisahan roh daripada jasad dan ia sebahagian daripada perkara *al-sam`iyāt* yang wajib beriman dengannya. Beberapa golongan telah mempersoalkan wujudnya azab kubur seperti Muktazilah, Atheis dan Zindiq. Mereka menggunakan logik akal sebagai hujah menolak wujudnya azab kubur. Begitu juga Astora Jabat menolak *thabitnya* azab kubur dengan alasan azab kubur tidak disebut secara muktamad dalam al-Quran. Menurut Astora Jabat, hadith yang menjelaskan azab kubur adalah hadith ahad, dan hadith ahad tidak boleh dijadikan hujah dalam perkara akidah. Kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt* pula ialah sebuah kitab akidah yang membincangkan perkara *al-ghaybiyyāt* seperti azab kubur. Zainal Abidin al-Fatani juga telah menggunakan beberapa sumber sebagai dalil, iaitu al-Quran, al-hadith, ijmak dan qias.

¹³ Abū `Abd Allāh Muhammad ibn Yazīd (1955), *Sunan Ibn Mjāh*, Bab Dhikr al-Qabr, no hadith 4207, j.12, al-Qahirah: Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah, h.320.

1.2 Pengertian Tajuk.

Setelah membincangkan latar belakang masalah kajian penulis Seterusnya membincangkan tentang pengertian azab kubur yang yang dibincangkan oleh penulis dalam kajian ini. Azab pada bahasa ialah seksaan, penderitaan atau hukuman.¹⁴ Adapun pada istilah, azab ialah seksaan, hukuman yang ditimpakan kepada manusia disebabkan dosa dan kesalahan yang dilakukannya kerana melanggar perintah atau larangan Allah Ta’ala.¹⁵ Azab juga diistilahkan sebagai kemurkaan Allah akibat dosa yang dilakukan oleh manusia iaitu pelanggaran syariat Allah yang diturunkan kepada nabi dan rasulnya.¹⁶

Manakala kubur dari sudut bahasa ialah قبر maksudnya menimbus.¹⁷ Ibn Manzur, القبور perkataan jama’ daripada القبر bermaksud tempat dikebumikan manusia.¹⁸ Ia juga disebut sebagai barzakh. Adapun kubur pada istilah merupakan suatu tempat meletakkan mayat di dalam bumi. Maka timbul persoalan bagaimana mayat yang tiada kubur seperti yang terbakar, dimakan binatang buas, lemas di dasar laut. Bagi mereka yang meninggal tidak berkubur bukanlah menjadi persoalan yang besar, kerana alam kubur atau alam barzakh itu merupakan sebahagian daripada perkara al-Sami’yyāt.¹⁹ Oleh kerana kebiasaannya mereka yang meninggal dunia akan dikuburkan, maka sebab itulah azab di alam barzakh dinisbahkan kepada kubur.²⁰

¹⁴ Mohd Khairi Zainuddin (2008), *Al-Miftāh*, Negeri Sembilan: al-azhar Media, h.1167. Lihat Ahmad Ibn Muhammad Fayyūmī (1950), *al-Misbāh al-Munīr fī Ghari'b al-Syarh al-Kabīr*, Misr: Mustafa al-Babi al-Halabi, j.1, h.207. Lihat Ibrāhīm Mustafā (1990), *al-Mu'jam al-Wasīt*, Istanbul: Dar al-Da'wah, j.2, h.589.

¹⁵ Al-Tabātabā'i, Muhammad Husayn, (t.t), *Tafsīr al-Mizān Fī Tafsīr al-Qur'ān*, Beirut: al-Mu'assat al-A'lami, j.1, h. 413.

¹⁶ M.Quraish Shihāb (2004), *Wawasan al-Qur'an" Tafsīr Maudhū'ī atas Pelbagai Persoalan Umat."* Jakarta: Penerbit Miza, h.530.

¹⁷ Muhammad Idris Abdul Rauf (t.t), *Kamus Idris al-Marbawī*, Singapore: (t.p), h 110.

¹⁸ Ibn Manzūr, Muhammad Ibn Mukarram (1956), *Lisān al-'Arab*, Beirut: Dar Sadir, j.5, h.68.

¹⁹ Syams al-Dīn Abū 'Abd Allāh b. Qayyim al-Jawzī (1975), *Ibid*, h.58, dan Ahmad Syihāb al-Dīn b. Hajar al-Haythamī (1937), *al-Fatāwā al-Hadīthiyah*, Qahirah: Mustafa al-Babi al-Halabi, h.7. Lihat. Siti Nurul Hanim Mahd Nayai (2007), "Azab Kubur Menurut Al-Sunnah: Tumpuan Kepada Hadith Dalam Al-Sahihayn". (Disertasi M.A, Akedemi Pengajian Islam Universiti Malaya), h.54.

²⁰ Siti Nurul Hanim bin Mahd Nayai (2007), *Ibid*, h. 54.

Telah menjadi kelaziman bahawa setiap manusia yang mati secara tidak langsung akan dikaitkan dengan kubur. Di dalam al-Qur'an juga Allah menggandingkan kalimah kematian dengan dikuburkan. Firmannya:

ثُمَّ أَمَاتَهُ وَفَاقْبَرَهُ^{٢١}

Kemudian dimatikannya, lalu diperintahkan supaya dia dikuburkan.

(Surah 'Abasa: 21)

Adapun alam barzakh pada 'uruf bahasa Arab ialah,

ما حجز بين شيئاً أو ما فصل بين ما هيئين

Suatu yang mendinding diantara dua perkara atau suatu yang memisahkan antara dua perkara.

Alam Barzakh pada bahasa berasal dari perkataan Arab (برزخ) yang bermaksud pemisah atau sempadan antara dua benteng²¹. Firman Allah s.w.t:

مَرَجَ الْبَحْرَيْنِ يَلْتَقِيَانِ^{١٩} بَيْنَهُمَا بَرَزَخٌ لَا يَبْغِيَانِ^{٢٠}

Maksudnya ia biarkan air dua laut (yang masin dan Yang tawar) mengalir, sedang keduanya pula bertemu di antara keduanya ada penyekat Yang memisahkannya, masing-masing tidak melampaui sempadannya.

(Surah Al-Rahman: 19-20)

وَهُوَ الَّذِي مَرَجَ الْبَحْرَيْنِ هَذَا عَذْبٌ فُرَاتٌ وَهَذَا مِلْحٌ أَجَاجٌ وَجَعَلَ بَيْنَهُمَا بَرَزَخًا وَحِجْرًا مَّحْجُورًا^{٢١}

²¹ Muhammad b. Abū Bakr al-Rāzī (1985) *Mukhtaṣar al-Ṣīhah*, c.3, Bayrut: Maktabah Lubnan, h.20. Lihat dalam Siti Nurul Hanim bin Mahd Nayai (2007), *Ibid*, h.32. Lihat dalam Ibn Manzūr, Muhammad b. Mukram (1994), *Ibid*, j.1, h. 296.

Dialah Tuhan yang telah mengalirkan dua laut berdampingan, yang satu tawar lagi memuaskan dahaga dan yang satu lagi masin lagi pahit; serta Dia menjadikan antara kedua-dua laut itu sempadan dan sekatan yang menyekat percampuran keduanya.

Surah al-Furqan :53

Manakala maksud barzakh pada ‘uruf agama ialah,

البرزخ هو الحياة المجردة عن النعيم أو الشقاء الجثماني التي تستقل فيها الروح عن الجسد

Barzakh ialah kehidupan yang terputus daripada nikmat dan sengsara yang dinisbahkan kepada tubuh, yang terasinglah padanya oleh roh daripada jasad.²²

Hasil perbincangan tentang pengertian azab kubur, dapat dirumuskan bahawa, azab itu adalah seksaan atau hukuman yang dikenakan ke atas manusia yang derhaka kepada Allah Ta’ala. Maka manusia diazab dengan sebab dosa yang mereka lakukan selama mereka tidak bertaubat kepada Allah Ta’ala. Adapun kubur ialah tempat meletakkan mayat, sama ada dalam tanah atau lainnya, seperti di dalam laut, terbakar atau dimakan binatang buas. Disebutkan kubur kerana kebiasaannya orang meninggal dunia akan dikebumikan di dalam tanah.

1.3 Kepentingan Kajian.

Kajian ini amat penting kerana isu azab kubur ini merupakan sebahagian daripada akidah yang wajib diyakini, maka perlu kepada satu kajian yang menjelaskannya agar masyarakat dapat memahaminya dengan jelas dan tidak terkeliru dan tersasar dari fahaman aqidah Ahl Sunnah wal-Jamaah.

²² *Ibid*, h.20.

Kajian ini juga penting kerana ia dapat memberikan sumbangan kepada masyarakat tentang nilai tambah ilmu dan perluasan sempadan ilmu dalam kajian akidah, kerana dalam kajian ini akan dibincangkan azab kubur berdasarkan hujah al-Qur'an, al-Sunnah, ijmak dan qias. Berhubung dengan kajian tentang azab kubur, setakat ini penulis dapati di Universiti Malaya, terdapat latihan ilmiah yang telah menulis tentang azab kubur, tetapi di peringkat sarjana sukar untuk ditemui mereka yang mengkaji tentang azab kubur. Contohnya, kajian Sarjana Usuluddin yang ditulis oleh Siti Nurul Hanim telah mengkaji tentang hadith-hadith tentang azab kubur dalam kitab Sahih Bukhari dan Muslim. Manakala kajian tentang pemikiran Zainal Abidin pula, penulis dapati sudah ada sarjana yang mengkaji, tetapi tidak mengkaji pemikiran Zainal Abidin al-Fatani tentang azab kubur. Maka ruang masih belum dikaji ialah pemikiran Zainal Abidin al-Fatani tentang azab kubur dalam kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt*.

Dengan kajian ini masyarakat juga dapat mengetahui pandangan dan hujah ulama Ahli Sunnah yang muktabar terhadap azab kubur, seperti Imam al-Nawāwī, al-Baydāwī, Fakhr al-Dīn al-Rāzī, Imam Abu al-Hasan al-‘Asy’arī dan Abū Mansūr Maturidī. Kajian ini juga sangat penting kerana ia dapat menjelaskan kepada masyarakat hujah bagi mereka yang menolak sabitnya azab kubur seperti golongan Muktazilah, Athies dan Astora Jabat serta dapat membezakan akidah yang benar dan yang tersasar dari akidah Ahl Sunnah Wal-Jamaah. Dengan bersumberkan dalil yang sahih melalui al-Quran, al-Sunnah dan disokong dengan pandangan ulama yang muktabar melalui ijmak dan qias, sudah pasti akan dapat memantapkan pegangan akidah yang benar kepada masyarakat.

1.4 Permasalahan Kajian.

- i. Bagaimanakah kedudukan kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt* dari aspek latar belakang penulisan, kandungan perbahasan, dan keistimewaananya sebagai sebuah karya ilmiah?
- ii. Bagaimana pemikiran Zainal Abidin al-Fatani berkaitan azab kubur dalam kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt*?
- iii. Apakah perbezaan dan persamaan pemikiran Zainal ‘Abidin al-Fatani berkaitan azab kubur dengan ulama-ulama Melayu?

1.5 Objektif Kajian.

- i. Mengkaji kedudukan kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt* dari aspek latar belakang penulisan, kandungan perbahasan, dan keistimewaananya sebagai sebuah karya ilmiah.
- ii. Mengkaji pemikiran Zainal ‘Abidin al-Fatani berkaitan azab kubur dalam kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt*.
- iii. Menganalisis perbandingan pemikiran Zainal ‘Abidin al-Fatani berkaitan azab kubur dengan ulama -ulama Melayu.

1.6 Skop Kajian.

Sesebuah kajian perlu kepada batasan kajian, oleh itu penulis membataskan kajian ini kepada pemikiran Zainal ‘Abidin al-Fatani tentang azab kubur yang terkandung dalam kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt*. Dan turut disentuh dalam kajian ini ialah isu-isu yang mempunyai kaitan dengan azab kubur, bagi membantu menguatkan penghujahan dalam kajian ini. Selain itu penulis juga akan meneliti isu azab kubur dari sudut pandangan

‘ulama Melayu iaitu Syeikh Daud al-Fatani, Syeikh Ali bin Abdul Rahman (Ali Kutan), dan Syeikh Abdul Qadīr al-Mandīlī bagi memudahkan penulis membuat perbandingan di antara pandangan mereka dengan pemikiran Zainal ‘Abidin al-Fatani.

1.7 Metodologi Kajian.

Dalam penyelidikan ilmiah, metodologi memainkan peranan yang besar dan merupakan teknik terpenting untuk mendapatkan data dan fakta secara sistematik. Apabila sesuatu kajian menggunakan metodologi yang sesuai, maka sebuah penelitian yang berkualiti dan bermutu akan terhasil.²³ Penulis menggunakan metodologi kajian berbentuk kajian perpustakaan.

1.8 Metode Pengumpulan Data.

Dalam kajian ini penulis akan berusaha mendapatkan data-data yang berbentuk fakta yang kuat bagi menyokong kajian ini agar ia mempunyai nilai kualiti yang tinggi dan bermanfaat kepada generasi akan datang. Oleh demikian penulis telah menggunakan beberapa metode bagi mengumpulkan data untuk kajian ini, iaitu metode dokumentasi.

a. Metode Dokumentasi.

Metode Dokumentasi ialah proses mendapatkan data yang diperolehi dengan melakukan kajian terhadap dokumen-dokumen yang ada hubungan dengan masalah yang sedang dikaji.²⁴ Dokumen ialah benda-benda bertulis yang dapat memberi keterangan tertentu terhadap sesuatu.²⁵ Penulis menggunakan kitab-kitab yang muktabar, buku-buku, jurnal, kertas kerja, kamus dan bahan-bahan lain sebagai sumber rujukan dalam kajian ini. Metode ini penulis gunakan dalam membincangkan kedudukan kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt* dari aspek kandungan perbahasan, metodologi perbahasan, dan

²³ Abd. Halim b. Mat Diah (1987), *Satu Contoh Dalam Huraihan Metodologi*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h. 115

²⁴ *Ibid*, h. 115.

²⁵ Imam Barnadib (1982), *Arti Dan Metod Sejarah Pendidikan*. Yogyakarta: Percetakan Fip Ikip, h.52.

keistimewaannya sebagai sebuah karya ilmiah dan pada perbincangan tentang pemikiran Zainal ‘Abidin al-Fatani berkaitan azab kubur dalam kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt*. Begitu dalam menganalisis perbandingan pemikiran Zainal ‘Abidin al-Fatani berkaitan azab kubur dengan ulama -ulama Melayu.

b. Metode Temubual.

Dalam kajian ini penulis juga menggunakan metode temubual, bertujuan mendapatkan maklumat yang mempunyai kaitan dengan tajuk kajian ini untuk diteliti dan dikaji serta dibentang dalam bentuk penulisan. Penulis menggunakan metode ini untuk mengesahkan sesuatu perkara yang perlu pengesahan di samping kemungkinan ada maklumat-maklumat tambahan yang tersirat di sebalik dokumentasi sedia ada. Data yang diperolehi melalui temubual dapat diperkuuhkan dan diperlengkapkan lagi. Ustaz Haji Mohd Salmi b. Hj. Suhaimi²⁶, dan Dato’ Hj Md. Salleh bin Hj. Ahmad²⁷, adalah antara individu yang akan ditemubual bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan kajian ini. Penulis memilih mereka, kerana melihat keterlibatan mereka dengan

²⁶ Haji Mohd Salmi, Penolong kanan Madrasah al-Irsyādiah al-Wataniah Sungai Bakap. Temubual pada 6 September 2016. Beliau mula mendapat pendidikan awal di Madrasah al-Irsyādiah al-Wataniah Sungai Bakap Seberang Prai Selatan yang lebih dikenali dengan Pondok Tuan Guru Hj. Yusuf. Haji Mohd Salmi merupakan menantu kepada pengasas pondok tersebut iaitu al-Marhum Tuan Guru Hj Yusuf. Kemudian beliau meneruskan pengajian ke Pondok Pasir Tumbuh, Kota Bahru Kelantan, dan seterusnya ke Syria. Kemudian beliau melanjutkan pengajian ke Universiti Islam Madīnah al-Munawwarah. Sekarang beliau berkhidmat sebagai tenaga pengajar di Madrasah al-Irsyādiah Sungai Bakap. Selain sebagai penceramah bebas, beliau juga telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Majlis Fatwa Negeri Pulau Pinang.

²⁷ Dato’Hj Mohd Salleh bin Hj Ahmad dilahirkan di kampung Permatang Sungai Dua, Kepala Batas, Seberang Prai, Pulau Pinang pada 5 Julai 1947. Ayah beliau ialah Tuan Guru Haji Ahmad Bin Yunus yang merupakan Tuan Guru pondok di Sungai Petai, Perak. Beliau pernah belajar di Pondok Gajah Mati, Pendang, Kedah, dan Madrasah Irsyādiah, Batu 26, Bagan Datoh, Perak, dan beliau juga pernah belajar di Pondok Bunut Payong, Kota Bharu. Seterusnya melanjutkan pelajaran di Maktab Pengajian Islam, Kota Bharu, Kelantan, dan meneruskan pengajian di Fakulti Syariah dan Undang-undang, Yayasan Pengajian Islam Tinggi Kelantan Nilam Puri dan mendapat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Syariah, seterusnya melanjutkan pelajaran di Universiti al-Azhar, Mesir, dan mendapat Ijazah Sarjana Muda Syariah. Kemudian beliau berjaya mendapat Ijazah Sarjana Syariah dalam bidang Fiqh. Dato’ Hj Mohd Salleh Ahmad pernah menjadi pensyarah di Fakulti Syariah, Akademi Islam, Universiti Malaya. Beliau juga menjadi Ahli Jawatankuasa Majlis Fatwa Negeri Perak, dan juga merupakan Ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak (Fatwa) Negeri Selangor serta Ahli Jawatankuasa Syariah (Fatwa) Negeri Pulau Pinang hingga sekarang. Sekarang beliau menetap di Madrasah al-Irshād al-Wataniyah, Jalan Stesen Sungai Bakap Seberang Prai Selatan. Temubual diadakan pada 03 Oktober 2017, Jam 08.55 pagi.

sistem pengajian pondok bermula dari peringkat awal hingga menjadi tenaga pengajar, serta mahir dengan cara pengajian kitab kuning.

Melalui metode ini penulis akan mendapatkan beberapa maklumat berkaitan Zainal Abidin al-Fatanial-Fatani, penulis juga menentukan terlebih dahulu isu-isu yang perlu untuk diberi penjelasan lanjut sebelum temubual dilakukan.

c. Metode Analisis Data

Setelah semua data dan maklumat yang berkaitan dengan kajian dikumpulkan melalui metode yang digunakan oleh penulis, kemudian penulis akan menganalisa data-data dan maklumat tersebut dengan menggunakan beberapa metode, iaitu metode induktif, deduktif dan komparatif.

i. Metode Induktif

Metode induktif ialah cara menganalisis data melalui pola berfikir yang mencari pembuktian dari hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil yang bersifat umum.²⁸ Metode ini digunakan oleh penulis bagi mengkaji kedudukan kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt* dari aspek kandungan perbahasan, metodologi perbahasan dan keistimewaannya sebagai sebuah karya ilmiah. Mengkaji pemikiran Zainal ‘Abidin al-Fatani berkaitan azab kubur dalam kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt*. Dan menganalisis perbandingan pemikiran Zainal ‘Abidin al-Fatani berkaitan azab kubur dengan ulama - ulama Melayu.

ii. Metode Deduktif

Metode deduktif pula ialah cara menganalisis data melalui pola berfikir yang mencari pembuktian terhadap hal-hal khusus dengan berpijak kepada dalil-dalil yang umum²⁹, melalui metode ini penulis akan menghuraikan masalah dengan lebih terperinci dengan

²⁸ Koentjaraningrat (1991), *Method-Method Penelitian Masyarakat*. Jakarta: P.T Gramedia, h.16.

²⁹ *Ibid*, h. 16.

menggunakan data-data yang jelas.³⁰ Metode ini digunakan ketika membincangkan pemikiran Zainal ‘Abidin al-Fatani berkaitan azab kubur dalam kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt* dan menganalisis perbandingan pemikiran Zainal ‘Abidin al-Fatani berkaitan azab kubur dengan ulama -ulama Melayu.

iii. Metode Komparatif

Metode komparatif ialah cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan terhadap data-data yang telah terkumpul ketika kajian dilakukan.³¹ Metode ini akan digunakan oleh penulis ketika menganalisis tentang perbandingan pemikiran Zainal Abidin al-Fatani berkaitan azab kubur dengan ulama -ulama Melayu.

1.9 Kajian Literatur.

Dalam kajian literature, penulis akan menjelaskan beberapa kajian lepas yang membincangkan dua perkara, iaitu kajian tentang ketokohan dan latar belakang Zainal Abidin bin Muhammad al-Fatani dan Pemikiran Zainal Abidin al-Fatani Tentang Azab Kubur.

1.9.1 Kajian Tentang Zainal Abidin bin Muhammad al-Fatani

Terdapat beberapa kajian yang membincangkan ketokohan Zainal Abidin al-Fatani, tetapi kajian tersebut lebih tertumpu kepada ketokohan dan latar belakang Zainal Abidin sahaja, tanpa mengaitkan dengan perbahasan kitab *Kaysf al-Ghaibiyāt* dari aspek kandungan perbahasannya, keistemewaannya sebagai sebuah kitab ilmiah.

³⁰ Lou Safi (1998), *Asas-asas ilmu pengetahuan: Satu kajian perbandingan kaedah-kaedah penyelidikan Islam dan Barat*, Kuala Lumpur: The International of Islamic Thought, h. 40.

³¹ Abd. Halim b. Mat Diah (1987), *Satu Contoh Dalam Huraian Metodologi*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h. 115.

Wan Mohd Shagir Abdullah (2000), menulis dalam bukunya yang bertajuk *Wawasan Pemikiran Islam Ulama Asia Tenggara*³². Dalam buku ini beliau membahagikan kepada empat perbincangan. Perbincangan pertama, bertajuk: *Tiga Zaman Pembentukan Istilah Ilmu-Ilmu Keislaman Di Asia Tenggara*. Dan yang dimaksudkan oleh beliau dengan tiga zaman tersebut ialah zaman penulisan kitab Melayu atau Jawi Aceh, zaman kemunculan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani, dan zaman kemunculan Syeikh Ahmad al-Fatani sebagai pentashih kitab Melayu jawi. Perbincangan kedua, bertajuk: *Ahl Sunnah Wal Jamaah Sebagai Teras Kesatuan Ummat Di Malaysia*. Perbincangan ketiga, bertajuk: *Ulama-Ulama Nusantara Satu Paparan Mengenai Ketokohan Dan Karya-Karya Mereka*. Perbincangan keempat, bertajuk: *Tokoh-Tokoh Dan Karya-Karya Ulama-Ulama Patani*.

Apabila membincangkan tokoh dan karya ulama Patani, Wan Mohd Shagir menjelaskan secara ringkas latar belakang pendidikan Zainal Abidin al-Fatani, iaitu beliau merupakan murid kepada Syeikh Haji Wan Mustafa al-Fatani, dan beberapa sumbangan Zainal Abidin al-Fatani dalam bidang akidah melalui penulisan, antaranya kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt* dan kitab *Irsyād al-‘Ibād*. Tetapi di dalam buku ini beliau tidak membincangkan tentang kandungan perbahasan yang terdapat dalam kitab *Kasyf al-Ghaibiyāt* dan keistemewaanya sebagai sebuah kitab ilmiah.

Ahmad Fathy (2002), juga telah menulis buku yang bertajuk *Ulama Besar Dari Patani*.³³ Dalam buku ini beliau telah membahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama lima belas orang ulama, bahagian kedua dua puluh lima orang ulama. Dalam buku ini beliau membincangkan susur galur keturunan Zainal Abidin al-Fatani, dan juga ketokohan beliau yang tersenarai dalam tujuh orang ulama pengarang asal Patani yang

³² Wan Mohd Shagir Abdullah (2000), menulis dalam bukunya yang bertajuk *Wawasan Pemikiran Islam Ulama Asia Tenggara*, Kuala Lumpur: Persatuan Pengkajian Khazanah Klasik Nusantara & Khazanah Fathaniyah, 2000-2004.

³³ Ahmad fathy al-Fatani (2002), *Ulama besar dari Patani*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi.

prodaktif. Zainal Abidin al-Fatani merupakan salah seorang dari ulama yang aktif menulis kitab ilmiah dan di antara kitab yang telah beliau hasilkan ialah kitab *Kaysf al-Ghaybiyyāt*. Ahmad Fathy juga tidak membahaskan dalam bukunya kandungan kitab *Kaysf al-Ghaybiyyāt*, metode perbahasan dan keistemewaanya sebagai sebuah kitab ilmiah, sebagaimana yang akan dikaji oleh penulis.

Hasan Madmaran dalam bukunya yang bertajuk: *Pondok Dan Madrasah Di Patani*,³⁴ membincangkan sejarah perkembangan pondok di Patani. Perbincangan tentang Zainal Abidin al-Fatani telah diletakkan di dalam bab tiga yang bertajuk: *Ulama Patani dan Peranan Mereka dalam Pendidikan Islam*. Dalam buku tersebut dibincangkan karya-karya agung Zainal Abidin al-Fatani, bermula dari kitab *Kasyf al-Lithām ‘An- As’ilah al-Anām*, *Kasyf al-Ghaybiyyāt*, *Irsyād al-‘Ibād ilā Sabīl al-Rasyād* dan *Miftāh al-Murīd Fi ‘ilm al-Tawhīd*.

Walaupun buku ini membincangkan karya-karya yang telah ditulis oleh Zainal Abidin al-Fatani, tetapi buku ini tidak membincangkan kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt* dari aspek yang akan dikaji oleh penulis, iaitu latar belakang penulisan, kandungan perbahasan, dan keistemewaanya sebagai kitab ilmiah secara terperinci.

Setelah melihat kepada kajian lepas, penulis dapati kebanyakan pengkaji hanya membincangkan tokoh dan karya-karya Zainal Abidin al-Fatani secara ringkas dan tidak mendalami perbahasan kandungan dan metode perbahasan kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt*. Oleh itu penulis merasakan masih ada ruang yang perlu dikaji untuk diteliti kedudukan kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt* dari aspek kandungan perbahasan, metode perbahasan dan keistemewaanya sebagai sebuah kitab ilmiah.

³⁴ Hasan Madmaran (2001), *Pondok Dan Madrasah Di Patani*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 45-48.

1.9.2 Pemikiran Zainal Abidin al-Fatani Tentang Azab Kubur.

Terdapat beberapa kajian tentang pemikiran Zainal Abidin al-Fatani yang berkaitan dengan akidah, antaranya, Faizuri Abd. Latif (2009), di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, yang bertajuk *Pemikiran Tuan Minal dalam Akidah ketuhanan: Kajian terhadap kitab ‘Aqīdah al-Nājīn*.³⁵ Kajian beliau lebih tertumpu kepada perbahasan aspek-aspek ketuhanan yang bersandarkan kitab ‘Aqīdah al-Nājīn, seperti *dhat*, sifat dan *af’al* Allah s.w.t. Beliau juga membincangkan pemikiran Zainal Abidin al-Fatani terhadap konsep ketuhanan. Adapun perbahasan yang berkaitan dengan *dhat* Allah, beliau telah membahaskan pemikiran Zainal Abidin dalam kitab ‘Aqīdah al-Nājīn tentang kewujudan Allah s.w.t serta mentanzihkan Allah s.w.t daripada segala sifat-sifat kekurangan. Faizuri juga membincangkan pemikiran Zainal Abidin al-Fatani dalam membahaskan ayat al-Quran dan hadith yang *mutasyābihāt*, kalam Allah dan tentang melihat Allah di hari akhirat. Faizuri juga membincangkan pemikiran Zainal Abidin al-Fatani berkaitan dengan sifat-sifat Allah s.w.t, iaitu tentang pengertian sifat serta pembahagian sifat Allah kepada sifat wajib, mustahil dan harus. Kajian ini hanya membincangkan pemikiran Zainal Abidin al-Fatani tentang ketuhanan bersandarkan kepada kitab ‘Aqīdah al-Nājīn, tanpa membincangkan pemikiran Zainal Abidin tentang azab kubur sebagaimana yang akan dikaji oleh penulis.

Wan Suhaimi bin Wan Abdullah pula dalam *Jurnal AFKAR* bertajuk, *Beberapa Aspek Epistemologi al-Syaikh Zayn al-Abidin bin Muhammad al-Fatani: Suatu Penelitian Terhadap Karyanya ‘Aqīdah al-Nājīn, Fi ‘Ilm Usūluddīn*,³⁶ membincangkan

³⁵ Faizuri b. Abd Latif (2009), “Pemikiran Tuan Minal Dalam Aqidah Ketuhanan: Kajian Terhadap Kitab ‘Aqīdah al-Nājīn”, (Tesis PhD, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 362.

³⁶ Wan Suhaimi Wan Abdullah (2001), “Beberapa Aspek Epistemologi al-Syaikh Zayn al-Ābidīn bin Muhammad al-Fatani: Suatu Penelitian Awal Terhadap Karyanya ‘Aqīdah al-Nājīn Fī Ilm Usūluddīn”, *Jurnal Afkar*, bil 2, Jun 2001, h.107-122.

epistemologi dalam kitab ‘*Aqīdah al-Nājīn*. Penulis dapati Wan Suhaimi lebih memfokuskan perbincangan tentang ‘*Ilm* serta hukum akal dan lainnya.

Faizuri Abd. Latif dan Faisal @ Ahmad Faisal bin Abdul Hamid pula dalam makalah diterbitkan dalam *Jurnal Afkar* bertajuk: “*Pemikiran Kesederhanaan dalam Isu-isu Akidah Menurut Syeikh Zainal Abidin al-Fatani*”,³⁷ membincangkan pemikiran kesederhanaan yang telah lama dipraktikkan oleh ulama Melayu dalam penulisan mereka seperti Syeikh Zainal Abidin al-Fatani dan Syeikh Daud al-Fatani. Dalam makalah ini dibincangkan konsep kesederhanaan akidah yang terdapat dalam pemikiran seorang ulama Melayu iaitu Sheikh Zainal Abidin al-Fatani atau “Tuan Minal” melalui karyanya ‘*Aqīdah al-Nājīn*. Walaupun kedua-dua jurnal di atas telah membincangkan pemikiran Zainal Abidin al-Fatani, tetapi makalah tersebut tidak membahaskan pemikiran Zainal Abidin al-Fatani tentang azab kubur dalam kitab *Kasyf al-Ghaibiyyāt*.

Faizuri Abd Latif, dalam kertas kerja Seminar yang bertajuk: *Ahl al-Sunnah Wa al-Jamā`ah Dalam Karya Akidah Ulama Melayu: Tinjauan Karya Syeikh Zainal Abidin al-Fatani*, membincangkan tentang ulama Melayu tidak terlepas daripada pengaruh beberapa aliran pemikiran seperti Asyā’irah, Maturidiah, Syiah dan lain-lain. Tetapi pemikiran tauhid ulama Melayu lebih cenderung kepada berpegang kepada mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jama`ah. Faizuri lebih menumpukan kepada pemikiran ulama Melayu dalam akidah khususnya pemikiran Zainal Abidin al-Fatani. Walaupun beliau membincangkan pemikiran Zainal Abidin al-Fatani, tetapi tidak merujuk kepada

³⁷ Faizuri bin Abd. Latif dan Faisal @Ahmad Faisal bin Abdul Hamid, (2014), “Pemikiran Kesederhanaan Dalam Isu-isu Akidah Menurut Sheikh Zainal Abidin al-Fatani”, *Jurnal Afkar*, bil 15, Julai 2014.

pemikiran Zainal Abidin al-Fatani tentang azab kubur dalam kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt*.³⁸

Berhubung dengan azab kubur, penulis telah mendapati kajian mengenainya yang dapat membantu penulis untuk melakukan kajian ini, di antaranya: Siti Nurul Hanim Mahd Nayai dalam kajian Sarjana Usuluddin yang bertajuk: “*Azab Kubur Menurut al-Sunnah; Tumpuan Kepada Hadith dalam Al-Sahīhayn*”³⁹ menumpukan kepada persoalan azab kubur dari kacamata al-Sunnah khususnya hadith-hadith *al-Sahīhayn* iaitu Sahih Bukhari dan Sahih Muslim yang merupakan kitab hadith yang paling sahih menurut jumhur ulama. Beliau memfokuskan kepada hadith-hadith yang menyebut tentang kewujudan azab kubur, yang ada di antaranya dihukumkan sebagai *mutawātir maknawī* oleh sesetengah ulama dan sebahagian besarnya adalah bertaraf *muttafaq ‘alayh*. Walaupun kajian beliau berkenaan dengan azab kubur namun ia tidak merujuk kepada pemikiran Zainal Abidin di dalam kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt*. Penulis juga dapati tidak semua hadith yang digunakan oleh Siti Nurul Hanim dalam kajiannya itu hadith yang sama digunakan oleh Zainal Abidin al-Fatani di dalam kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt*.

Penulis tidak menafikan telah ada pengkaji yang telah mengkaji tentang azab kubur, dan setelah meneliti kepada kajian mereka, penulis dapati masih terdapat ruang perbahasan yang memerlukan kepada kajian, iaitu mengkaji kedudukan kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt* dari aspek kandungan perbahasan, metodologi perbahasan dan keistimewaannya sebagai sebuah karya ilmiah. Dan juga mengkaji pemikiran Zainal Abidin al-Fatani berkaitan azab kubur dalam kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt* serta membuat

³⁸Faizuri bin Abd Latif (2015), “Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah dalam karya ulama Melayu: Tinjauan karya Syeikh Zainal Abidin al-Fatani,” (Kertas Kerja Seminar Serantau Sumbangan Ulama ‘Ashā’irah dan Māturidiyah Dalam Pemantapan Akidah Islamiah (19-20 Ogos 2015: Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam).

³⁹ Siti Nurul Hanim Mahd Nayai (2007), “Azab Kubur Menurut Al-Sunnah: Tumpuan Kepada Hadith Dalam Al-Sahihayn”. (Disertasi M.A, Akedemi Pengajaran Islam Universiti Malaya).

perbandingan pemikiran Zainal ‘Abidin al-Fatani berkaitan azab kubur dengan ulama - ulama Melayu.

1.10 SISTEMATIKA PENULISAN

Penulis membahagikan kajian ini kepada lima bab, setiap bab disusun dengan teliti mengikut susur galur kajian yang boleh menyampaikan penulis kepada tercapainya objektif kajian.

Dalam bab Pertama, membincangkan beberapa perkara yang berkaitan dengan latar belakang kajian, kepentingan kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, skop kajian, metode kajian, kajian Lepas dan sistematika penulisan.

Dalam bab kedua, penulis menumpukan kepada sumbangan Zainal Abidin al-Fatani dalam bidang akidah dan keilmuan. Turut disentuh dalam bab ini ialah latar belakang pendidikan Zainal Abidin al-Fatani, pusat pengajian pondok yang telah diasaskan oleh beliau. Penulis juga membincangkan karya-karya ilmiah yang telah beliau hasilkan mencakupi bidang fiqh dan akidah. Bab ini juga membincangkan generasi ilmu yang dilahirkan oleh beliau sebagai sebahagian dari sumbangan beliau dalam bidang pendidikan dan keilmuan. Dalam bab ini, penulis turut membincangkan latar belakang penulisan dan isi kandungan kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt*. Keistimewaan kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt* sebagai karya ilmiah juga dibincangkan oleh penulis dalam bab ini, seperti sumber-sumber yang terdapat dalam kitab ini, iaitu sumber dari al-Qur'an, al-Hadith dan kitab-kitab ulama yang muktabar.

Dalam bab ketiga, penulis membincangkan perbahasan azab kubur dalam kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt*, iaitu keadaan mayat ketika dimasukkan ke dalam kubur, dibentangkan kepada mayat tempat tinggalnya sama ada syurga atau neraka. Dalam bab ini juga dibincangkan tentang roh, soal Munkar dan Nakir di alam kubur, serta kelebihan meninggal dunia pada hari jumaat, meratap ke atas mayat, dan tidak cermat

dalam bersuci daripada hadas yang merupakan sebab kenapa mayat diazab di dalam kubur. Kemudian penulis akan menjelaskan pemikiran Zainal Abidin al-Fatani tentang azab kubur dalam kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt*, dan diakhiri dengan kesimpulan.

Dalam bab empat, penulis menumpukan perbincangan pemikiran Zainal Abidin al-Fatani tentang azab kubur dan analisis terhadap kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt*. Dalam bab ini akan dibincangkan pengertian azab kubur, situasi roh di alam kubur, dan soal Mungkar dan Nakir di alam kubur. Bab ini juga membincangkan azab kubur seperti azab kubur disebabkan ratapan ke atas mayat, himpitan kubur, azab kubur disebabkan tidak menolong orang yang kena zalim dan kerana tidak cermat dalam urusan bersuci. Dalam bab ini penulis akan membuat perbandingan pemikiran Zainal Abidin al-Fatani dengan ulama Melayu yang lain seperti yang tersebut dalam skop kajian.

Dalam bab kelima, penulis akan membuat rumusan hasil daripada kajian yang dijalankan dan cadangan serta saranan kepada pengkaji yang akan menjalankan kajian seterusnya pada masa akan datang.

BAB 2:

ZAINAL ‘ABIDIN BIN MUHAMMAD AL-FATANI DAN SUMBANGANNYA DALAM BIDANG AQIDAH

2.1 Pengenalan

Ulama’ merupakan penyambung kepada warisan dakwah yang dibawa oleh Rasulullah S.A.W. Oleh itu, kedudukan ulama dalam Islam adalah dipandang tinggi kerana mereka berada dalam kategori golongan yang mempunyai ilmu serta memahami agama dari sumbernya iaitu al-Qur'an dan al-Hadith.

Ulama memberi sumbangan yang amat besar dalam menyampaikan risalah Islam ke seluruh pelusok dunia, tidak ketinggalan di Nusantara ini. Zainal al-Abidin bin Muhammad al-Fatani ialah salah seorang ulama yang terkemuka di alam nusantara ini. Maka dalam bab ini penulis akan membincangkan biodata beliau, latar belakang pendidikan, karya-karya, penglibatan beliau dalam bidang akidah di samping meneliti sumbangan beliau dalam bidang tersebut.

2. 2 Latar Belakang Tokoh.

Nama sebenar Zainal Abidin al-Fatani ialah Syeikh Zainal Abidin bin Muhammad bin Muhammad Dahhan bin Syeikh Wan Syamsuddin bin Syeikh Jaafar¹. Beliau dilahirkan di kampung Bendang Badang, iaitu sebuah kampung yang terletak di lembangan Sungai Patani, berdekatan dengan pekan Binjai Lama yang terletak di tengah-tengah perjalanan antara Bandar Patani dengan Bandar Yala, Selatan Thailand.² Tuan Minal adalah gelaran yang lebih dikenali berbanding dengan Zainal Abidin ekoran daripada, peristiwa

¹Ahmad Fathy al-Fatani (2002), *Ulama besar dari Patani*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi, h. 62.

²Ibid, h. 64

yang berlaku antara Zainal Abidin (Tuan Minal) dengan muridnya. Apabila beliau berasa marah dan runsing terhadap muridnya beliau akan membaca surah al-Nās dan apabila sampai ayat *min al-jinnati wa al-nās*, beliau meninggikan suaranya. Semakin kuat rasa marahnya semakin tinggilah tekanan suaranya terhadap ayat tersebut. Ekoran seringkali menyebut ayat tersebut, maka lama kelamaan melekatlah kalimah *min al-jinnah* menjadi gelarannya. Kemudian kalimah tersebut disingkatkan menjadi “minal”.³

Menurut Ahmad Fathy, Syeikh Jaafar berkahwin dengan Wan Jamilah al-Syandaniah binti Syeikh Ibrahim al-Hadrami. Selain melahirkan Syeikh Syamsudin yang menurunkan Zainal ‘Abidin al-Fatani (Tuan Minal), perkahwinan tersebut juga melahirkan Syeikh Wan Senik al-Kerisiki. Di sini perlu diingat bahawa Syeikh Wan Senik telah berkahwin dengan sepupunya Wan Zainab, dan hasil perkahwinan tersebut mereka telah memperoleh dua orang anak, iaitu Wan Idris dan Wan Husain. Dari jalur Wan Idris muncul seorang tokoh ulama’ besar alam Melayu bernama Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani.⁴

Tidak dapat dipastikan pangkat atau hubungan kekeluargaan antara Zainal Abidin al-Fatani (Tuan Minal) dengan Syekh Daud al-Fatani (kemungkinan saudara tiga pupu) akan tetapi jika dilihat daripada salsilah ini, sangat jelas pertalian keluarga antara dua orang ulama’ asal Fattani ini. Setidak-tidaknya pada peringkat leluhur yang sangat dekat. Cuma Syeikh Daud al-Fatani mempunyai tarikh lahir pada 1769M, tetapi tidak demikian halnya dengan Zainal Abidin al-Fatani (Tuan Minal).⁵ Setakat ini masih banyak maklumat tentang Zainal Abidin al-Fatani (Tuan Minal) tidak diketahui seperti tarikh lahir mahu pun tarikh kematiannya. Selain itu, maklumat mengenai keluarga ibunya juga belum diperoleh. Setakat maklumat yang sempat dikumpul, Ahmad Fathy

³ *Ibid.*

⁴ *Ibid*, h. 62.

⁵ *Ibid.*

al-Fatani telah memberi pendapatnya bahawa jangka waktu hayat Zainal Abidin al-Fatani adalah antara 1820-an hingga 1910-an (iaitu sekitar 85 hingga 95 tahun).⁶

Zainal Abidin al-Fatani (Tuan Minal) pernah mendirikan rumah tangga sebanyak tiga kali. Daripada semua perkahwinan tersebut, beliau telah dikurniakan tujuh orang cahaya mata. Hasil daripada perkahwinan yang pertama dengan hajah Maryam,⁷ beliau dikurniakan lima orang anak iaitu Haji Husain (Wak Hj. Hasan), Hajah Aisyah (Tok Ngah Aisyah), Hajah Fatimah (Tok Fatimah), Haji Husin (Pak Lang Husin) dan Haji Daud (Pak Cu Daud).⁸ Daripada perkahwinan kedua dan ketiga beliau telah dikurniakan dua orang cahaya mata iaitu Haji Muhamad Saleh dan Haji Omar (Pak Da).⁹ Anak sulung Zainal Abidin ialah Hasan. Beliau merupakan waris yang paling akhir meninggal dunia. Beliau juga dikatakan sempat berhijrah bersama bapanya ke Seberang Perai, Pulau Pinang. Haji Hasan juga pernah menulis sebuah risalah yang berjudul *Pungutan Kanak-kanak*, namun tidak diketahui lebih lanjut tentang kandungan risalah tersebut. Manakala anak ketiga beliau (Hajah Fatimah) dikatakan telah berkahwin dengan seorang ulama Patani yang bernama Hj. Abdul Rashid. Dalam kalangan zuriat Zainal Abidin al-Fatani, Haji Muhamad Saleh dan Haji Omar sahaja yang paling terkenal dan dilihat mampu menjadi penerus kepada perjuangan beliau. Ini kerana kedua-dua orang anak ini turut mengikuti jejak langkah beliau sebagai seorang penulis.¹⁰

Selain Hj. Muhamad Saleh dan Hj. Omar ramai lagi keturunan Zainal Abidin al-Fatani yang berjaya menjadi ulama dan tokoh masyarakat. Salah seorang cicit beliau

⁶ *Ibid*, h. 62.

⁷ Hajah Maryam dikatakan pernah berkahwin dan mempunyai seorang anak perempuan yang bernama Hajah Sofiah. Selepas kematian suaminya, beliau bertemu jodoh dengan Zainal Abidin al-Fatani (Tuan Minal). Lihat Faizuri b. Abd Latif (2009), *Ibid*, h. 69.

⁸ *Ibid*.

⁹ *Ibid*.

¹⁰ *Ibid*, h .70.

bernama Haji Abdul Wahab yang pernah memegang jawatan sebagai ketua Majlis Agama Islam Patani dan memimpin pusat pengajian pondok di sana.¹¹

Berdasarkan peristiwa yang berlaku antara Zainal Abidin al-Fatani dengan muridnya sehingga digelar dengan panggilan “Tuan Minal”, mengambarkan ketokohan Zainal Abidin al-Fatani bukan sahaja sebagai seorang pendakwah, bahkan beliau juga sebagai murabbi, yang membimbing murid-muridnya supaya berdisiplin serta beradab dalam menuntut ilmu, serta sentiasa bersifat sabar sebagai seorang guru. Beliau tidak pernah mengeluarkan kata-kata yang buruk kepada murid-muridnya, tetapi sebaliknya sentiasa mendoakan mereka dengan kebaikan. Ini terbukti sehingga beliau terkenal dengan panggilan “Tuan Minal” kerana selalu mengulang-ulangkan membaca surah *al-Nās* apabila marah kepada murid-muridnya. Penulis meneliti surah *al-Nās* dan mendapati dalam surah tersebut memerintahkan agar kita memohon perlindungan kepada Allah daripada segala gangguan sama ada gangguan daripada jin atau manusia.

Selain itu, Zainal Abidin al-Fatani sebagai seorang tokoh ulama Patani, yang mempunyai sebuah keluarga yang besar telah melahirkan ramai ulama. Antara mereka termasuklah salah seorang ulama Patani yang terkenal iaitu Syeikh Daud al-Fatani. Mereka inilah yang menjadi penyambung kepada perjuangan beliau dalam menyampaikan dakwah kepada masyarakat.

2.3 Latar belakang Pendidikan.

Zainal Abidin al-Fatani merupakan antara tokoh ulama’ terbilang dalam barisan ulama’ agong Fatani. Namun berbanding tokoh-tokoh ulama Fatani yang lain, ketokohan beliau agak kurang mendapat perhatian meskipun karya-karya beliau seperti *Kasyf al-Lithām an As’īlat al-Anām*, ‘*Aqīdah al-Nājīn* dan *Kasyf al-Ghaybiyyāt* menjadi sebutan dan

¹¹ *Ibid.*

dibaca.¹²Zainal Abidin al-Fatani mendapat pendidikan secara informal di madrasah kampung beliau sendiri. Pada zaman tersebut, pusat pengajian pondok menjadi pilihan utama muda-mudi yang berminat terhadap pendidikan agama. Berbekalkan keazaman dan kesedaran yang tinggi untuk mempertingkatkan ilmu pengetahuan agama, beliau meneruskan lagi pengajian di pusat pengajian pondok¹³.

Selepas mendapat pendidikan asas di kampung kelahirannya, beliau belajar di pondok Bendang Daya, tidak jauh dari kampungnya. Di pondok ini beliau sempat berguru dengan pengasas pertamanya iaitu Syeikh Wan Mustafa bin Muhammad Faqih al-Fatani @ Tok Wan Pa.¹⁴ Kemudian beliau belajar pula kepada Syeikh ‘Abdul Rasyid di Pondok Cenak¹⁵. Beliau juga belajar kepada Syeikh Muhammad Thaiyib bin Mas’ud al-Qad-hi (Kedah) al-Banjari.¹⁶Kenyataan di atas menunjukkan bahawa pada zaman Zainal Abidin al-Fatani, pendidikan agama amat mendapat perhatian dalam kalangan muda-mudi ketika itu, dan sistem pendidikan ketika itu lebih cenderong kepada sistem pendidikan pondok.

Sukar untuk dipastikan secara tepat siapa rakan-rakan seperguruan Syeikh Zainal Abidin al-Fatani, yang sama-sama belajar di pondok Bendang Daya. Namun berdasarkan keterangan yang telah dikemukakan oleh Wan Muhamad Saghir, beliau hidup sezaman dengan beberapa orang tokoh ulama seperti Syeikh Muhammad Zain al-Fatani (ayah kepada Sheikh Wan Ahmad al-Fatani), Sheikh Wan Abdul Kadir al-Fatani (ayah kepada Pak Da ‘El al-Fatani), Sheikh Wan Abdul Kadir bin Abdul Rahman al-Fatani (Sheikh Nik Dir), Sheikh Jamaludin Negeri Sembilan (ayah kepada Sheikh

¹² Wan Suaimi Wan Sulaiman (2001), “Beberapa aspek epistemologi al-Syeikh Zainal Abidin bin Muhammad al-Fatani: Suatu Penelitian Awal Terhadap Karyanya *Aqīdah Al-Nājīn Fī Ilm Usūl al-Dīn*”, (Kertas Kerja Seminar Nadwah Ulama Nusantara I, di Prince of Songkla University Kampus Pattani, Thailand, 19-20 Mei 2001), h. 2.

¹³ Faizuri b. Abd Latif (2009), *Ibid*, h.71.

¹⁴ Ahmad Fathy al-Fatani (2002), *Ibid*, h. 64.

¹⁵Syeikh Abdul Rasyid adalah tokoh ulama yang dimasyhurkan dengan gelaran Keramat Pulau Bidan. Lihat dalam Ahmad Fathy al-Fatani (2002), *Ibid*, h.64.

¹⁶Wan Mohd Shaghir Abdullah (2002), *Wawasan Pemikiran Islam Ulama Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah. h.67.

Muhammad Said Linggi), Haji Abdul Samad Kelumbong dan beberapa orang lagi. Oleh kerana Sheikh Wan Muhammad Zain al-Fatani dan saudaranya Sheikh Wan Abdul Kadir al-Fatani adalah seangkatan dengan Sheikh Zainal Abidin al-Fatani semasa belajar di pondok Bendang Daya, maka kedua-dua tokoh ini dianggap sebagai rakan seperguruan beliau semasa menuntut di pondok tersebut.¹⁷

Menurut catatan Ahmad Fathy, Zainal ‘Abidin al-Fatani (Tuan Minal) seangkatan dengan tokoh-tokoh seperti Syeikh Wan Muhamad Zain al-Fatani, (ayah kepada Syeikh Wan Ahmad al-Fatani), Syeikh Wan Abdul Kadir al-Fatani (ayah kepada Pak Da ‘El Patani), Syeikh Wan Abdul Kadir bin Abdul Rahman al-Fatani (Syeikh Nik Dir), Syeikh Wan Ali Kutan al-Kalantani (Tok Wan Ali Kutan), Tuan Seridik, Syeikh Jamaludin Negeri Sembilan (Ayah kepada Syeikh Muhamad Said Linggi), Haji Abdul Samad Kelumbong dan lain-lain.¹⁸

Semasa beliau memondok di pondok Bendang Daya, beliau sempat bersahabat dan bergaul dengan beberapa orang tokoh yang terkenal iaitu Syeikh Muhamad Zain al-Fatani dan saudaranya Syeikh Wan Abdul Kadir al-Fatani, juga dengan Tuan Seridik.¹⁹ Selepas belajar di Bendang Daya, beliau berangkat ke Makkah, tetapi tidak jelas pada tahun berapa. Berkemungkinan besar beliau berangkat pada tahun yang tidak lama berselang dengan tarikh keberangkatan dua orang tokoh pendahulunya, iaitu Syeikh Wan Muhamad Zain dan Syeikh Wan Abdul Kadir.²⁰ Zainal Abidin al-Fatani (Tuan Minal) tidak bermukim dan bergiat di Mekah seperti kebanyakan rakan-rakan Patani yang lain sebelum dan selepasnya. Selepas menimba ilmu daripada guru-guru majhulnya, beliau pulang ke Patani.²¹ Sheikh Zainal Abidin kemudian menyambung pengajiannya ke peringkat yang lebih tinggi di luar negeri. Kali ini pusat pengajian yang

¹⁷ Faizuri b. Abd Latif (2009), *Ibid*, h.72.

¹⁸ Ahmad Fathy al-Fatani (2002), *Ibid*, h. 64.

¹⁹ *Ibid*.

²⁰ *Ibid*.

²¹ *Ibid*.

menjadi pilihan beliau ialah di Masjid al-Haram, Mekah. Pada waktu itu, pengajian di Masjid al-Haram lebih dikenali sebagai pusat pendidikan sama ada secara formal atau tidak, dan telah dikunjungi ramai bangsa Melayu bagi menimba ilmu agama untuk dunia dan akhirat. Tidak dapat dipastikan secara tepat tarikh keberangkatan beliau ke Mekah. Menurut Ahmad Fathy al-Fatani, beliau berangkat ke Mekah tidak lama daripada Sheikh Wan Muhammad Zain²² dan Sheikh Abdul Kadir.²³

Rumusan daripada perbincangan di atas, dapat diketahui pendidikan Zainal Abidin al-Fatani adalah melalui beberapa peringkat, bermula dari peringkat rendah iaitu di madrasah kampung beliau sendiri, kemudian ke peringkat yang lebih tinggi iaitu pusat pengajian pondok, dan beliau telah berguru dengan beberapa ulama yang terkenal ketika itu, dan akhirnya beliau meneruskan pengajian ke Masjid al-Haram, Mekah. Ini menunjukkan ketinggian ilmu zainal Abidin al-Fatani hasil dari kesungguhan dan keikhlasan beliau dalam menuntut ilmu.

2.4 Sumbangan Zainal ‘Abidin bin Muhammad al-Fatani kepada Bidang Keilmuan.

Setelah selesai membincangkan latar belakang pendidikan Zainal Abidin al-Fatani, seterusnya penulis akan membincangkan sumbangan Zainal Abidin al-Fatani kepada bidang keilmuan. Penulis akan membincangkan dua perkara yang menjadi sumbangan Zainal Abidin al-Fatani kepada bidang keilmuan, iaitu membuka pusat pengajian pondok dan menghasilkan karya-karya ilmiah.

²² Nama penuh Sheikh Wan Muhamad Zain (Wan Din) bin Wan Mustapha bin Muhamad Faqih al-Fatani. Beliau lahir di Patani pada tahun 1817 M, beliau adalah ayahanda kepada seorang ulama besar rumpun Melayu iaitu Syeikh Wan Ahmad bin Wan Muhamad Zain al-Fatani. Lihat Ahmad Fathy (2002) h. 256.

²³ *Ibid.* h.72.

2.4.1 Membuka Pusat Pengajian Pondok.

Sumbangan Zainal Abidin al-Fatani dalam bidang keilmuan sememangnya telah terbukti, dengan terbinanya pusat pengajian pondok yang diasaskan oleh beliau sendiri. Sistem pengajian pondok merupakan sistem pengajian yang tertua di tanah Melayu. Tetapi setakat ini penulis belum menemukan sebarang bukti atau penulisan yang menyatakan tarikh permulaan sistem pengajian pondok ini. Berkembangnya pusat pengajian pondok ini kerana sambutan masyarakat yang semakin dahagakan ilmu yang datang dari segenap pelosok negeri. Masing-masing mencari pusat pengajian kerana ingin menimba ilmu pengetahuan dalam bidang agama.

Pada dekad 1860an Zainal Abidin al-Fatani dikatakan sudah membuka pondok pengajian di kampung kelahirannya iaitu Bendang Badang.²⁴ Syeikh Zainal Abidin bin Muhammad al-Fatani yang lebih dikenali sebagai Tuan Minal, mendapat pendidikan asas di beberapa buah pondok tempatan dan kemudiannya beliau telah melanjutkan pelajarannya di Mekah. Selepas pulang ke Patani, beliau telah membuka pondok pengajian di Patani.²⁵ Menurut catatan Ab. Manaf Haji Ahmad Tajuddin Saman, Zainal Abidin al-Fatani (Tuan Minal) telah membuka sebuah Madrasah di Sungai Dua, Butterworth, Seberang Prai.²⁶ Seperti ulama lain, beliau juga bergiat cergas dalam penulisan kitab untuk menyebarkan dakwah kepada umat Islam.²⁷

Antara murid-murid awal beliau yang dapat dikesan di pondok ini ialah Tok Syeikh Jarum al-Fatani (Kemudian berpindah dan membuka pondok di Degra, Kedah), Syeikh Muhamad Said Linggi, Negeri Sembilan,²⁸ Haji Abdullah bin Penghulu

²⁴Ibid.

²⁵ Ahmad Redzuwan bin Mohd Yunus, *et. al* (2001), “Peranan dan Sumbangan Ulama Patani” (Kertas Kerja Seminar Nadwah Ulama Nusantara I, di Prince of Songkla University Kampus Pattani, Thailand), 19-20 Mei 2001, h.3.

²⁶Ab. Manaf Haji Tajuddin Saman (2005), *Tokoh-tokoh Agama dan Kemerdekaan Di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah, Malaysia, h. 89.

²⁷Ahmad Redzuwan bin Mohd Yunus, *et.al* (2001), *Ibid*, h.3.

²⁸ Ayahanda kepada Syeikh Ahmad bin Muhamad Said, kemudianya Mufti Kerajaan Negeri Sembilan. Syeikh Muhamad Said pada waktu ini dibawa pulang ke Patani oleh ibunya Hajah Safiah binti Muhamad

Sulaiman yang digelar Datuk Segedung Ilmu (Kemudi, Bachok, Kelantan). Haji Ismail Mustafa @ Tok Cik Dol (Kedah). Haji Saman Abdul Rahman (Ayah kepada Tuan Guru Haji Husain Rahimi, Kelantan), Pak Chu Yeh Tok Raja Haji (Jambu), Tok Chaok, Haji Wan Muhamad @ Wan Ahmad Semela dan Haji Senik bin Saleh dari Kampung Teras Besar, Mentuan, Kota Baharu (Wafat Sekitar 1902).²⁹

Beberapa orang ulama besar Patani yang muncul pada dekad 1890-an dan yang sempat belajar dengan beliau, tetapi tidak pasti, ialah Haji Muhamad Saleh (Pengasas Pondok Bendang Guchil) dan menantunya sendiri, Haji Abdul Rashid Bandar.³⁰ Menurut catatan Ab. Manaf Haji Ahmad Tajuddin Saman, Haji Salleh Masri adalah antara murid beliau. Beliau merupakan pengasas Pondok Al-Masriyyah di Bukit Mertajam yang sangat terkenal suatu ketika dahulu. Pada tahun 1893, beliau pulang ke tanah air, setelah tujuh tahun mendalami ilmu di sekolah Agama Bersilam, Langkat, Sumatera. Sesudah itu beliau terus mendalami ilmu agama dengan berguru kepada Zainal Abidin al-Fatani (Tuan Minal) di Madrasah Sungai Dua, Butterworth, Seberang Prai, selama tiga tahun. Pada tahun ketiga di situ, Haji Salleh Masri dilantik menjadi guru penolong dengan sagu hati RM 1.50 sebulan.³¹

Setelah meneliti kepada perbicangan di atas, penulis dapati Zainal Abidin al-Fatani seorang yang gigih dalam usaha mendalami ilmu pengetahuan bermula dari peringkat asas hingga ke peringkat tinggi, serta sanggup berkorban wang ringgit, masa dan keringat untuk melanjutkan pelajaran ke Mekah al-Mukarramah. Kenyataan di atas juga menjelaskan Zainal Abidin ada membuka dua buah pusat pengajian, iaitu di Patani dan Sungai Dua, Butterworth, Seberang Prai. Ini juga menunjukkan Zainal Abidin al-Fatani seorang yang tidak jemu menimba ilmu dan menyampaikan ilmu kepada segenap

Saleh yang memang berasal dari Patani (Hajah safiah berkahwin dengan ayah Muhamad said -Haji Jamaludin ketika di Mekah. Lihat Ahmad Fathy al-Fatani (2002), *Ibid*, h. 71.

²⁹*Ibid*. h.64.

³⁰*Ibid*, h. 65.

³¹Ab. Manaf Haji Tajuddin Saman (2005), *Ibid*, h. 89.

masyarakat terutama masyarakat kampungnya sendiri, kerana melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang yang mempunyai ilmu. Ini bertepatan dengan perintah Nabi s.a.w. supaya menyampaikan dakwah walaupun dengan sepotong ayat.

Selain daripada itu, penulis dapati Zainal Abidin al-Fatani suka berkhidmat kepada masyarakat di mana-mana sahaja beliau tinggal. Perkara ini dapat dibuktikan ketika mana beliau pulang ke Patani, beliau telah membuka pondok di kampungnya, kemudian apabila beliau berpindah ke Sungai Dua Butterworth, beliau membuka sebuah lagi madrasah di situ. Inilah antara sumbangan Zainal Abidin al-Fatani dalam bidang keilmuan kepada masyarakat agar masyarakat tidak lagi dikongkong oleh kejahilan khususnya dalam bidang agama, yang berkaitan dengan fardhu ‘ain dan fardhu kifayah.

Sumbangan Zainal Abidin al-Fatani dalam bidang keilmuan semakin terserlah dengan lahirnya ulama-ulama yang pernah berguru dengan beliau dari seluruh pelosok negeri, bukan sahaja di Patani bahkan di Malaysia, seperti Kedah, Negeri Sembilan, Kelantan dan Pulau Pinang. Menurut Ahmad Fathy, semasa di Sungai Dua, Zainal Abidin al-Fatani seorang yang sangat tekun mengajar sehingga melahirkan ramai ilmuwan.³² Mereka inilah yang meneruskan perjuangan Zainal Abidin al-Fatani dalam usaha menyampaikan dakwah kepada masyarakat. Meski pun tidak dapat dikenal pasti nama-nama mereka yang pernah berguru dengan Zainal Abidin al-Fatani semasa di Sungai Dua, namun penulis yakin mereka yang pernah terdidik di sebuah institusi pengajian yang diasaskan oleh Zainal Abidin al-Fatani sememangnya ramai. Keikhlasan ulama silam dalam menyampaikan ilmu juga menarik perhatian penulis, kerana tidak ada mana-mana pengkaji tentang ketokohan Zainal Abidin al-Fatani yang menyatakan ada sebarang bayaran yang dikenakan kepada mereka yang belajar di pondok atau madrasah beliau. Maka keikhlasan dalam menyampaikan dakwah dan mencari keredaan Allah itulah yang diutamakan oleh Zainal Abidin al-Fatani. Maka keberkatan akan hadir

³² Ahmad Fathy al-Fatani (2002), *Ibid*, h. 67.

setelah ada keikhlasan dalam amalan. Oleh sebab itulah karya-karya yang beliau hasilkan masih digunakan di pusat pengajian yang bersistemkan pengajian pondok dan di masjid-masjid hingga ke saat ini.

2.4.2 Menghasilkan karya-karya ilmiah.

Selain daripada membuka pusat pengajian pondok yang telah melahirkan para ilmuan yang pernah berguru dengan beliau sebagai penyambung dakwah kepada masyarakat, Zainal Abidin al-Fatani juga telah menghasilkan beberapa karya ilmiah sebagai sumbangan kepada bidang keilmuan dan juga sebagai warisan kepada generasi yang kemudian.

Walaupun banyak masanya digunakan untuk menyampaikan ilmu melalui kuliah di pondok, Zainal Abidin al-Fatani merupakan seorang yang aktif dalam menghasilkan karya-karya ilmiah. Syeikh Zainal Abidin bin Muhammad al-Fatani sungguh pun jauh lebih tua daripada Syeikh Ahmad al-Fatani, iaitu umurnya hampir sebaya dengan Syeikh Muhammad Zain bin Syeikh Wan Mushthafa al-Fatani, namun karangan-karangannya muncul kemudian daripada karangan-karangan Syeikh Ahmad al-Fatani. Beliau termasuk dalam tujuh orang ulama pengarang asal Patani yang produktif.³³ Selain mengajar beliau juga aktif mengarang. Tiga buah karya beliau masih menjadi teks utama pengajian kitab di pondok-pondok di Patani, Kelantan dan Kedah sehingga sekarang. Kitab-kitab tersebut ialah *Kasyf al-Ghaybiyyāt*, *Kasyf al-Lithām* dan ‘*Aqīdah al-Nājīn*. Sebuah lagi karya beliau, *Miftāh al-Murīd fī ‘Ilm al-Tawhīd* yang tidak begitu terkenal, ia cuma kitab kecil dicetak bergabung dengan karya tulisan anaknya Syeikh Omar bin Zainal Abidin dan Tuan Haji Ahmad bin Abdul Rauf Melaka.

³³ Enam orang yang lain ialah Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani, Syeikh Wan Ahmad bin Wan Muhamad Zain al-Fatani, Syeikh Nik Mat Kecik @Syeikh Muhamad bin Ismail Dāwūdi al-Fatani, Syeikh Nik Dir al-Fatani, Syeikh Abdul Rahman bin Muhamad Ali (Tok Gudang) al-Fatani, Tengku Mahmud Zuhdi al-Fatani. Lihat Ahmad Fathy al-Fatani (2002), *Ibid*, h. 71

Hasil daripada perbincangan di atas, dapat kita ketahui, bahawa terdapat dua sumbangan besar Zainal Abidin al-Fatani kepada bidang kelimuan, iaitu membuka pondok pengajian sehingga melahirkan ramai para ilmuan yang menyebarkan ilmu yang mereka telah pelajari dari Zainal Abidin al-Fatani, dan itulah sumbangan beliau kepada masyarakat setempat yang dahagakan ilmu.

2.4.2.1. Karya dalam bidang aqidah.

Setelah membincangkan sumbangan Zainal Abidin al-Fatani kepada bidang keilmuan melalui pusat pengajian pondok yang telah diasaskan oleh beliau, seterusnya penulis akan membincangkan sumbangan Zainal Abidin al-Fatani kepada bidang keilmuan melalui karya-karya ilmiah. Maka penulis akan membincangkan beberapa karya Zainal Abidin al-Fatani dalam bidang aqidah dan beberapa karya beliau dalam bidang fiqh.

Merujuk kepada karya-karya yang telah dihasilkan oleh Zainal Abidin al-Fatani, penulis dapati Zainal Abidin al-Fatani telah menulis kitab dalam bidang akidah seperti *Kasyf al-Ghaybiyyāt*, *'Aqīdah al-Nājīn Fī 'Ilm Usūl al-Dīn*, *Miftāh al-Murīd fī 'Ilm al-Tawhīd*, *Irsyād al-'Ibād ilā Sabīl al-Rasyād*. Manakala dalam fiqh pula ialah kitab *Kasyf al-Lithām 'an As'īlah al-Anām*, *Tabassum al-Syāribīn*, dan risalah *Faedah Pada Menyatakan Fidyah Sembahyang dan Puasa atas Mazhab Abi Hanīfah*.

2.4.2.1 (a) *Kasyf al-Ghaybiyyāt*.

Kitab ini telah selesai ditulis oleh beliau ketika beliau menetap di Mekah pada 1301H/1883M.³⁴ Kandungan kitab ini membicarakan kejadian alam, tanda-tanda kiamat, huru-hara kiamat, alam kubur dan perkara-perkara ghaib yang lain yang diambil daripada *al-Aḥādīth al-Marwiyyah*. Cetakan yang paling awal ditemukan setakat ini ialah naskhah cetakan *Matba'ah al-Mirīyyah*, Mekah, bertarikh 1307H, yang telah

³⁴Ahmakosee Kasor (2011), “Sumbangan Syeikh Zainal Abidin bin Muhamad al-Patani dalam Perkembangan Ilmu di Selatan Thailand”. (Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemancu Transformasi Negara), h. 50.

ditashih oleh anaknya Mohd Salleh.³⁵ Kitab ini merupakan sebuah karya terjemahan dan himpunan daripada beberapa kitab Arab seperti *Daqā’iq al-Akhbār fī Dhzikr al-Jannah wa al-Nār*, tulisan Imam Abd al-Rahim bin Ahmad al-Qadi, *al-Durr al-Hasan*, karangan al-Suyūti dan *Masyāriq al-Anwār*, karangan Sheikh Hasan al-Adawi.³⁶

Kasyf al-Ghaybiyyāt, sebuah kitab akidah yang menjelaskan kewajiban beriman dengan perkara ghaib. Sebab itu perbahasan yang terdapat dalam kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt* ini, merupakan suatu perbahasan yang luar dari logik pemikiran manusia. Kerana manusia tidak mampu untuk menyelami perkara-perkara yang ghaib kecuali dengan perkhabaran daripada Allah dan Rasulnya s.a.w. iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah. Selain daripada itu, kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt* juga merupakan gabungan tiga pemikiran ulama iaitu Imam Abd al-Rahim bin Ahmad al-Qādī, al-Suyūtī dan Sheikh Hasan al-Adawi. Ini membuktikan ketekunan Zainal Abidin al-Fatani dalam menghasilkan karya-karya ilmiah dengan menterjemahkannya dari kitab Arab kepada kitab jawi bagi membantu mereka yang tidak pandai membaca dan memaham kitab Arab, demi untuk membantu masyarakat Islam agar sentiasa berpegang dengan akidah yang betul, iaitu akidah Ahl Sunnah Wal Jamāah.

2.4.2.1 (b) ‘*Aqīdah al-Nājīn Fī ‘Ilm Usūl al-Dīn*

Kitab ‘*Aqīdah al-Nājīn* ini selesai ditulis pada 1308H/1890M. Kitab ini ialah salah sebuah kitab usuluddin peringkat tinggi dalam bahasa Melayu. Kebiasaannya kitab ini dipelajari setelah selesai mempelajari kitab-kitab yang menjadi asas kepada kitab *Aqīdat al-Nājīn*, seperti kitab *Bidāyah al-Hidāyah*, *al-Dur al-Thamīn* dan *Sirāj al-Hudā*. Cetakan kali kedua pada *al-Matba’ah al-Miriyah* pada 1332H/1913M.³⁷ Karya ini merupakan terjemahan daripada kitab *Muqaddimah* atau *Matn al-Sanusiyyah*, karangan Imam al-Sanūsī yang turut diiringi dengan penjelasan dan pengolahan yang

³⁵ Ahmad Fathy al-Fatani (2002), *Ibid*, h. 65.

³⁶ Lihat Faizuri b. Abd Latif (2009), *Ibid*, h.72.

³⁷ Ahmad Fathy al-Fatani (2002), *Ibid*, h. 65.

panjang lebar oleh Zainal Abidin (Tuan Minal). Perbahasan kitab ini, dibahagikan kepada tiga topik utama, iaitu perbahasan mengenai *al-ulūhiyyah*, *al-nubūwwah*, *al-sam'iyyāt* dan *taṣawwuf*.³⁸

Perbahasan tentang *al-ulūhiyyah* ialah perbahasan tentang ketuhanan yang lebih tertumpu kepada mengenal Allah s.w.t. melalui perbahasan sifat dua puluh iaitu sifat-sifat yang wajib, mustahil dan harus bagi Allah. Perbahasan *al-* pula tertumpu kepada perbincangan sifat-sifat wajib, mustahi dan harus bagi rasul. Manakala perbahasan *al-sam'iyyāt* dalam kitab ‘*Aqīdah al-Nājīn* lebih kepada perkara -perkara ghaib, seperti tentang kiamat, syurga, neraka dan lain-lain. Zainal Abidin al-Fatani tidak membahaskan dengan terperinci tentang *al-sam'iyyat* dalam kitab ‘*Aqīdah al-Nājīn*, berkemungkinan perkara *al-sam'iyyat* ini telah dibincangkan dengan panjang lebar dalam kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt*. Kerana kitab ‘*Aqīdah al-Nājīn* merupakan kitab yang ketiga ditulis oleh Zainal Abidin al-Fatani, berbanding kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt*, karya yang pertama bagi beliau.

Kitab ‘*Aqīdah al-Nājīn* juga ialah sebuah kitab yang penting kerana kitab ini menerangkan kepada masyarakat tentang ilmu akidah. Kitab ini juga merupakan kesinambungan kepada *Matn al-Sanusiyah*. Melalui kitab ‘*Aqīdah al-Nājīn* ini, Zainal Abidin al-Fatani telah menghuraian isi kandungan *Matn al-Sanusiyah* dengan lebih terperinci. Dalam kitab ‘*Aqīdah al-Nājīn*, beliau menjelaskan cara mengenal Allah dan ia merupakan suatu kewajiban kepada setiap mukallaf. Dengan munculnya kitab ‘*Aqīdah al-Nājīn*, mudahlah bagi masyarakat umat Islam mempelajari ilmu akidah kerana kitab ini ditulis dalam bahasa jawi.

³⁸ Lihat Faizuri b. Abd Latif (2009), *Ibid*, h. 80

2.4.2.1 (c) *Miftāh al-Murīd fī ‘Ilm al-Tawhīd*

Kitab *Miftāh al-Murīd fī ‘Ilm al-Tawhīd* merupakan sebuah risalah kecil yang mengandungi beberapa halaman yang dicetak bergabung dengan dua buah karya yang ditulis oleh anaknya, Syeikh Omar Zainal Abidin dan Tuan Haji Ahmad bin Abdul Rauf Melaka. Cetakan Pertama oleh *al-Matba’ah al-Taraqqī al-Majīdiah al-Uthmāniyah, Makkah al-Mahmiyah* dikeluarkan pada 1330H/1912M.³⁹ Karya ini mengandungi enam belas halaman dan ia menghuraikan pandangan Zainal Abidin (Tuan Minal) tentang sifat ketuhanan terutama berkaitan sifat dua puluh dan juga perbahasan tentang perkara yang wajib, harus dan mustahil bagi Rasul yang dikupas dalam tujuh halaman. Tetapi penulisan beliau tentang ketuhanan dalam karya ini agak ringkas berbanding karya sebelumnya seperti *Aqīdah al-Nājīn* yang sarat dengan huraian dan syarah yang panjang lebar daripada beliau. Dalam karya ini juga Zainal Abidin al-Fatani tidak memulakan kitabnya dengan muqaddimah yang panjang, hanya sekadar dimulakan dengan *Basmalah, al-Hamdulillah* dan selawat ke atas Nabi S.A.W. Kemudian beliau terus membicarakan hukum akal, iaitu wajib, mustahil dan harus serta mendefinisikan sifat-sifat ini satu persatu.

Walaupun kitab *Miftāh al-Murīd fī ‘Ilm al-Tawhīd* ringkas, tetapi kitab ini amat membantu dan memudahkan masyarakat awam untuk mempelajari dan memahami isi kandungan yang ingin disampaikan oleh Zainal Abidin al-Fatani. Contoh dalam membicarakan sifat dua puluh, katanya:

Wujud ertinya ada dhat Allah, maka adanya dhat Allah itu dengan sendirinya, lawannya mustahil Allah taala itu tiada, bahkan wajib ada selama-lamanya. Dan dalil ada Allah ialah ada sekalian makhluk.

Dalam membicarakan sifat dua puluh, Zainal Abidin al-Fatani hanya menjelaskan sifat wajib bagi Allah dan sifat mustahil bagi Allah, kemudian beliau

³⁹ Lihat Ahmad Fathy al-Fatani (2002), *Ibid*, h. 64.

menjadikan makhluk ini sebagai bukti wujudnya Allah. Begitulah seterusnya Zainal Abidin al-Fatani menghuraikan sifat dua puluh yang lain dalam kitab ini. Penulis melihat Zainal Abidin al-Fatani begitu bersungguh-sungguh untuk memberi kefahaman kepada segenap lapisan masyarakat khususnya dalam bidang akidah. Bagi mereka yang baru ingin mempelajari ilmu sifat dua puluh, maka kitab ini amat sesuai untuk mereka. Tetapi bagi orang yang telah tinggi ilmunya, maka kitab seperti ‘*Aqīdah al-Nājīn* lebih sesuai untuk mereka. Inilah sebahagian dari sumbangan Zainal Abidin dalam bidang keilmuan, khususnya dalam bidang akidah.

Karya ini turut memuatkan tulisan anaknya, Sheikh ‘Umar yang menghuraikan tentang *i’tiqād*, perbuatan dan perkataan yang tanpa disedari boleh membawa seseorang ke lembah kekufuran dan kemurtadan⁴⁰. Karya ini diakhiri dengan perbahasan Hajji Ahmad Melaka yang membuat kupasan yang menarik tentang perbahasan sifat dua puluh dan kenabian yang dipersembahkan dalam bentuk syair.

2.4.2.1 (d) *Irsyād al-‘Ibād ilā Sabīl al-Rasyād*

Kitab *Irsyād al-‘Ibād ilā Sabīl al-Rasyād* ialah sebuah risalah pada menyatakan iktiqad bagi kaum yang kelepasan mereka daripada sesat, dan mereka itulah Ahli al-Sunnah Wa al-Jamaah. Cetakan kedua kitab ini dicetak oleh al-Matba’ah al-Ahmadiyah, Singapura pada 1345H/1927M Persama Press, Pulau Pinang.⁴¹ Dalam karya ini, Zainal ‘Abidin al-Fatani (Tuan Minal) menjelaskan bahawa *i’tiqad* yang benar ialah Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah, dan menyeru umat Islam agar berpegang dengan aliran ini, seperti katanya:

“Maka inilah suatu risalah pada menyatakan *i’tiqad* bagi kaum yang kelepasan mereka itu daripada sesat, dan mereka itulah Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah, yakni ahli yang mengikut akan jalan Nabi s.a.w dan Khulafa’ al-Rasyidin yang kemudian daripada Nabi s.a.w. hai saudaraku hendaklah bersungguh-sungguh oleh kamu pada memelihara iman kamu dan agama kamu daripada tiap-tiap yang membinasakan keduanya, dan hendaklah kamu sahkan *i’tiqad* kamu

⁴⁰ Lihat Faizuri b. Abd Latif (2009), *Ibid*, h. 83.

⁴¹ Ahmad Fathy al-Fatani (2002), *Ibid*, h. 66.

dengan barang yang di i'tiqadkan dia oleh Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah yang tiada syubhah dan bid'ah padanya sekali-kali ”.⁴²

Zainal Abidin al-Fatani, menjadikan kitab *Irsyād al-'Ibād ilā Sabīl al-Rasyād* sebagai sebuah kitab yang mampu menjelaskan kepada masyarakat tentang akidah yang benar serta tidak mudah terpesong dengan fahaman yang sesat dan berpegang teguh dengan akidah Ahl Sunnah Wal Jamaah. Dan Ahl Sunnah yang dimaksudkan oleh Zainal Abidin al-Fatani ialah ahli yang mengikut akidah Nabi S.A.W. dan akidah *Khulafā' al-Rāsyidīn* yang selepas daripada Nabi S.A.W.

Perkataan “*Hai saudaraku*” dalam kitab beliau juga menarik perhatian penulis, kerana di sebalik seruan tersebut mengandungi maksud yang amat mendalam, mengambarkan keikhlasan Zainal Abidin al-Fatani yang lahir dari lubuk hatinya menyeru supaya masyarakat Islam sentiasa memelihara iman dan agama daripada perkara yang boleh merosakkan kedua-duanya, kerana pada zamannya sudah lahir ajaran yang menyeleweng dari ajaran Ahl Sunnah Wal Jamaah.

Kata Zainal Abidin al-Fatani:

*Dan bahawasanya telah banyak pada zaman ini, beberapa manusia yang mendakwa akan dirinya 'alim, yang mengajar orang awam dengan ajaran yang salah dan beberapa i'tiqad dan rahsia yang menyesatkan hamba Allah, dan setengah mereka itu yang berpegang dengan zahir ayat al-Qur'an yang mutasyābihāt atau al-Sunnah yang mutasyābihāt.*⁴³

Zainal Abidin al-Fatani menjelaskan situasi masyarakat pada zaman beliau, iaitu terdapat golong yang berpegang dengan zahir al-Qur'an dan zahir hadith. Yakni golongan yang tidak mentakwilkan ayat al-Qur'an dan Hadith yang *mutasyābihāt* dengan makna yang selayaknya. Maka peringatan yang diberikan oleh Zainal Abidin al-

⁴² Zainal Abidin Muhammad al-Fatani (t.t), *Irsyād al-'Ibād ilā Sabīl al-Rasyād*, Thailand: Matba'ah bin Halabi, h. 2.

⁴³ *Ibid*, h. 2

Fatani tentang golongan ini perlu diambil perhatian supaya tidak terpengaruh dengan pemikiran seperti itu dan benar-benar istiqamah berpegang dengan ajaran Ahl Sunnah Wal Jamaah.

2.4.2.2 Karya dalam bidang Fiqh.

Selain daripada penulisan karya dalam dalam akidah, Zainal Abidin al-Fatani juga telah menghasilkan beberapa karya dalam bidang fiqh, antaranya *Kitab Kasyf al-Lithām ‘an As’ilah al-Anām*, *Tabassum al-Syāribīn*, dan *Faedah Pada Menyatakan Fidyah Sembahyang dan Puasa atas Mazhab Abi Hanifah*.

2.4.2.2 (a) *Kasyf al-Lithām ‘an As’ilah al-Anām*.

Kitab ini selesai ditulis pada Rejab 1307H/Januari 1889M. Sebuah kitab yang dianggap paling lengkap dalam bahasa Melayu, menyaingi kitab-kitab Syeikh Daud al-Fatani, seperti *Furū’ al-Masā’il*, *Bughyah al-Tullāb*, dan *Hidāyah al-Muta’ālim*, dicetak pertama kali di Mekah tetapi tanpa catatan nama pencetak (diperlakukan al-Matba’ah al-Miriyah) dan juga tanpa tahun diterbitkan⁴⁴.

Karya ini mula dikarang pada Januari 1989 dan turut dimuatkan bersama di sebelah tepinya kitab *Wisyāh al-Afrāh wa Iṣbāh al-Falāh*, karangan Sheikh Muhammad bin Ismail Daud al-Fatani. Tuan Minal turut menjelaskan tujuan beliau mengarang karya ini adalah atas permintaan rakan-rakannya yang berminat terhadap ajaran Islam.⁴⁵ Karya ini terdiri daripada 4 bab, iaitu pada bab pertama membincangkan persoalan ‘ibadah seperti sembahyang, puasa, zakat, haji dan sebagainya. Manakala bab kedua Tuan Minal menerangkan tentang persoalan jual beli ‘*Kitab al-Bay*’, dan diakhiri dengan hukum kiriman ‘*Kitāb al-Wadī’ah*’⁴⁶. Dalam bab ketiga beliau membincangkan permasalahan fara’id ‘*Kitāb al-Farā’id*’ yang diakhiri dengan perbahasan nikah,

⁴⁴Ahmad Fathy al-Fatani (2002), *Ibid*, h. 66.

⁴⁵ Faizuri b. Abd Latif (2009, h. 83.

⁴⁶ *Ibid*.

“*Kitāb al-Nikāh*”. Dalam bab keempat Tuan Minal membincangkan persoalan jenayah, “*Kitāb al-Jināyāt*” dan diakhiri dengan perbahasan membebaskan hamba “*Kitab al-itāq*”⁴⁷.

Kitab *Kasyf al-Lithām ‘an As’ilah al-Anām* adalah himpunan dari beberapa buah kitab yang muktabar yang digunakan oleh Zainal Abidin al-Fatani sebagai rujukan dalam menghasilkan sebuah kitab ilmiah yang membicarakan berkenaan ilmu fekah. Antara kitab-kitab tersebut ialah kitab *Minhāj al-Tullāb*, karangan Syeikh al-Islam Zakariya al-Anṣārī, kitab *al-Mahallī* karangan Imam Jalāluddīn al-Mahallī, Kitab *Fath al-Mu’īn* karangan Syeikh Zainuddin al-Malibari, dan beberapa buah kitab jawi yang tidak disebut oleh beliau. Kitab *Kasyf al-Lithām ‘an As’ilah al-Anām* juga merupakan sumbangan Zainal Abidin al-Fatani dalam bidang keilmuan kepada orang yang tidak mampu memahami bahasa arab khususnya dalam bidang fiqh.

2.4.2.2 (b) *Tabassum al-Syāribīn*

Kitab ini mempunyai 9 halaman sahaja. Zainal Abidin al-Fatani (Tuan Minal) dalam kitab ini membahaskan isu rokok dan tembakau. Cetakan pertama dan kedua oleh al-Matba’ah al-Ahmadiyah, Singapura pada 1344H dan 1345H⁴⁸.

Dalam risalah ini, Tuan Minal menjelaskan hukum rokok sama ada haram atau harus. Berdasarkan pandangan beliau, merokok adalah haram jika mengakibatkan mabuk dan hilang akal. Namun sekiranya tidak memabukkan dan mendatangkan mudarat, maka ianya dibenarkan, tetapi meninggalkannya adalah lebih baik.⁴⁹

Berdasarkan kenyataan di atas, penulis dapati Zainal Abidin al-Fatani meletakkan hukum rokok berdasarkan kepada dua keadaan, iaitu haram jika memabukkan sehingga hilang akal, dan makruh jika tidak memabukkan. Tetapi Zainal

⁴⁷*Ibid.*

⁴⁸Lihat Ahmad Fathy al-Fatani (2002), h. 66

⁴⁹Faizuri b. Abd Latif (2009), h. 83.

Abidin al-Fatani tidak merujuk kepada aspek pembaziran dan membahayakan kesihatan, sebagaimana firman Allah:

وَلَا تُبَدِّرْ تَبَذِّي

Janganlah engkau membelanjakan hartamu dengan boros yang melampau.

Surah al-Isrā' (17): 26

Berdasarkan ayat di atas, Imam Qurtubi dan Imam al-Syafie menafsirkan pembaziran itu sebagai membelanjakan harta kepada yang bukan haknya. Dan pembaziran itu dihukumkan sebagai haram.⁵⁰ Berdasarkan firman Allah dan tafsiran ulama, maka penulis berpendapat haramnya rokok bukan sahaja dari aspek memabukkan tetapi perlu juga dilihat dari sudut pembaziran dan merosakkan kesihatan. Walaupun Zainal Abidin al-Fatani membenarkan merokok jika tidak mabuk dan tidak hilang akal, tetapi beliau tetap mengatakan meninggalkan rokok itu adalah lebih baik.

Warta kerajaan negeri Selangor bertarikh 7 Disember 1995 menjelaskan, bahawa rokok adalah haram, oleh yang demikian, adalah haram bagi mana-mana orang Islam menghisap apa-apa jenis rokok. Rokok yang dimaksudkan dalam warta ini ialah tembakau yang digulung dengan kertas atau daun nipah atau selainnya.⁵¹

Kesimpulannya, walaupun risalah ini risalah yang kecil dan ringkas tetapi maksud yang ingin disampaikan oleh Zainal Abidin al-Fatani melalui risalah amat bermakna kerana masalah rokok ini adalah isu harian yang berlaku melibatkan semua lapisan masyarakat, bemula dari kanak-kanak hingga dewasa.

2.4.2.2 (c) *Faedah Pada Menyatakan Fidyah Sembahyang dan Puasa atas Mazhab Abi Hanifah*

⁵⁰ Al-Qurtubī, Abu ‘Abd Allāh Muhammad bin Ahmad Shamsuddīn (1964), *Al-Jāmi’ Lī Ahkām al-Qur’ān*, Cet.2, J.10, al-Kaherah: Dar al-kutub al-Misriyah, h. 247.

⁵¹ Warta Kerajaan Negeri Selangor, Jil.48, No 25

Kitab ini dicetak pada hamisyi (tepi) kitab *al-Futūhāt al-Ilāhiyah*, karangan Haji Abdul Rahman Gudang Patani. Cetakan al-Matba’ah al-Miriyah al-Ka’inah fi Makkah al-Mukarramah, 1322H/1904M.⁵² Risalah kecil ini memfokuskan perbincangan tentang fidyah sembahyang dan puasa menurut mazhab Abū Hanīfah dengan membuat perbandingan dengan mazhab al-Syafie. Berkaitan pendapat kedua-dua mazhab tersebut, Tuan Minal tidak pula membuat penganalisaan tentang pandangan manakah yang paling sesuai untuk dijadikan pegangan, tetapi Tuan Minal lebih cenderung berpegang dengan mazhab al-Syafie, kerana beliau sendiri bermazhab al-Syafie. Selain itu risalah ini juga pernah diletak bersama kitab *Irsyād al-Ibad ilā Sabīl al-Rasyād*. Dalam kitab *Irsyād al-‘Ibād ilā Sabīl al-Rasyād*, risalah ini berada pada akhir karya tersebut.⁵³

Tuan Minal menjelaskan bahawa karya ini bukanlah keseluruhannya merupakan tulisan beliau, bahkan turut merujuk kepada karya ulama Melayu seperti Tuan Sayyid Ahmad bin Muhammad bin Husin al-Idrus. Kekaguman Tuan Minal terhadap karya ulama ini adalah kerana susunannya yang menarik.⁵⁴ Menurut Wan Muhammad Saghir, selain daripada karya-karya yang telah disebutkan di atas, terdapat beberapa karya Tuan Minal yang masih lagi berada dalam bentuk manuskrip seperti, *Sembahyang Jumaat* dan *Tahqīq al-Kalām fī Bayān Ibtidā’ al-Siyām*.⁵⁵

Berdasarkan kandungan perbahasan yang dikemukakan oleh Zainal Abidin (Tuan Minal) dalam keseluruhan karya-karyanya, dapat dirumuskan bahawa keseluruhan penulisan beliau berkisar dalam persoalan yang berkait dengan ilmu Tawhid, Fiqh dan tasawwuf. Ketiga-tiga ilmu ini merupakan ilmu asas yang mesti diketahui oleh setiap individu muslim. Meskipun begitu, beliau mengutamakan perbahasan akidah dalam sebahagian besar karyanya, kerana persoalan ini merupakan yang terpenting dan paling

⁵² Lihat Ahmad Fathy al-Fatani (2002), l.h. 66

⁵³ Faizuri b. Abd Latif (2009), *Ibid*, h. 83.

⁵⁴ *Ibid*, h. 86.

⁵⁵ *Ibid*, h.86

dasar dalam Islam. Keperihatian beliau terhadap disiplin ilmu ini jelas tergambar melalui kata-katanya bahawa iaitu, wajib atas wali kanak-kanak mengajar akan anaknya barang yang wajib bagi dhat Allah s.w.t dan barang yang mustahil atasnya dan barang yang harus baginya.⁵⁶Kenyataan di atas menjelaskan kepentingan memahami perkara yang wajib dan yang mustahil bagi Allah s.w.t, iaitu dengan mengenali sifat wajib dan mustahil bagiNya. Ini kerana kefahaman terhadap perkara tersebut dapat meningkatkan lagi keyakinan dan keimanan seseorang kepada Allah s.w.t.

2. 5 Latar belakang Penulisan dan Isi Kandungan Kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt*.

Setelah membuat penghuraian tentang pengenalan tokoh Zainal Abidin al-Fatani (Tuan Minal). Penulis seterusnya akan menerangkan kedudukan kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt* yang merupakan salah sebuah karya beliau dalam akidah. Penulis akan membincangkan kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt* dengan menghuraikan latar belakang penulisan, dan isi kandungan perbahasan yang terdapat dalam kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt*.

Penulisan kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt* ini adalah hasil permintaan daripada sahabat-sahabat beliau yang memintanya supaya menulis kitab dalam bahasa Melayu, yakni dalam tulisan jawi, bagi memudahkan mereka yang tidak tahu berbahasa Arab dapat menimba ilmu agama melalui kitab jawi tersebut. Zainal Abidin al-Fatani tidak menghamparkan harapan sahabat-sahabatnya, dan dengan rendah diri beliau menulis dan akhirnya terhasillah sebuah kitab yang bertajuk *Kasyf al-Ghaybiyyāt*. *Kasyf al-Ghaybiyyāt* bermaksud “*Pembukaan bagi Perkara-perkara yang Ghayb*”. Manakala perkara ghaib ialah perkara yang tidak dapat dilihat dengan mata, tidak dapat digambarkan dengan akal dan perkara ghaib hanya dapat diketahui melalui perkhbaran daripada Allah S.W.T dan Rasul S.A.W.

⁵⁶ Zainal Abidin al-Fatani (t.t), *Aqīdah al-Nājīn*, Patani: Matba’ah bin Halabi, h.12

Penulis dapati faktor inilah yang membezakan kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt* dengan penulisan karya ulama melayu yang lain, seperti Syeikh Daud al-Fatani dalam kitab *al-Durr al-Thamīn*. Syeikh Daud menulis kitabnya dalam tulisan jawi, adalah untuk membantu orang yang tidak tahu berbahasa Arab, tetapi tidak dinyatakan adakah penulisan kitab *al-Durr al-Thamīn* itu, hasil daripada permintaan daripada sahabat atau murid-muridnya.⁵⁷ Begitu juga dengan Syeikh ‘Abd Qādir bin ‘Abd Mutualib al-Mandīlī, dalam kitab *Perisai Bagi Sekelian Mukallaf*,⁵⁸ dan ‘Ali bin ‘Abd Rahmān, dalam kitab *al-Jawhar al-Mawhūb Wa Munabbihāt al-Qulūb*,⁵⁹ mereka tidak menyatakan sama ada penulisan karya mereka hasil permintaan daripada sahabat dan murid-murid mereka atau tidak. Maka dari aspek latar belakang penulisan kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt* berbeza dengan latar belakang penulisan kitab jawi yang ditulis oleh ulama Melayu yang lain.

Kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt* mengandungi 150 halaman ini selesai dihasilkan pada 1301H bersamaan 1883M. Ini merupakan karya pertama Zainal Abidin (Tuan Minal) yang membahaskan tentang akidah. Tujuh tahun kemudian beliau berjaya menghasilkan sebuah kitab fiqh iaitu *Kitab Kasyf al-Lithām an-As’īlah al-Anām* yang dihasilkan pada 1307H bersamaan 1889M. Setahun kemudian menyusul pula sebuah karya akidah iaitu Kitab ‘Aqīdah al-Najīn, yang merupakan karya ketiga Zainal Abidin al-Fatani (Tuan Minal).⁶⁰

Berdasarkan kenyataan di atas, penulis dapati, Zainal Abidin al-Fatani amat menekankan pemantapan akidah. Oleh sebab itulah karya yang pertama dihasilkan oleh beliau ialah kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt* membicarakan tentang penciptaan nur Muhammad s.a.w. dan penciptaan Nabi Adam a.s., serta kejadian segala malaikat.

⁵⁷ Daud bin Abdullah al-Fatani (t.t), *al-Durr al-Thamīn*, Patani: Matba’ah bin Halabi, h.2.

⁵⁸ ‘Abd Qādir bin ‘Abd Mutualib al-Mandīlī (1961), *Perisai Bagi Sekelian Mukallaf*, c. 2. Mesir: Matba’ah al-Anuar, h. 4.

⁵⁹ ‘Ali bin ‘Abd Rahmān (t.t) *al-Jawhar al-Mawhūb Wa Munabbihāt al-Qulūb*, (t.t.p), Percetakan al-Ma’arif Sdn Bhd, h.3.

⁶⁰ Lihat Faizuri b. Abd Latif (2009), *Ibid*, h .100.

Selain itu juga, beliau membincangkan hal kematian dan azab kubur, tanda-tanda kiamat, huru-hara kiamat dan perkara-perkara ghaib yang lain seperti seksaan neraka dan nikmat syurga. Ini semua dilakukan oleh beliau kerana salah satu dari kewajiban sebagai seorang muslim itu ialah wajib beriman dengan perkara yang ghaib. Walaupun Zainal Abidin memulakan karyanya dengan kitab akidah, tetapi beliau tidak meninggalkan bidang fiqh, buktinya setelah tujuh tahun kemudian, lahirlah sebuah kitab *Kasyf al-Lithām an- As'īlah al-Anām* yang membicarakan perkara yang berkaitan dengan ‘*Ibādah, Mu’āmalat, Munākahat dan Jināyāt*.

Kitab *Kaysf al-Ghaibiyyāt* mempunyai beberapa isi kandungan perbahasan yang telah dibahagikan kepada beberapa bab seperti berikut :- Bab pertama, pada menyatakan kejadian *rūh al-a’zam*. Bab kedua, pada menyatakan kejadian Adam. Bab ketiga, pada menyebutkan segala malaikat dan kejadian malaikat maut. Bab keempat, pada menyatakan keadaan malaikat maut ketika ia mengambil roh. Bab kelima, pada menyatakan keadaan kubur dan menyatakan malaikat yang masuk di dalam kubur sebelum Munkar dan Nakir. Bab keenam, pada menyatakan segala roh kemudian daripada keluar dari badan datang ke kubur dan rumahnya. Bab ketujuh, pada menyatakan beberapa syarat kiamat dan perkara yang berkaitan dengannya. Bab kelapan, pada menyatakan keadaan hari kiamat. Bab kesembilan, pada menyatakan sifat neraka dan ahlinya. Bab kesepuluh, pada menyatakan sifat syurga dan ahlinya. Maka keseluruhan isi kandungan dalam kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt* membincangkan tentang perkara *al-ghaybiyyāt*.

Setelah meneliti kepada isi kandungan kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt* dan isi kandungan kitab jawi yang lain, penulis mendapati terdapat perbezaan antara keduanya dari aspek isi kandungan. Perkara ini dapat dibuktikan dengan meneliti kepada isi kandungan kitab jawi yang telah ditulis oleh beberapa orang ulama Melayu yang lain. Seperti kitab *al-Jawhar al-Mawhūb Wa Munabbihāt al-Qulūb*, yang ditulis oleh Syeikh ‘Ali

bin ‘Abd Rahmān. Tidak semua kandungan yang terdapat dalam kitab *al-Jawhar al-Mawhūb Wa Munabbihāt al-Qulūb*, menjelaskan tentang perkara *al-ghaybiyyāt*, berbanding dengan kandungan yang terdapat dalam kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt*, keseluruhannya tentang *al-ghaybiyyāt*. Kandungan kitab *al-Jawhar al-Mawhūb Wa Munabbihāt al-Qulūb*, lebih memfokuskan kepada beberapa kelebihan. Contoh, ia dimulakan dengan kelebihan berfikir, kelebihan ilmu dan ulama, dan kelebihan bersugi. Adapun perkara *al-ghaybiyyāt* hanya dibincangkan pada bahagian akhir kitab tersebut.⁶¹ Namun begitu terdapat persamaan tentang perkara yang disentuh dalam perbincangan *al-ghaybiyyāt* khususnya azab kubur, dalam kitab *al-Jawhar al-Mawhūb* dengan kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt*. Contoh, dalam kitab *al-Jawhar al-Mawhūb* membincangkan kelebihan mengingati mati, kelebihan kubur dan huru-haranya, larangan meratap ke atas mayat, soal jawab Munkar dan Nakir, syurga dan neraka.⁶² Maka perkara tersebut juga dibincangkan oleh Zainal Abidin al-Fatani dalam kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt*.

Begitu juga isi kandungan kitab *al-Durr al-Thamīn*, yang ditulis oleh Syeikh Daud al-Fatani berbeza dengan isi kandungan kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt*. Kerana keseluruhan kandungan kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt* adalah tentang *al-ghaybiyyāt*. Manakala kandungan kitab *al-Durr al-Thamīn* lebih tertumpu kepada perbahasan hukum akal dan sifat dua puluh. Adapun perbahasan tentang *al-ghaybiyyāt* hanya dibincangkan secara ringkas di pertengahan kitab tersebut. Adapun Perkara *al-ghaybiyyāt* yang telah dibincangkan oleh Syeikh Daud al-Fatani ialah nikmat kubur dan seksanya, meratap, soal kubur, meninggal dunia pada malam jumaat, atau harinya, syurga dan neraka.⁶³ Perkara ini juga ada dibincangkan oleh Zainal Abidin al-Fatani dalam *Kasyf al-Ghaybiyyāt*. Maka penulis dapat antara keduanya berbeza dari aspek isi kandungan, dan mempunyai persamaan tentang isu yang dibincangkan dalam perbahasan azab kubur.

⁶¹ Ali bin ‘Abd Rahmān (t.t), *Ibid*, h.188.

⁶² *Ibid*, h.188.

⁶³ Daud bin Abdullah al-Fatani (t.t), *Ibid*, h.29.

Kesimpulannya, Penulis kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt* yang ditulis oleh Zainal Abidin al-Fatani atau lebih dikenali dengan Tuan Minal ini diitulis dalam bahasa Melayu ejaan Jawi supaya memudahkan orang awam yang tidak tahu berbahasa Arab agar dapat mendalamai ilmu agama. Ia merupakan sebuah kitab akidah yang menjelaskan tentang perkara ghaib seperti perbahasan alam kubur, syurga dan neraka, sama seperti kitab-kitab jawi yang lain. Namun perbezaanya ialah, kesemua kandungan kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt* membincarakan tentang *al-ghaybiyyāt*, berbanding dengan beberapa kitab jawi yang lain. Manakala isu yang dibincangkan dalam perbahasan azab kubur mereka mempunyai persamaan.

2. 6 Keistimewaan Kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt* Sebagai Karya Ilmiah.

Setelah membincangkan latar belakang penulisan dan isi kandungan perbahasan kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt*, seterusnya penulis membincangkan keistimewaan kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt* sebagai sebuah karya ilmiah. Antara keistimewaan kitab ini dapat dilihat daripada aspek sumber rujukan dan susunan penulisannya.

Prinsip akidah yang benar tidak akan berubah, bermula dari zaman Rasulullah S.A.W sehingga berakhirnya dunia ini kerana memiliki persamaan sumber pengambilan dalil dalam agama. Sekiranya terdapat perubahan bermakna agama Islam ini belum sempurna sedangkan Allah telah memperakukan Islam sebagai agama yang telah sempurna dan Islam agama yang direbadai.

Firman Allah ta’ala:

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِيَنَكُمْ وَأَتْمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَةِ رَحْمَتِي وَرَضِيَتُ لَكُمْ إِلَّا سَلَامٌ
دينكم

*Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu dan
Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu dan Aku telah redakan
Islam itu menjadi agama untuk kamu.*

Surah al-Mā’idah (5): 3

Al-Qur'an dan al-Sunnah ialah sumber asas dalam agama, sama ada pada permasalahan syari'ah atau akidah. Firman Allah ta'ala:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولَئِكَ الْمُرْسَلُونَ فَإِن تَنَزَّلُتُمْ
فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ
وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا

Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Quran) dan (Sunnah) Rasulnya jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu) dan lebih elok pula kesudahannya.

Surah al-Nisa (4) :59

Menurut Ustaz Haji Mohd Salmi pula, ulama Melayu zaman dahulu, mereka banyak menterjemahkan kitab-kitab Arab kemudian dipersembahkan dalam bentuk tulisan jawi, seperti kitab *Daqā'iq al-Akhbār* dan *Tadhkirah*. Ini menunjukkan keilmuan serta kefahaman mereka yang melaut tentang hukum-hakam agama Islam. Oleh kerana kehidupan zaman dahulu khususnya di Tanah Melayu yang serba kekurangan dan terlalu sukar untuk mendapatkan kitab-kitab Arab. Sedangkan pada ketika itu masyarakat perlu didedahkan dengan kitab-kitab dan sumber ilmu yang dapat meningkatkan ilmu pengetahuan masyarakat dalam urusan agama, maka sebab itu Zainal Abidin al-Fatani telah menghasilkan beberapa kitab jawi, sebagai usaha beliau menyampaikan dakwah kepada masyarakat awam. Antara kitab jawi yang terkenal dan masih digunakan di pondok-pondok pengajian, masjid dan surau di Tanah Melayu ini ialah kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt*. Kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt*, merupakan sebuah karya terjemahan dan himpunan daripada beberapa kitab 'Arab seperti *Daqā'iq al-Akhbār fi Dhzikr al-Jannah wa al-Nār*, tulisan Imām 'Abd al-Rahīm bin Ahmad al-Qādī, *al-Durr al-Hasan* karangan al-Suyūtī dan *Masyāriq al-Anwār* karangan Sheikh Hasan al-Adawī. Kandungan kitab

Kasyf al-Ghaybiyyāt membicarakan kejadian Ādam, dicabut roh daripada jasad, alam kubur, tanda-tanda kiamat, huru-hara kiamat, syurga dan neraka.⁶⁴

Kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt*, walaupun sebuah kitab yang kecil tetapi mempunyai keistemewaan. Kitab ini disusun indah. Di samping itu, Zainal Abidin al-Fatani juga menjelaskan beberapa sumber rujukan yang digunakan dalam menghasilkan karya ini, iaitu al-Quran, al-Hadith dan kitab-kitab ulama muktabar.⁶⁵

Kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt* ini membicarakan perkara-perkara yang ghaib yang wajib dipercayai dan diyakini kerana ia sebahagian daripada akidah yang telah dijelaskan oleh al-Quran dan hadith. Maka kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt* ini juga tidak terlepas daripada menjadikan al-Quran sebagai hujah dan dalil ke atas perkara yang dibahaskan. Contohnya, Zainal Abidin menggunakan Surah al-Isra' (17): 13, sebagai dalil azab pada hari kiamat kelak, dan Surah Taha (20): 55, sebagai dalil bangkit semula daripada kubur:

Fiman Allah s.w.t:

وَكُلَّ إِنْسَنٍ أَلْزَمْنَا طَيْرًا وَ فِي عُنْقِهِ وَ نُخْرِجُ لَهُ وَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ كِتَبًا يَلْقَأُهُ مَنْشُورًا ۝

Dan tiap-tiap seorang manusia Kami kalangkan bahagian nasibnya di lehernya dan pada hari kiamat kelak Kami akan keluarkan kepadanya kitab (suratan amalnya) yang akan didapatinya terbuka (untuk ditatapnya).

Surah al-Isra' (17): 13

وَمِنْهَا خَلَقْنَاكُمْ وَفِيهَا نُعِيدُكُمْ وَمِنْهَا نُخْرِجُكُمْ تَارَةً أُخْرَى ۝

⁶⁴ Haji Mohd Salmi, Penolong kanan Madrasah al-Irsyādiah al-Wataniah Sg. Bakap. Temubual pada 6 September 2016.

⁶⁵ Zainal 'Abidin bin Muhammad al-Fatani (t.t), *Ibid*, hlm 33.

Dari bumilah Kami ciptakan kamu dan ke dalamnya Kami akan mengembalikan kamu, dan daripadanya pula Kami akan mengeluarkan kamu sekali lagi.

Surah Taha (20): 55

Al-Qur'an merupakan sumber rujukan dalam agama Islam. Dalamnya terdapat panduan dan petunjuk bagi orang beriman. Maka siapa yang berpegang teguh dengannya, dia tidak akan tersesat dari jalan yang benar. Allah S.W.T telah menjamin sesiapa yang membaca al Qur'an dan mengamalkan isinya tidak akan tersesat di dunia dan tidak akan diseksa pada hari akhirat kerana Allah s.w.t telah menjamin al-Qur'an akan sentiasa terpelihara hingga hari kiamat. Tidak ada yang mampu melakukan penyelewengan berupa penambahan mahupun pengurangan terhadap ayat al-Qur'an, sepetimana dilakukan terhadap kitab suci sebelumnya, iaitu kitab Taurat dan Injil. Ini dapat dibuktikan dengan firman Allah s.w.t.:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الْذِكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَفِظُونَ ۚ

Sesungguhnya Kami lah yang menurunkan Al-Quran dan Kami lah yang memelihara dan menjaganya.

Surah al-Hijr (15): 9

Berdasarkan kenyataan di atas, Zainal Abidin al-Fatani telah menjadikan al-Qur'an sebagai sumber dalam menjelaskan perkara ghaib dalam kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt*, kerana setiap perkara yang ghaib tidak dapat diketahui melainkan dengan perkhabaran dari al-Qur'an dan al-Sunnah. Al-Qur'an mempunyai autoriti yang telah dijamin oleh Allah s.w.t.

Sebagai perbandingan, apakah ulama Melayu yang lain menjadikan al-Qur'an sebagai salah satu sumber dalam penulisan karya mereka khususnya isu azab kubur. Maka penulis membincangkan disini beberapa kitab ulama Melayu, antaranya karya

Syeikh Daud al-Fatani dalam kitab *al-Durr al-Thamīn* yang membincangkan Usuluddin dan akidah orang yang beriman. Kitab ini ditulis sebagai membantu orang-orang yang tidak memahami bahasa ‘arab. Kitab *al-Durr al-Thamīn* mempunyai 103 halaman⁶⁶. Kitab ini membicarakan hal ketuhanan, iaitu mengenal Allah melalui perbahasan sifat dua puluh. Dua puluh yang wajib bagi Allah, dua puluh yang mustahil dan satu yang harus bagi Allah. Adapun tentang kenabian, Syeikh Daud al-Fatani membincangkan berkenaan sifat yang wajib bagi rasul, yang mustahil dan harus. Manakala *al-sam’iyyāt*, Syeikh Daud al-Fatani menjelaskan perkara yang wajib bagi seorang muslim percaya dengan yakin, iaitu azab kubur, kiamat, syurga dan neraka.⁶⁷ Inilah juga yang dibincangkan oleh Zainal Abidin al-Fatani dalam kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt*.

Dalam kitab *al-Durr al-Thamīn* Syeikh Daud al-Fatani menggunakan al-Qur'an sebagai sumber dalam karyanya. Syeikh Daud al-Fatani dan Zainal Abidin al-Fatani telah menggunakan dalil al-Quran yang sama ketika menjelaskan huru-hara berlakunya kiamat⁶⁸. Firman Allah ta'ala:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمْ إِنَّ زَلْزَلَةَ السَّاعَةِ شَيْءٌ عَظِيمٌ ۚ يَوْمَ تَرَوْنَهَا تَذَهَّلُ كُلُّ
مُرْضِعَةٍ عَمَّا أَرْضَعَتْ وَتَضَعُّ كُلُّ ذَاتٍ حَمْلَهَا وَتَرَى النَّاسَ سُكَّرَى وَمَا هُمْ
سُكَّرَى وَلَكِنَّ عَذَابَ اللَّهِ شَدِيدٌ ۝

Wahai umat manusia, bertakwalah kepada Tuhan kamu! Sesungguhnya gempa hari kiamat itu suatu perkara yang amat besar. Pada hari kamu melihat (peristiwa-peristiwa yang mengerikan) itu, tiap-tiap ibu penyusu akan melupakan anak yang disusukannya dan tiap-tiap perempuan yang mengandung akan gugurkan anak yang dikandungnya dan engkau akan melihat manusia mabuk, padahal mereka sebenarnya tidak mabuk, tetapi azab Allah amatlah berat, mengerikan.

Surah al-Hajj (22):1-2

Penulis dapati ada persamaan antara Zainal Abidin al-Fatani dalam kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt* dengan Syeikh Daud al-Fatani dalam kitab *al-Durr al-Thamīn*, yang

⁶⁶ Daud bin Abdullah al-Fatani (t.t), *al-Durr al-Thamīn*, Patani: Matba'ah bin Halabi, h.53.

⁶⁷ *Ibid.*

⁶⁸ *Ibid*, h. 71.

menggunakan sumber al-Qur'an dalam karya mereka, bahkan terkadang bersamaan pula ayat al-Qur'an yang dijadikan hujah, sebagaimana yang telah dijelaskan di atas.

Syeikh 'Abd. Qādir bin 'Abd. Mutalib al-Mandīlī menulis kitabnya bertajuk *Perisai Bagi Sekalian Mukallaf*, atau *Simpulan Iman atas mazhab Salaf* yang mempunyai 206 halaman. Kitab ini juga mensyarahkan *Matn al-'Aqīdah al-Tahāwiyyah* yang ditulis oleh Ahmad bin Muhammad bin Salamah al-Tahāwī atau lebih dikenali sebagai Imam Abū Ja'afar al-Tahāwī⁶⁹.

Kitab ini membicarakan, tentang tauhid *ulūhiyyah*,⁷⁰ *rubūbiyyah* dan *al-asmā'* *wa sifat*, serta membincangkan tentang rukun iman. Kemudian Syeikh 'Abd Qādir al-Mandīlī juga membahaskan berkenaan kematian, azab kubur dan tanda-tanda kiamat. Dalam kitab ini juga dibincangkan tentang sampainya doa dan sedekah orang yang hidup kepada orang yang telah meninggal dunia. Di akhir kitab ini, Syeikh 'Abd Qādir al-Mandīlī menyebutkan beberapa kumpulan yang sesat seperti *Mu'tazilah*, *Qadariyyah* dan *Jabariyyah*⁷¹.

Syeikh Ābd Qadīr al-Mandīlī mendatangkan ayat al-Qur'an dalam perbahasan azab kubur sebagai menyokong pendapat beliau. Contohnya ketika membincangkan sampainya doa dan sedekah kepada orang telah meninggal dunia di alam kubur, beliau mendatangkan firman Allah ta'ala:⁷²

وَالَّذِينَ جَاءُوا مِنْ بَعْدِهِمْ يَقُولُونَ رَبَّنَا أَغْفِرْ لَنَا وَلَاخُوَانِنَا الَّذِينَ سَبَقُونَا

بِالْإِيمَنِ وَلَا تَجْعَلْ فِي قُلُوبِنَا غَلَّا لِلَّذِينَ ءامَنُوا رَبَّنَا إِنَّكَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ ۝

⁶⁹ 'Abd Qādir bin 'Abd Mutalib al-Mandīlī (1961), *Perisai Bagi Sekalian Mukallaf*, c. 2. Mesir: Matba'ah al-Anuar, h. 9.

⁷⁰ Tawhīd *ulūhiyyah* ialah mengesakan Allah dengan segala perbuatan hamba, segala bentuk 'ibadah hanya kerana Allah. Contoh, Solat, puasa, zakat hanya kerana Allah, begitu juga dengan permohonan doa, hanya ditujukan kepada Allah s.w.t. *Ibid*, h. 9.

⁷¹ Abd Qādir bin 'Abd Mutalib al-Mandīlī (1961), *Ibid*, h.194

⁷² *Ibid*, h.148.

Dan orang-orang (Islam) yang datang kemudian daripada mereka (berdoa dengan) berkata: Wahai Tuhan Kami! Ampunkanlah dosa kami dan dosa saudara-saudara kami yang mendahului kami dalam iman dan janganlah Engkaujadikan dalam hati perasaan hasad dengki dan dendam terhadap orang-orang yang beriman. Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya Engkau Amat Melimpah belas kasihan dan rahmatMu.

Surah al-Hasyr (59) :10

Dalam membincangkan sampainya doa dan pahala daripada orang hidup kepada mayat di alam kubur, Zainal Abidin tidak mendatangkan ayat al-Qur'an seperti yang dilakukan oleh Abd Qādir al-Mandilī. Syeikh Zainal Abidin al-Fatani mengatakan telah ijma' ulama atas sampai pahala sedekah daripada orang yang hidup kepada mayat di alam kubur, sama ada jauh dari kubur atau dekat.⁷³ Penulis dapat terdapat berbezaan antara Zainal Abidin al-Fatani dengan Syeikh Abd Qādir al-Mandilī dalam membahaskan sampai doa dan pahala kepada mayat di alam kubur. Abd Qādir al-Mandilī menggunakan sumber al-Quran, manakala Zainal Abidin al-Fatani dalam isu ini tidak menggunakan sumber al-Qur'an.

Sebuah lagi kitab ialah yang bertajuk *al-Jawhar al-Mawhūb Wa Munabbihāt al-Qulūb*, karya yang dihasilkan oleh seorang ulama' dari Kelantan iaitu Syeikh Āli bin Ābd Rahmān. Beliau lebih dikenali dengan gelaran Syeikh Āli Kutan. Kitab ini mempunyai 229 halaman. Kitab ini adalah *Syarh* kepada kitab *Lubāb al-Hadīth*, karangan Syeikh Jalāluddīn 'Abd Rahmān al-Suyūti.⁷⁴ Kitab ini dibahagikan kepada empat puluh bab dan perbahasan azab kubur dibincangkan dalam bab ketiga puluh lapan. Perbahasan azab kubur dalam kitab *al-Jawhar al-Mawhūb Wa Munabbihāt al-Qulūb*, ialah tentang meratap, kembalinya roh kepada jasad, himpitan kubur, diperlihatkan mayat akan tempat tinggal syurga atau neraka. Syeikh 'Ali Kutan menggunakan sumber al-Qur'an dalam karya beliau. Ini dapat dibuktikan ketika

⁷³ Zainal Abidin al-Fatani (t.t), *Ibid*, 43.

⁷⁴ 'Ali bin 'Abd Rahmān (t.t) *al-Jawhar al-Mawhūb Wa Munabbihāt al-Qulūb*, (t.t.p), Percetakan al-Ma'arif Sdn Bhd, h. 2.

membincangkan tentang orang yang sabar di atas musibah dan menahan diri daripada meratap akan menirma ganjaran pahala daripada Allah S.W.T.⁷⁵

Firman Allah S.W.T:

إِنَّمَا يُؤْفَى الصَّابِرُونَ أَجْرُهُمْ بَعْدَ حِسَابٍ ﴿١٠﴾

Sesungguhnya orang yang bersabar sahaja akan disempurnakan pahala mereka yang tidak terhingga.

Surah al-Zumar (309): 10.

Setelah diteliti, penulis dapati Zainal Abidin al-Fatani, telah menggunakan ayat al-Qur'an yang sama dalam kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt*, ketika membincangkan larangan meratap ke atas mayat.⁷⁶ Oleh itu ada persamaan antara kitab *al-Jawhar al-Mawhūb Wa Munabbihāt al-Qulūb* yang ditulis oleh Syeikh 'Ali Kutan dan kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt* yang ditulis oleh Zainal Abidin al-Fatani dari sudut menggunakan sumber al-Qur'an dalam karya mereka, bahkan menggunakan ayat yang sama sebagai hujah.

Penulis juga mendapati beberapa karya ulama yang lain yang menggunakan al-Qur'an sebagai sumber dalam karya mereka, khususnya dalam perbahasan azab kubur seperti kitab *al-Iqtisād Fī al-I'tiqād* karya Imam al-Ghazālī⁷⁷, Kitab *al-Rūh*, karya Ibn Qayyim al-Jawzī, dan begitu juga kitab *al-Ibānah 'an Uṣūl al-Diyānah* karya bagi Imam Abu Hasan al-Asy'ari⁷⁸. Mereka mendatangkan ayat al-Qur'an khusus dalam membahaskan azab kubur, iaitu tentang perbahasan dipertontonkan kepada mayat akan tempat tinggal mereka disyurga atau neraka. Iaitu firman Allah Ta'ala:

⁷⁵ *Ibid.*200.

⁷⁶ Zainal Abidin al-Fatani (t.t), *Ibid.*27.

⁷⁷ Al-Ghazālī (1988), *al-Iqtisād Fī al-I'tiqād*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah, h. 135.

⁷⁸ Abu al-Hasan 'Ali bin Ismā'il al-Asy'arī (1981), *al-Ibānah 'an Uṣūl al-Diyānah*, Beirut: Maktabah Dar al-Bayan, h. 182.

النَّارُ يُرَضُّونَ عَلَيْهَا غُدُوًّا وَعَشِيًّا وَيَوْمَ تَقُومُ السَّاعَةُ أَدْخِلُوا مَاءَلِ فِرْعَوْنَ أَشَدَّ
الْعَذَابِ^٦

Mereka didedahkan kepada bahang api neraka pada waktu pagi dan petang (semasa mereka berada dalam alam Barzakh) dan pada hari berlakunya kiamat (diperintahkan kepada malaikat): Masukkanlah Firaun dan pengikut-pengikutnya ke dalam azab seksa api Neraka yang seberat-beratnya!

Surah Ghafir (40): 46.

Berdasarkan perbincangan di atas, penulis dapati Zainal ‘Abidin al-Fatani, Syeikh Daud al-Fatani, Syeikh ‘Abd Qadir al-Mandīlī dan Syeikh ‘Ali Kutan, menggunakan al-Qur'an sebagai sumber dalam karya mereka. Walaupun tidak semua bab perbahasan dalam karya mereka menggunakan ayat al-Qur'an, tetapi mereka masih menggunakan ayat al-Qur'an sebagai hujah didalam perbahasan yang lain.

Hadith pula merupakan sumber kedua selepas al-Quran, yang wajib dijadikan panduan dan rujukan bagi setiap umat Islam, maka Zainal Abidin al-Fatani (Tuan Minal) mendatangkan hadith-hadith yang sesuai dijadikan hujah bagi permasalahan yang dibincangkan. Antara hadith yang disebut oleh Zainal Abidin ialah seperti:

Kelebihan meninggal dunia pada hari Jumaat.

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرُو بْنِ الْعَاصِي قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ مَاتَ
يَوْمَ الْجُمُعَةِ أَوْ لَيْلَةَ الْجُمُعَةِ وُقِيَ فِتْنَةً الْقَبْرِ⁷⁹

Sabda Nabi s.a.w: *Barangsiaapa mati pada hari jumaat disentosa akan dia oleh Allah daripada fitnah kubur.*⁸⁰

Zainal Abidin Al-Fatani menggunakan hadith sebagai sumber dalam karya-karya beliau. Begitu juga dalam kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt*, dimana penulis dapati hampir

⁷⁹ Ibn Hanbal, Ahmad bin Muhammad (1998), *Musnad Imam Ahmad*, no Hadith 6753, Amman: Bayt al-Afkār al-Dawliyah, j.13, h.397.

⁸⁰ Zainal ‘Abidin bin Muhammad al-Fatani (t.t), *Ibid*, h. 33.

kesemua bab yang dibincangkan menggunakan maksud hadith, tetapi hadith-hadith tersebut tidak dinyatakan matan dan perawinya. Adapun ulasan tentang hadith di atas akan dibincangkan pada bab ketiga. Sebagai perbandingan apakah karya ulama Melayu yang lain juga menggunakan sumber al-hadith dalam karya mereka, maka penulis meneliti kepada kitab *al-Jawhar al-Mawhūb Wa Munabbihāt al-Qulūb*, maka penulis dapati Syeikh ‘Ali Kutan juga menjelaskan tentang kelebihan meninggal dunia pada hari atau malam jumaaat, dan beliau juga menggunakan hujah dengan mendatangkan hadith berikut:

من مات يوم الجمعة اوليتها رفع عنه عذاب القبر

Siapa yang meninggal dunia pada hari jumaat atau malamnya, nescaya diangkat daripadanya azab kubur.⁸¹

Penulis dapati, Syeikh ‘Alī Kutan dalam kitab *al-Jawhar al-Mawhūb Wa Munabbihāt al-Qulūb* ada persamaan dengan Zainal Abidin al-Fatani pada menggunakan sumber hadith dalam kitab mereka, tetapi berbeza sudut hadith yang digunakan.

Antara keistimewaan kitab ini juga ialah, Zainal Abidin Al-Fatani merujuk kepada kitab yang muktabar sebagai sumber rujukan dan kemudian diterjemahkannya ke dalam bahasa Melayu, dengan tujuan supaya ia memudahkan pemahaman kepada mereka yang tidak mengetahui bahasa Arab.

Antara kitab-kitab tersebut ialah:

1. *Daqā’iq al-Akhbār Fī Dhikr al-Jannah wa al-Nār*, Kitab ini karangan Imam Abdul Rahim Ibn Ahmad al-Qādī. Kitab ini mempunyai 47 halaman dan cetakan pertama dilakukan pada 1352 H, dan ditulis dalam bahasa Arab. Kitab ini telah

⁸¹ ‘Ali bin ‘Abd Rahmān (t.t), *Ibid*, h.51. Lihat, Ibn Hajar al-‘Asqalānī (1972), *Lisan al-Mīzān*, riwayat Anas bin Malik, no Hadith.754, j.6, Bayrut: Muassasat al-A’lami li al-Matbu’at, h.215.

dibahagikan kepada 45 bab, dan 4 fasal. Kitab ini dimulakan dengan *basmalah*, *al-hamdalah* dan selawat ke Nabi s.a.w. Imam Abdul Rahim tidak memulakan kitabnya dengan mukadimah yang panjang, dan tiada daftar isi kandungan yang boleh memudahkan pembaca merujuknya sebagaimana yang terdapat dalam kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt* yang ditulis oleh Zainal ‘Abidin al-Fatani.⁸²

2. Perbahasan dalam kitab ini lebih tertumpu kepada perbahasan perkara *al-sam’iyāt* seperti kejadian *Rūh al-A’zam* iaitu Nūr Muhammad, kejadian Adam, tentang malaikat, kejadian malaikat maut, jawab roh ketika dicabut nyawa, dan jawab segala anggota ketika dicabut nyawa. Perbincangan azab kubur dan soal Munkar dan Nakir dalam kubur juga dimuatkan dalam karya ini. Seterusnya, diikuti dengan perbahasan tentang kiamat dan kebangkitan semula dari kubur.⁸³ Berdasarkan kenyataan di atas, penulis dapati perbahasan yang yang terdapat dalam kitab *Daqā’iq al-Akhbār*, hampir sama dengan susunan perbahasan kitab yang terdapat dalam kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt*, dari aspek perbahasan perkara *al-Sam’iyāt*. Ini, disebabkan kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt* banyak dirujuk daripada kitab *Daqā’iq al-Akhbār*. Contohnya dalam kitab *Daqā’iq al-Akhbār*, pada bab pertama tentang kejadian roh nabi Muhammad, bab kedua tentang kejadian nabi Adam dan bab ketiga tentang kejadian malaikat. Maka begitulah juga susunan yang terdapat dalam kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt*.

2. *Al-Durr al-Hisān*

Kitab *al-Durr al-Hisan*, karangan Syeikh Jalāluddīn al-Suyūtī, ditulis dalam bahasa Arab. Kitab ini mempunyai 47 halaman. Syeikh Jalāluddīn tidak menggunakan mukadimah yang panjang dalam kitabnya, sebaliknya Syeikh

⁸² ‘Abdul Rahmān bin Ahmad al-Qādī (1352 H), *Daqā’iq al-Akhbār Fi Dhikr al-Jannah wa al-Nār*, Mesir: Matba’ah Mustafa Muhammad, h.3.

⁸³ *Ibid.*

Jalaluddin memulakan kitabnya hanya dengan *Basmalah*, *al-Hamdalah* serta selawat. Kitab *al-Durr al-Hisān* juga tidak membahagikan perbincangannya menggunakan bab atau fasal, serta tiada daftar kandungan.⁸⁴Pada akhir kitab ini ditutup dengan selawat dan *al-Hamdalah*. Kandungan perbahasan dalam kitab ini juga lebih tertumpu kepada perbincangan *al-Sam’iyat*. Seperti yang terdapat dalam kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt* dan *Daqā’iq al-Akhbār*. Antara perkara yang dibincangkan dalam kitab *al-Durr al-Hisān* ialah, kejadian Nur Muhammad,⁸⁵kejadian malaikat, kejadian Adam,⁸⁶malaikat maut, azab kubur⁸⁷ dan perbincangan tentang roh.⁸⁸syurga dan neraka⁸⁹dan melihat *dhat* Allah di akhirat kelak.⁹⁰Berdasarkan kenyataan di atas, penulis dapati kitab *al-Durr al-Hisān* sebuah kitab akidah yang membincangkan perkara *ghayb*. Oleh sebab kitab ini tidak disusun menggunakan bab, maka agak sukar bagi pembaca untuk mencari sesuatu isu yang diperlukan. Adapun kitab *Masyāriq al-Anwār*, karangan Syeikh Hasan al-Adawi, penulis masih belum menjumpai kitab tersebut.

Zainal Abidin al-Fatani, dalam kitab *Kasyf al-Ghaibiyāt* telah membahagikan kandungan perbahasan kepada beberapa bahagian, iaitu mukadimah seperti kitab-kitab jawi yang lain, Zainal Abidin al-Fatani memulakan dengan *Basmalah*, *al-Hamdalah* dan selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w.⁹¹ kerana beramat dengan sebuah hadith:

⁸⁴ Jalaluddin al-Suyuti (1352 H), *al-Durr al-Hasan*, Mesir: Matba’ah Mustafa Muhammad, h.2

⁸⁵ *Ibid.*

⁸⁶ *Ibid*, h.5.

⁸⁷ *Ibid*, h 7.

⁸⁸ *Ibid*, h. 9

⁸⁹ *Ibid*, h.32.

⁹⁰ *Ibid*, h. 40.

⁹¹ Zainal ‘Abidin bin Muhammad al-Fatani (t.t) *Ibid*, h. 2.

كُلُّ أَمْرٍ ذِي بَالٍ لَا يَدْأُ فِيهِ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ فَهُوَ أَبْتَرُ

Setiap perkara yang baik, tidak di mulai dengan Basmaalah, Maka ia akan terpotong (Tiada keberkatan).⁹²

Antara keistimewaan kitab *Kaysf al-Ghaybiyyāt* ialah terdapat pada mukadimah kitab tersebut, dimana Zainal Abidin terlebih dahulu memperkenalkan kitab beliau supaya pembaca terlebih dahulu mengenali kitab *Kaysf al-Ghaybiyyāt* sebelum mempelajarinya. Beliau juga menjelaskan latar belakang penulisan kitab *Kaysf al-Ghaybiyyāt*, iaitu hasil daripada permintaan sahabatnya supaya menulis kitab dalam bahasa jawi dan ini menjadi faktor yang mendorong beliau menghasilkan karya ini. Kemudian beliau menjelaskan secara umum kesemua bab yang terdapat dalam kitab beliau, sebelum menghuraikannya secara satu persatu.

Menurut Dato' Mohd Salleh bin Hj Ahmad, keistimewaan kitab *Kaysf al-Ghaybiyyāt*, ialah melalui gaya penulisan yang menarik, dan lebih istimewa kerana kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt* ini disusun oleh insan yang pakar dalam akidah, wara' lagi 'alim. Maka oleh sebab itu orang yang hendak mengajar kitab ini ialah seorang yang tinggi kefahaman akidahnya, supaya ilmu yang terdapat dalam kitab ini dapat disampaikan dengan baik. Selain daripada itu, kitab ini menjadikan al-Qur'an dan al-hadith serta kitab-kitab ulama muktabar, sebagai rujukan lantas menjadikannya lebih istimewa sebagai sebuah karya ilmiah.⁹³

Susunan kitab *Kaysf al-Ghaybiyyāt* yang dikarang oleh Zainal 'Abidin al-Fatani (Tuan Minal) mempunyai susunan yang teratur. Ini dapat dilihat bagaimana beliau telah membahagikan kitab ini kepada sepuluh bab, dan setiap bab mempunyai beberapa fasil.

⁹² Abī 'Abd Allah Muhammad bin Yazīd al-Qazwainī Ibn Mājah (t.t), *Sunan Ibn Mājah*, "Kitab al-Nikāh". no. hadith 1894, Riyad: Maktabah al-Ma'arif li al-Nasyr wa al-Tauzi', h.330.

⁹³ Dato' Mohd Salleh bin Hj Ahmad, temubual diadakan pada 03 Oktober 2017, Jam 08.55 pagi.

Beliau telah menyebut keseluruhan bab secara umum. Kemudian beliau menghuraikan setiap bab secara terperinci berserta dengan nas daripada al-Quran atau hadith.

2.7 Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan di atas, penulis membuat kesimpulan bahawa, kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt* merupakan sebuah kitab jawi yang sepenuhnya membincangkan perkara *ghayb* dan *al-sam'iyāt*, yang mampu memberikan tambah nilai ilmu kepada pembacanya. Kandungan Perbahasan dalam kitab ini, adalah tentang tiga situasi kehidupan yang akan ditempuh oleh setiap manusia. Pertama, kehidupan manusia di alam dunia, iaitu bermula dari penciptaan *rūh al-a'zam* iaitu penciptaan *nūr Muhammad S.A.W.* dan penciptaan Nabi Adam a.s. termasuklah penciptaan segala malaikat. Kedua, tentang kematian manusia sehingga ke alam barzakh. Di sinilah, Zainal Abidin al-Fatani membincangkan tentang roh dan azab kubur. Ketiga, alam akhirat, iaitu bermula dari berlakunya kiamat hingga ke perbicaraan di mahkamah Allah, yang akhirnya sekalian manusia menerima balasan daripada Allah. Ahli syurga dimasukkan ke dalam syurga dan ahli neraka dimasukkan ke dalam neraka. Metode perbahasan yang digunakan oleh Zainal Abidin al-Fatani dalam kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt* ialah, memulakan penulisannya dengan mukadimah iaitu *Basmalah* dan *al-Hamalah* sebagai beramal dengan Sunnah Nabi s.a.w, dan Zainal Abidin al-Fatani juga menggunakan al-Qur'an dan al-hadith serta kitab-kitab ulama muktabar sebagai rujukan perbincangan dalam kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt*. Zainal Abidin al-Fatani juga meletakkan daftar kandungan di akhir kitab ini, bagi memudahkan para pembaca. Keistimewaan kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt* sebagai sebuah karya ilmiah ialah kerana Zainal Abidin al-Fatani telah menjadikan al-Qur'an, al-hadith dan kitab-kitab muktabar sebagai sumber rujukan dalam penulisan kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt*. Selain daripada itu, kitab *Kasyf al-*

Ghaybiyyāt membincangkan perkara *sam'iyyāt* dengan sepenuhnya berbanding dengan kitab jawi yang lain, dan ia disusun dengan susunan perbahasan yang menarik mengikut bab, dan mengikut perjalanan kehidupan manusia, iaitu bermula dengan kehidupan, kematian dan kebangkitan semula. Walau bagaimana pun terdapat beberapa kekurangan dalam kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt*, Antaranya dalam pengunaan dalil ayat al-Qur'an, Zainal Abidin al-Fatani tidak menjelaskan nombor surah dan nama surah. Begitu juga dengan pengunaan hadith, tidak dinyatakan matan serta perawi hadith tersebut.

BAB 3:

PERBAHASAN AZAB KUBUR DALAM KITAB

KASYF AL-GHAYBIYYĀT

3.1 Pengenalan

Perbincangan tentang alam kubur telah ditulis dalam kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt* oleh Zainal Abidin al-Fatani bermula pada bab empat hingga bab kelima. Apabila membincangkan tentang alam kubur dan azab kubur, maka tidak boleh lepas daripada membincangkan beberapa perkara yang luar dari kotak pemikiran manusia, kerana perkara yang ghaib atau *al-Sam'iyāt* tidak dapat dicapai dengan menggunakan logik akal. Zainal Abidin memulakan perbincangan berhubung dengan azab kubur dengan membincangkan terlebih dahulu perkara yang bersangkutan dengannya, iaitu tentang kematian, tetapi penulis lebih menumpukan kepada perbahasan azab kubur. Maka penulis akan menjelaskan beberapa aspek pemikiran yang telah dibincangkan oleh Zainal Abidin al-Fatani berkenaan azab kubur di dalam kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt*, seperti kembali roh kepada jasad, malaikat yang masuk ke dalam kubur sebelum Munkar dan Nakir, diperlihatkan kepada mayat ketika di alam kubur akan tempat tinggalnya di syurga atau neraka, meratap, kelebihan meninggal dunia pada hari jumaat, dan perkara yang menjadi sebab seseorang itu diazab di dalam kubur dan perkara yang boleh menghindarkan daripadanya.

3. 2 Pengembalian Roh kepada Jasad.

Dalam membincangkan azab kubur, Penulis memulakan terlebih dahulu perbincangan berkenaan roh kerana apabila membincangkan azab kubur maka secara lazimnya tidak boleh dipisahkan daripada membincangkan berkenaan roh.

Melalui perbincangan ini, Zainal Abidin al-Fatani membicarakan tentang roh yang telah dikeluarkan dari jasad, adakah ia dikembalikan kepada jasad semula? Berdasarkan hadith yang tidak disebutkan riwayatnya, Zainal Abidin al-Fatani menyatakan:

Apabila roh sampai ke halqum, malaikat maut akan mengambil rohnya, maka jika ia daripada ahli bahagia maka diserahkannya nyawa itu kepada malaikat rahmat, dan jika ada ia daripada ahli celaka, maka diserahkan nyawa itu kepada malaikat azab. Setelah itu malaikat mengambil roh itu, maka dibawa naik nyawa ke hadrat Rab al-‘Ālamīn , dan jika adalah nyawa itu dari ahli yang bahagia, maka Allah perintahkan malaikat kembalikan nyawa kepada badan supaya ia melihat jasadnya. Lalu malaikat membawa turun nyawa, maka melihatlah ia akan orang yang dukacita atas kematianya dan orang yang tiada dukacita atasnya, sedangkan ia tiada kuasa berkata-kata. Kemudian ditanggungkan mayat ke kuburnya, maka Allah perintahkan malaikat kembalikan roh itu kepada jasad seperti keadaanya dahulu semasa di dunia. Maka telah bersalahan beberapa riwayat padanya. Sesetengah mereka berpendapat bahawa dijadikan roh pada jasadnya seperti di dunia dahulu, kemudian duduk ia dan ditanya akan dia.¹

Hadith di atas menjelaskan roh akan dikembalikan kepada jasad ketika di alam kubur, Penulis tidak menemui matan hadith di atas, tetapi penulis menjumpai hadith yang diriwayatkan oleh al-Barra’ bin ‘Azib, yang menjelaskan roh dikembalikan kepada jasad, hadith tersebut ialah:

فَتُعَادُ رُوحُهُ فِي جَسَدِهِ، وَيَأْتِيهِ مَلَكَانِ، فَيُجْلِسَانِهِ، فَيَقُولُانِ لَهُ: مَنْ رَبُّكِ؟
فَيَقُولُ: هَاهُ هَاهُ! لَا أَدْرِي، فَيَقُولُانِ لَهُ: مَا دِينُكِ؟ فَيَقُولُ: هَاهُ هَاهُ! لَا أَدْرِي،
فَيَقُولُانِ لَهُ: مَا هَذَا الرَّجُلُ الَّذِي بَعَثَ فِيْكُمْ؟ فَيَقُولُ: هَاهُ هَاهُ! لَا أَدْرِي،

Maka dikembalikan roh kepada jasadnya, dan datang dua malaikat maka mendudukan oleh keduanya akan mayat, berkata kedua malaikat: Siapa Tuhan kamu? berkata mayat, aku tidak tahu. Berkata lagi dua

¹ Zainal Abidin bin Muhammad (t.t), *Kasyaf al-Ghaybiyyat*. Patani: Maktabah bin Halabi, h. 29

*malaikat, siapa lelaki yang diutuskan kepada kamu? berkata mayat, aku tidak tahu.*²

Maka Zainal Abidin juga menjelaskan ada sesetengah ulama seperti Ibn Hazm³ dan Ibn Hubayrah yang berpendapat bahawa soal Munkar dan Nakir itu hanya bagi roh dan tidak bagi jasad.⁴ Zainal Abidin al-Fatani menyebutkan dalam kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt* pandangan ulama yang berhubung kembali roh kepada jasad. Kata Zainal Abidin al-Fatani:

*Telah berkata sesetengah mereka, masuk roh itu pada jasad hingga dadanya. Dan berkata yang lain pula antara jasad dan kafannya. Dan tiap-tiap yang demikian itu sesungguhnya datang athar. Dan yang sahih disisi ahl ‘ilm bahawa ikrar oleh hamba itu dengan azab kubur dan jangan masyghul dengan kaifiyatnya.*⁵

Nu’mān al-Alūsī menjelaskan antara mereka yang berpandangan seperti itu ialah al-Minhāl bin ‘Amr.⁶ Berdasarkan kenyataan di atas, penulis dapati azab bagi orang yang derhaka kepada Allah s.w.t bermula pada saat kematiannya. Iaitu roh orang yang beriman akan diserahkan kepada malaikat rahmat, manakala roh orang yang derhaka akan diserahkan kepada malaikat azab, kemudian roh akan dibawa bertemu dengan Allah Ta’ala. Kemudian Allah Ta’ala akan perintahkan malaikat supaya mengembalikan roh kepada jasadnya. Maka hadith yang telah digunakan oleh Zainal Abidin al-Fatani dan hadith yang didatangkan oleh penulis sama maksudnya, iaitu roh akan dikembalikan kepada jasad ketika di alam kubur.

² Abu Dāwūd, Sulaymān Ibn al-‘Ash’ath (1952), *Sunan Abi Dāwūd*, no Hadith. 4127, bab Soal dalam kubur dan azab kubur, j.12, al-Qaherah: Matba’at Mustafa al-Bābi al-Halabi wa- Awlādih, h. 368.

³ Ibn Hazm, ‘Alī bin Ahmad (2002), *al-Fasl fī al-Milal wa al-Ahwā’ wa an-Nihāl*, Beirut: Dar al-Ihya’ al-Turath al-‘Arabi, J. 1, h.214.

⁴ Zainal Abidin bin Muhammad (t.t), *Ibid.* h. 29

⁵ *Ibid.*

⁶ Nu’mān Ibn Mahmūd al-Alūsī (1402H) *Al-Āyāt al-Bayyināt Fī ‘Adam Sima’ al-Amwāt ‘inda al-Hanafiyah al-Sadat*. Bayrut: Maktabah al-Islam, h.84.

Walaupun Zainal Abidin al-Fatani menyatakan terdapat beberapa pandangan berhubung cara roh dikembalikan kepada jasad ketika di alam kubur, dan menjelaskan secara ringkas perbezaan tersebut tanpa menyatakan siapa periwayatnya, ini akan menyukarkan pembaca untuk mengetahui dengan lebih mendalam. Zainal Abidin lebih memfokuskan perkara yang lebih utama untuk diyakini, iaitu yang sahih di sisi ulama Ahl Sunnah ialah mengaku dan beriman kepada adanya azab kubur.

3. 3 Malaikat yang masuk ke dalam kubur sebelum Mungkar dan Nakir.

Alam kubur merupakan suatu alam yang menakutkan dan mengcutkan hati apabila mendengarnya. Walaupun alam ini mempunyai nikmat dan azab, tetapi hati manusia lebih terfokus kepada azab yang terdapat di alam kubur, dan malaikat Mungkar, Nakir dan *Rūmān* yang akan dihadapi secara berseorangan, dan setiap manusia ketika di alam kubur akan merasa malu dengan amalan buruk yang dilakukan ketika di dunia.

Zainal Abidin telah mengambil satu riwayat daripada ‘Abd Allāh bin Salām, bahawa akan masuk satu malaikat atas mayat sebelum Munkar dan Nakir, yang berkilat-kilat cahaya mukanya seperti matahari. Namanya ialah *Rūmān*. Dia menyuruh akan mayat supaya menulis akan segala amal kebajikan dan kejahatan yang ia telah lakukan semasa hidup di atas dunia.

Kata Zainal Abidin al-Fatani:

Diceritakan daripada Abdullah bin Salam, Menyuruh ia akan mayat supaya menulis segala amal kebajikan dan kejahatan yang telah dia lakukan semasa hidup di dunia, maka berkata mayat: Dengan apa suatu yang aku suratkan, dimana qalamku (pen) di mana bekas dakwatku, dan di mana dakwatku. Berkata malaikat: Air liur engkau sebagai dakwat, jari engkau sebagai qalam. Berkata mayat: Atas apa suatu aku suratkan, tiada bagiku sahifah (kertas). Sabda Nabi s.a.w: Maka dipotongkan daripada kain kapannya. maka berkata malaikat: inilah sahifah engkau, maka tulis olehmu. Maka menyurat ia akan barang yang beramat ia di dalam dunia daripada kebajikan. Maka apabila sampai kepada kejahatan, malu ia, maka berkata malaikat: Hai orang yang berdosa, kerana apa engkau tiada malu kepada yang menjadikan engkau, sekira-kira engkau berbuat kejahatan di dunia.

sedangkan malu engkau kepada aku sekarang ini. Maka menggangkat oleh malaikat itu akan tongkatnya, maka memukul ia akan dia. Dan berkata mayat kepada malaikat: Angkat olehmu daripadaku akan pukulan supaya aku tuliskan dia. Maka menulis ia di dalamnya akan sekalian kebajikan dan sekalian kejahatan. Maka menyuruh ia (malaikat) akan mayat, bahawa mengulung ia dan metri akan dia. Berkata mayat: Dengan apa suatu aku metri akan dia tiada sertaku khatam, maka berkata ia (malaikat) metri olehmu akan dia dengan kuku engkau, maka metri ia akan dia dengan kukunya, dan digantung ia pada batang lehernya sampai hari kiamat.⁷

Zainal Abidin menjelaskan dalil perkara di atas dengan firman Allah s.w.t ⁸:

وَكُلَّ إِنْسَنٍ أَلْزَمْنَا طَيْرًا وِيْنَجْرِجُ لَهُ وَيَوْمَ الْقِيَامَةِ كِتَبًا يَلْقَأُهُ
مَنْشُورًا ^{۱۲}

Dan tiap-tiap seorang manusia, kami kalongkan bahagian nasibnya di lehernya dan pada hari kiamat kelak, kami akan keluarkan kepadanya kitab (suratan amalnya) yang akan didapatinya terbuka (untuk ditatapnya).

Surah al-Isra' (17): 13

Berdasarkan kenyataan di atas, dapat diketahui bahawa selain daripada Munkar dan Nakir yang akan menyoal mayat ketika di alam kubur, ada seorang lagi malaikat yang akan berhadapan dengan mayat, iaitu *Rūmān*, dan tugasnya ialah menyuruh mayat supaya menulis segala amal kebaikan dan kejahatan ketika hidup di dunia. Segala yang telah ditulis oleh mayat, kemudian akan dimetri serta digantung pada leher mayat sehingga berlaku kiamat. Zainal Abidin al-Fatani mendatangkan ayat al-Qur'an surah al-Isra' (17):13, bagi menguatkan lagi hujah setiap manusia akan dikelungkan pada leher masing-masing dengan catatan amal kebajikan dan kejahatan yang ditulisnya

⁷ *Ibid*, h. 33

⁸ *Ibid*, h. 33

sendiri. Dalam *Tafsīr Ibnu Kahtīr*,⁹ disebutkan bahawa catatan amal tersebut digantung pada leher manusia ketika di alam kubur hingga berlaku kiamat.

Berhubung dengan hadith di atas yang telah didatangkan oleh Zainal Abidin al-Fatani, penulis tidak menjumpai matan hadith tersebut di dalam kitab hadith, tetapi penulis menjumpai hadith berkenaan malaikat yang bernama *Rūmān* di dalam kitab *Tazkirah* bagi Imam al-Qurthubi yang mengatakan:

وقد روى عن ابن مسعود رضي الله عنه أنه قال يا رسول الله : ما أول ما يلقى الميت
إذا دخل قبره ؟ قال : يا ابن مسعود ما سألكني عنه أحد إلا أنت . فأول ما يناديه ملك
اسمه رومان يجوس خلال المقابر فيقول : يا عبد الله اكتب عملك . فيقول : ليس معى
دواة ولا قرطاس

Dirwayatkan dari Ibn Mas'ud r.a berkata: Ya Rasulullah, apakah yang pertama dijumpai oleh mayat pada saat masuk kuburnya? Rasulullah menjawab: Hai Ibn Mas'ud, sesungguhnya kamu telah menanyakan kepadaku hal yang belum pernah seorangpun bertanya selain kamu. Yang pertama yang memanggil mayat adalah malaikat yang bernama Rūmān, berada dicelah-celah kuburan. Malaikat Rūmān bertanya kepada mayat, "Hai hamba Allah, tulislah amalanmu," Simayat menjawab: Aku tidak mempunyai dakwat dan dakwat.¹⁰

Ibn Hajar menjelaskan bahawa hadith tentang malaikat bernama *Rūmān* yang datang kepada mayat di dalam kubur adalah hadith yang mempunyai sanad yang lemah.¹¹

Adapun Imam al-Ghazālī dalam kitab *al-Durrah al-Fakhīrah Fī Kaysf Ulūm al-Akhīrah* mengakui ada malaikat yang bernama *Rūmān* dengan menyatakan apabila diratakan tanah atas mayat, maka malaikat yang bernama *Rūmān* akan memanggil mayat.¹² Maka dari perbincangan di atas, penulis dapati walaupun Ibn Hajar menghukumkan hadith tersebut sebagai lemah, tetapi Imam al-Ghazālī dan al-Qurtubī, dua orang ulama besar dari kalangan

⁹ Ibn Kathīr, Abū al-Fidā' Ismā'īl Ibn 'Umar (2009), *Tafsir al-Qur'ān al-'Aṣīm*, Riyad: Dar Taybah li al-Nasr wa al-Tawzi', j. 8, h. 399.

^{10 11} Al-Qurtubī, Abū 'Abd 'Allah Muhammad bin Ahmad Shamsuddīn (1995), *al-Tazkirah Fi Aḥwāl al-Mawtā wa umur al-Ākhirah*, j.1, Maktabah Dar al-Minhaj, Riyadh, h.140.

¹¹ Ibn Hajar al-Haythamī, Ahmad bin Muhammad (1937), *al-Fatāwā al-Hadītsiyah*, Misr: Mustafa al-Babi al-Halabi, h.7

¹² Imam Al-Ghazali (t.t), *al-Durrah al-Fakhīrah fī Kasyf Ulūm al-Akhīrah*, Maktabah al-Tsaqafiyah, Beirut, Hal. 34

Ahli Sunnah wal Jama'ah telah menyebut malaikat *Rūmān* sebagai salah satu malaikat yang menjadi fitnah dalam kuburan bagi mayat. Maka sebab itulah Zainal Abidin al-Fatani mendatangkan hadith tersebut dalam kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt*.

3.4 Mayat diperlihatkan ketika di alam kubur tempat tinggalnya di syurga atau neraka.

Setiap amalan yang dilakukan oleh manusia di atas muka bumi ini akan dibalas oleh Allah dengan balasan yang setimpal dengan amalan yang dilakukan. Sesungguhnya Allah maha adil terhadap hambaNya. Maka balasan tersebut akan diketahui ketika dia berada di alam kubur lagi. Ini kerana sekiranya seseorang itu selamat dari azab kubur, bermakna dia akan selamat menempuh perjalanan yang berada di hadapannya, seperti timbangan amal dan titian sirat.

Zainal Abidin al-Fatani membincangkan bagaimana keadaan mayat ketika dimasukkan ke dalam kubur, yakni liang lahad. Selain daripada berhadapan dengan soal Munkar dan Nakir, mayat juga akan diperlihatkan tempat tinggalnya sama ada di syurga atau pun neraka.

Katanya Zainal Abidin:

Maka apabila dihantarkan orang mukmin itu di dalam liang lahad nescaya berkata baginya oleh bumi bermula engkau itu adalah engkau terlebih kasih kepada aku, pada hal engkau atas belakangku, maka betapa pada ketika jadi engkau di dalam perutku lagi akan aku perlihat akan dikau akan barang yang aku perbuat dengan engkau maka diluaskan baginya di dalam kuburnya seperti pandangan mata dan dibukakan baginya akan satu pintu di sisi dua kakinya kepada syurga, maka dikatakan baginya tilik olehmu akan barang yang dijanjikan Allah bagi engkau daripada pahala dan dibukakan baginya satu pintu di sisi kepalanya kepada neraka dan dikatakan baginya tilik olehmu akan barang yang memaling Allah daripada engkau daripada azab.¹³

¹³ Zainal Abidin (t.t), *Ibid*, h.19

Berdasarkan kenyataan di atas, penulis dapati setiap manusia yang beriman atau yang kafir akan berbicara dengan kubur, dan Allah menjadikan bagi kubur lidah untuk berkata-kata.¹⁴ Bagi orang yang beriman serta beramal soleh, dia akan dikasihi bumi ketika hidup di dunia sehingga dia dimasukkan ke dalam kubur, dengan mendapat layanan yang baik iaitu diluaskan kuburnya sejauh mata memandang dan dibentangkan tempat tinggalnya di syurga.

Adapun jika mayat itu orang yang tidak beriman ketika hidup di dunia, maka sudah tentu dia menjadi manusia yang dibenci oleh bumi ketika hidup di dunia sehingga dia dimasukkan ke dalam kubur. Ketika itu, dia akan diberi layanan yang amat buruk, dan bumi akan menghimpit jasadnya dengan kasar, lalu dibentangkan tempat tinggalnya di neraka. Penulis dapati di sini terdapat dua seksaan terhadap mayat yang tidak beriman, iaitu himpitan azab kubur dan waktu dipertontonkan tempat tinggalnya di neraka.

3.5 Meratap ke atas mayat.

Azab kubur boleh berlaku dengan pelbagai sebab. Meratap adalah sebahagian daripada punca mayat diazab di dalam kubur. Di sini akan penulis nyatakan maksud meratap, dan juga akan menjelaskan dalil yang digunakan oleh Zainal Abidin berkenaan dengan meratap dan juga akan membincangkan hukum meratap.

Meratap ialah mengangkat suara dengan menyebut-nyebut kebaikan si mayat sama ada disertai dengan menangis atau tiada.¹⁵ Zainal Abidin menjelaskan, meratap sebab kematian seseorang, menunjukkan sesorang itu tidak sabar dengan suatu musibah

¹⁴ Al-Qurṭubī, ‘Abd Allah Muhammad bin Ahmad (1995), *al-Tazkirah Fī Ahwāl al-Mawtā wa umūr al-Ākhirah*, al-Mansūrah: Maktabah al-Imān, j.1. h.118.

¹⁵ Muhammad ‘Ali bin Muhammad bin ‘Alān bin Ibrahim al-Syafie (t.t), *Dalīl al-Fālihīn lī Turuq Riyāḍ al-Ṣāliḥīn*, (t.t.p): (t.p), j.6, h. 223.

yang menimpanya iaitu kematian, sehingga orang itu mencarik pakaian atau memukul-mukul dadanya maka perbuatan tersebut seolah-olah orang itu mengisyiharkan perang dengan Allah S.W.T.

Kata Zainal Abidin al-Fatani:

Diriwayatkan pada hadith: Barang siapa yang dibahayakan dengan suatu musibah mencarik ia dengan sebab musibah itu akan kainnya, memukul ia akan dadanya, maka seolah-olah dia mengambil leming dan mengisyiharkan perang dengan Allah s.w.t..¹⁶

Kata Zainal Abidin al-Fatani lagi:

Diceritakan daripada Nabi s.a.w. bersabda: Barang siapa menghitam ia akan pintu atau kain pada ketika kena bahaya daripada kematian atau memukul ia akan kedai atau mengerat ia akan pohon kayu atau mengerat ia akan rambut, nescaya diperbuatkan baginya dengan tiap-tiap urat rambut itu satu rumah dalam neraka dan tiada diterima daripadanya amal wajib dan amal yang sunat selama ada hitam itu pada pintunya dan menyempit oleh Allah akan kuburnya dan disangatkan atasnya hisab dan melaknat akan dia oleh tiap-tiap malaikat pada langit dan bumi dan disuratkan atasnya seribu kejahatan dan berdiri daripada kuburnya pada hal bertelanjang dan sesiapa mencarik kain kerana musibah yang menimpanya atau mencarik leher bajunya, nescaya mencarik Allah akan agamanya. Dan jika ia menampar pipinya atau mengaru-garu akan mukanya, nescaya diharamkan oleh Allah menilik kepada dhatnya yang maha mulia itu.¹⁷

Penulis tidak menemui matan hadith di atas dalam kitab hadith, tetapi penulis telah menemui matan hadith yang hampir maksudnya, iaitu larangan meratap ke atas mayat.

Hadith tersebut ialah:

عَنْ أَبْنَى مُسْعُودَ - رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ - قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَيْسَ مِنَّا مَنْ ضَرَبَ الْخُدُودَ ، وَشَقَّ الْجُيُوبَ ، وَدَعَانَا بِدَعْوَى الْجَاهِلِيَّةِ

¹⁶ Ibid, h.27

¹⁷ Ibid, h.27.

Daripada Ibn Mas'ud r.a, berkata: Rasulullah S.A.W bersabda: Bukan dari kalangan umatku mereka yang penampar pipi, mengoyak baju dan menyeru dengan seruan jahiliyah.¹⁸

Berdasarkan kenyataan di atas, dapat difahami hukum meratap adalah haram dan dijanjikan dengan azab di alam kubur. Ini terdapat dalam riwayat yang pertama, iaitu orang yang meratap seolah-olah dia ingin berperang dengan Allah s.w.t., kerana perbuatan tersebut menunjukkan seseorang itu tidak menerima ketentuan qada' dan qadar Allah s.w.t. Imam al-Nawāwī dalam kitab *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn*, menghukumkan perbuatan meratap sebagai haram, dan mayat akan diazab di dalam kubur dengan sebab ratapan warisnya, sekiranya dia berwasiat kepada warisnya supaya melakukan demikian¹⁹.

Meratap merupakan salah satu daripada perbuatan dosa besar, menurut Ibn Abbās dosa besar ialah setiap dosa yang dijanjikan dengan neraka, azab atau laksana.²⁰ Meratap juga boleh membawa seseorang itu jatuh kepada kekufuran kerana meratap atas kematian itu menunjukkan sifat marah dan tidak beriman dengan qada' dan qadar daripada Allah s.w.t²¹. Orang yang tidak beriman dengan qada' dan qadar akan jatuh kepada kekufuran. Orang yang kufur tidak dapat memandang *dhat* Allah yang mulia di akhirat kelak. Maka sebab itulah dalam riwayat kedua disebutkan orang yang meratap sehingga mengaru-garu muka dan menampar pipi tidak akan dapat melihat *dhat* Allah yang mulia. Zainal Abidin al-Fatani menthabitkan azab kubur dengan sebab ratapan ke atas mayat.

¹⁸Bukhari, Muhammad bin Ismail (t.t), *Sahīh Bukhārī*, no Hadith.1214, Kitab al-Janā'iz, j.5, al-Qaherah: Maktabah al-Jumhuriyyah al- 'Arabiyyah, Matba'at Muhammad 'Ali Sahih Wa Awladih, h.48.

¹⁹ Al-Nawāwī, Abū Zakariya Yahya bin Sharaf (2006), *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn*, al-Qaherah: Maktabah al-Mawrid, j.1, h.478.

²⁰ Abū Hayyān Muhammad bin Yūsuf (t.t), *Bahr al-Muhiṭ*, al-Riyāḍ: Maktabah wa matabi' al-Nasr al-Hadīthah, j.4, h.112.

²¹ 'Abd Rahmān bin Muhammad bin Qāsim (1408H), *Hāsyiyah Kitāb Tawhīd*, cet.3, (t.t.p): Multaqā Ahl Hadith, j.13, h.4.

3.6 Kelebihan Meninggal Dunia Hari Jumaat

Setiap Insan mengharapkan akhir kesudahan hayatnya dengan *husnul khātimah* (kesudahan yang baik), namun tiada siapa pun yang mampu menentukan waktu kematiannya dan tempat kematiannya, kerana semuanya dalam kekuasaan serta ketentuan Allah, yang tidak akan tercepat atau terlambat walau satu saat.

Dalam perbincangan ini, penulis akan menjelaskan kenyataan Zainal Abidin al-Fatani di dalam kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt*, bahawa terdapat kelebihan meninggal dunia pada hari jumaat. Zainal Abidin al-Fatani menjelaskan, seorang muslim yang meninggal dunia pada hari jumaat akan terlepas dari azab kubur.

Kata Zainal Abidin al-Fatani:

Bersabda Nabi s.a.w: Barangsiapa mati pada hari jumaat atau malam jumaat, nescaya disentosa akan dia daripada fitnah kubur²².

Zainal Abidin al-Fatani tidak mendatangkan matan bagi hadith di atas, tetapi penulis telah menjumpai matan asal bagi hadith tersebut seperti berikut:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرُو بْنِ الْعَاصِي قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ مَاتَ يَوْمَ الْجُمُعَةِ أَوْ لَيْلَةَ الْجُمُعَةِ وُقِيَ فِتْنَةً الْقَبْرِ²³

Kata Zainal Abidin al-Fatani:

Diriwayatkan daripada Anas bin Malik r.a. bahawa Nabi s.a.w menceritakan bahawa apabila dihantarkan mayat di dalam kubur dan dikampus tanah atasnya, berkata keluarganya dan anaknya, wahai... penghulu yang mulia. Maka berkata malaikat yang memukul, Adakah engkau mendengar apa yang mereka katakan. Dia menjawab bahan. Maka berkata malaikat itu. Adalah engkau itu mulia, maka berkata hamba itu, Muda-mudahan diamlah mereka yang berkata demikian. Maka dihimpit akan dia oleh kuburnya, maka berselisih segala tulang rusuknya menyeru ia di dalam kuburnya, berkata ia (mayat) hai...! dibesarkan orang, hai...! hinanya tempat, hai...! menyesal, hai...!

²² Zainal Abidin al-Fatani (t.t), *Ibid*, h.32.

²³ Ibn Hanbal, Ahmad bin Muhammad (1998), *Musnad Imam Ahmad*, no Hadith 6753, Amman: Bayt al-Afkar al-Dawliyah, j.13, h.397.

sangat kasar soal (soal kubur). Hingga masuk awal malam jumaat daripada bulan Rejab pada tahun tersebut, maka firman Allah s.w.t:

أَشْهِدُكُمْ يَا مَلَائِكَتِي إِنِّي غَفَرْتُ لَهُ سَيِّئَاتِهِ وَمَحْوَتْ خَطَايَاهُ بِأَحْيائِهِ هَذِهِ اللَّيْلَةِ

Ertinya: *Aku persaksikan kamu hai malaikatku, bahawa aku telah ampunkan baginya akan segala kejahatannya, dan telah aku hapuskan akan segala kesalahannya dengan berkat menghidupnya malam ini yakni malam jumaat yang awal daripada bulan Rejab.*²⁴

Walaupun Zainal Abidin al-Fatani telah mendatangkan hadith riwayat Anas bin Malik, berkenaan dengan kelebihan menghidupkan malam jumaat, namun penulis tidak menjumpai matan hadith tersebut dalam kitab-kitab hadith. Tetapi penulis telah menjumpai hadith hampir sama maksudnya itu tentang kelebihan malam jumaat, iaitu hadith:

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ قَالَ : مَنْ قَرَأَ سُورَةَ الْكَهْفِ لَيْلَةَ الْجُمُعَةِ أَضَاءَ لَهُ مِنَ النُّورِ فِيمَا
بَيْنَهُ وَبَيْنَ الْبَيْتِ الْعَتِيقِ .

*Daripada Abū Sa`id al-Khudrī berkata, Barangsiapa membaca surah Kahfi pada malam jumaat, nescaya bercahayalah di antanya dan bait al-'Atīq.*²⁵

Berdasarkan kenyataan di atas, Zainal Abidin al-Fatani ingin menjelaskan kelebihan yang terdapat pada hari jumaat, sehingga hari jumaat disebut sebagai penghulu segala hari. Antara kelebihannya ialah seseorang yang meninggal dunia pada hari Jumaat atau malamnya akan dipelihara daripada azab kubur sebagaimana yang dijelaskan oleh Ibn Hajar al-Haythamī dalam kitabnya *Majma' Zawā'id wa Manba' al-Fawā'id*.²⁶

²⁴ Zainal Abidin al-Fatani (t.t), *Ibid*, h.33.

²⁵ Al-Dārimī, 'Abd Allah bin 'Abd al-Rahman (1991), *Sunan al-Dārimī*, bab kelebihan surah al-Kahfi, no hadith. 3470, j.10, Dimasq: Dar al-Qalam, h.300.

²⁶ Al-Haythamī, 'Alī bin Abī Bakr Nur al-Dīn (1967), *Majma' Zawā'id wa Manba' al-Fawā'id*, Bayrut: Dar al-Kitab, j.2, h. 322.

Selain daripada itu, hari jumaat merupakan hari yang mulia di sisi Allah lebih daripada hari raya puasa dan hari raya haji, dan pada hari Jumaat juga terdapat saat yang mustajab segala doa.²⁷ Oleh sebab itu, menghidupkan malam Jumaat dengan amalan ibadah akan mendapat ganjaran pahala di sisi Allah. Syeikh Jalāl al-Dīn al-Suyūtī mengatakan sunat menghidupkan lima malam dalam setahun, iaitu malam jumaat, malam hari raya puasa, malam hari raya haji, malam Nisfu Sya'ban dan malam pertama pada bulan Rejab.²⁸ Antara amalan yang boleh dilakukan pada malam jumaat ialah dengan membaca al-Qur'an, sebagaimana hadith yang diriwayatkan oleh Abu Umāmah al-Bāhilī:

مَنْ قَرأَ حِمَّ الدُّخَانَ فِي لَيْلَةِ الْجُمُعَةِ أَوْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ بْنَ النَّبِيِّ لَهُ بَيْتًا فِي الْجَنَّةِ

Sesiapa yang membaca حِمَّ الدُّخَان pada malam jumaat atau hari jumaat nescaya Allah bina untuknya rumah di dalam syurga.²⁹

Menurut Syeikh Jalāl al-Dīn al-Suyūtī, Selawat ke atas Nabi s.a.w. adalah antara amalan yang dilakukan pada hari dan malam jumaat sehingga 100 atau 1000 kali selawat. Adapun amalan membaca surah Yasin pada malam jumaat, pula berpandukan kepada beberapa pandangan.

Berdasarkan pandangan Syeikh Jalāl al-Dīn al-Suyūtī, sunat menghidupkan lima malam dalam setahun. Salah satu daripada malam tersebut ialah malam jumaat. Maka menghidupkan malam-malam tersebut serta malam jumaat itu adalah dengan memperbanyak zhikir, doa, selawat dan amalan ibadah yang boleh mendekatkan diri kepada Allah s.w.t. Oleh itu, membaca al-Qur'an merupakan sebahagian daripada zhikir atau amalan yang soleh. Manakala surah Yasin pula adalah daripada ayat al-Qur'an.

²⁷ Al-Qārī al-Harawī, ‘Ali Ibni Sultān Muhammad (1992), *Mirqāt al-Mafātiḥ, Syarh Mishkāt al-Maṣābiḥ*, Bayrut: Dar al-Fikr, j.5, h.35.

²⁸ Al-Suyūtī (t.t) ‘Amal al-Yawm wa al-Lail (t.t.p), (t.p), h.30.

²⁹ Lihat ‘Alī bin Abī Bakr Nur al-Dīn al-Haythamī (1967), j.2, h.171. Dan Tirmizī, Muhammad bin ‘Isā (1994), *Sunan al-Tirmidhī*, Bab Mā Jā'a Fī Faḍl Yāsīn, no Hadith 1814, j.10, al-Qaherah: Matba'at al-Madani, h.120.

Menurut Ibn Kathīr³⁰, barang siapa membaca surah Yasin pada waktu malam nescaya dia akan mendapat keampunan Allah pada waktu pagi. Ini berdasarkan kepada sebuah hadith:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : مَنْ قَرأَ يَسْ فِي لَيْلَةٍ أَصْبَحَ مَغْفُورًا لَهُ ، مَنْ قَرأَ حَمَ الْدُخَانَ أَصْبَحَ مَغْفُورًا لَهُ

Daripada Abu Hurairah r.a., Sabda Rasulullah s.a.w.: Sesiapa yang membaca surah Yasin pada malam jumaat, nescaya diampunkan dosanya pada waktu pagi. Sesiapa yang membaca حَمَ الدُخَان nescaya diampunkan dosanya pada waktu pagi.³¹

Hadith di atas menunjukkan sunat membaca surah Yasin pada setiap malam, tanpa menetapkan pada waktu-waktu tertentu, seperti malam Jumaat atau lainnya. Penulis mengambil kesimpulan bahawa tidak terdapat dalil khusus larangan membaca surah Yasin pada malam jumaat. Sebaliknya ia merupakan amalan baik yang dapat menarik minat budaya membaca al-Qur'an, sekurang-kurangnya sekali dalam seminggu, iaitu malam jumaat kerana mengambil kelebihan yang terdapat pada malam tersebut. Walau bagaimana pun, masyarakat perlu dididik dan diberi penjelasan dengan sebaik-baiknya supaya mereka memahami amalan ini bukan suatu amalan yang wajib, agar tidak ada tanggapan bahawa seandainya tidak membaca surah Yāsin pada malam jumaat akan mendapat dosa.

Kesimpulan daripada perbincangan tentang kelebihan meninggal dunia pada hari jumaat, penulis dapati Zainal Abidin menyabitkan azab kubur kerana orang yang meninggal dunia pada hari jumaat akan dipelihara daripada azab kubur. Namun ini tidak bermaksud setiap manusia yang meninggal dunia pada hari jumaat akan dipelihara

³⁰ Lihat Abu al-Fidā' Ismā'il Ibn 'Umar Ibn Kathīr (2009), *Ibid*, j.6, h.547.

³¹ Al-Mawsīlī, Abu Ya'la Ahmad Ibn Ali (2009), *Musnad Abī Ya'la*, no Hadith 6095, Damsyiq: Dar al-Ma'mūn Li al-Turāth, j.12, h.486.

daripada azab kubur, kerana syarat untuk mendapat keistimewaan tersebut adalah seorang yang muslim yang beriman kepada Allah s.w.t. Ini bermakna orang yang kafir tetap akan mendapat azab kubur walaupun dia meninggal dunia pada hari jumaat.

3.7 Tidak Menolong orang yang kena zalim

Allah S.W.T. tidak berlaku zalim terhadap hambaNya, setiap azab yang dikenakan terhadap hambaNya adalah disebabkan kesalahan dan dosa yang telah dilakukan oleh hambaNya. Allah mengazab hambaNya adalah menunjukkan keadilan Allah s.w.t. Zainal Abidin al-Fatani menyatakan antara sebab seseorang itu diazab di dalam kubur, ialah kerana dia tidak menolong orang yang kena zalim.

Zainal Abidin al-Fatani menjelaskan azab bagi orang yang tidak menolong orang yang kena zalim melalui khabar daripada Abū Umāmah al-Bāhilī r.a.

Kata Zainal Abidin al-Fatani:

Dikhabarkan daripada Abū Umāmah al-Bāhilī r.a.: Apabila wafat seorang laki-laki dan dihantarkan ke kubur, nescaya datang oleh malaikat maut dan duduk ia di sisi kepalanya, dan mayat akan diazab dan dipukul dengan sekali pukulan dengan pemukul daripada besi, tiada tinggal satu anggota daripadanya melainkan putus ia dan bernyala-nyala kuburnya dengan api. Kemudian berkata ia berdiri olehmu, maka dengan izin Allah tiba-tiba ia duduk, pada hal menjerit ia akan satu jeritan yang mendengar akan dia oleh barang yang antara langit dan bumi melainkan jin dan manusia. Berkata ia kepada malaikat: Kerana apa engkau berbuat akan ini, dan kerana apa engkau azab akan daku, maka sesungguhnya adalah aku mendirikan sembahyang, dan aku menunaikan zakat, dan aku puasa bulan ramadhan. Maka berkata Malaikat: Aku azab akan dikau dengan sebab bahawa engkau telah lalu suatu hari dengan orang yang kena zalim, yang memintak tolong ia akan dikau, maka tiada engkau menolong akan dia dan engkau sembahyang satu hari pada hal tiada engkau istibra' daripada kencing engkau. Maka nyatalah dengan khabar ini, bahawa menolong orang yang kena zalim itu wajib, seperti hadith yang diriwayatkan daripada Nabi s.a.w.

من رأى مظلوماً فاستغاث به ولم يغثه ضرب في قبره مائة سوط من النار

Maksudnya: Sesiapa melihat ia akan orang yang kena zalim, maka meminta tolong ia kepadanya, dan tiada ditolong akan dia, nescaya dipukul akan dia di dalam kuburnya seratus kali pukul dengan tongkat dari api neraka.³²

Zainal Abidin al-Fatani tidak mendatangkan matan bagi hadith di atas, dan penulis tidak menemui matan hadith tersebut dalam kitab hadith. Walau bagaimana pun penulis menjumpai hadith yang menjelaskan tentang kewajiban membantu orang yang kena zalim.

عَنْ أَنَسِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ انْصُرْ أَخَاكَ ظَالِمًا أَوْ مَظْلُومًا قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ هَذَا نَصْرَةٌ مَظْلُومًا فَكَيْفَ نَصْرُ ظَالِمًا قَالَ تَأْخُذُونَ قَوْنِيقَ يَدِيهِ

Daripada Anas bin Malik r.a, katanya: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: Bantulah saudaramu yang zalim atau yang dizalimi, berkata para sabahat, wahai Rasulullah, kami tahu menolong orang yang dizalimi, maka bagaimana kami membantu orang yang berbuat zalim. Sabda Rasulullah, tahan tangannya daripada berbuat zalim.³³

Kenyataan di atas, menjelaskan kewajiban sebagai seorang muslim, iaitu menolong saudaranya yang muslim, yang dalam kesusahan. Islam agama yang sentiasa memupuk ikatan persaudaraan sesama Islam dan juga amat mengalakkan umatnya agar sentiasa mengamalkan sikap tolong menolong ke arah kebaikan dan ketaqwaan. Firman Allah S.W.T.:

وَتَعَاوُنُوا عَلَى الْإِيمَانِ وَلَا تَعَاوُنُوا عَلَى الْعَدْوَنِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ۚ

Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebijakan dan bertakwa dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada

³² Zainal Abidin bin Muhammad (t.t), *Ibid*, h 32.

³³ Al-Bukhāri, Muhammad bin Ismāil (t.t), Ṣaḥīḥ Buḫārī, no Hadith. 2263, Bab membantu saudaramu yang zalim dan yang dizalimi, j.8, al-Qaherah: Maktabah al-Jumhuriyah al-‘Arabiyyah, Matba’at Muhammad ‘Ali Sahih wa Awladih, h.312.

melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan dan bertakwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha berat azab seksaNya (bagi sesiapa yang melanggar perintahnya)

Surah al-Mā''idah (5): 2.

Oleh sebab membantu seseorang muslim yang dizalimi merupakan suatu kewajiban, maka orang yang tidak mahu membantu orang yang kena zalim dan tidak mahu membantu yang orang yang melakukan kezaliman, akan menerima balasan daripada Allah Ta'ala. Imam al-Bayḍāwī mentafsirkan ayat di atas, dengan menyatakan orang yang tidak menolong atas kebaikan sebaliknya membiarkan kezaliman berlaku ke atas saudara seagamanya akan menerima azab yang pedih.³⁴ Maksud membantu orang yang melakukan kezaliman ialah dengan mencegahnya daripada berbuat zalim.

3.8 Sebab seseorang diazab di dalam kubur dan perkara yang boleh menghindarkan daripadanya.

Setiap perkara yang berlaku tentu ada sebab dan musababnya, walaupun hanya perkara yang kecil. Maka sebab itu berlakunya azab kubur adalah disebabkan dosa dan kesalahan yang dilakukan oleh manusia itu sendiri ketika hidup di dunia dahulu. Begitulah sebaliknya, diberi nikmat seseorang itu di dalam kubur, kerana amalan dan keimanannya yang tinggi kepada Allah s.w.t. Seterusnya penulis akan membincangkan kenyataan Zainal Abidin al-Fatani berkenaan beberapa perkara yang menyebabkan seseorang itu diazab ketika berada di alam kubur.

³⁴ Al-Bayḍāwī, ‘Abd. Allāh Ibn ‘Umar (1968), *Anwār al-Tanzīl wa Asrār al-Ta’wīl*, Misr: Mustafa al-Babi al-Halabi, j.2, h.46.

Zainal Abidin al-Fatani juga telah menaqalkan perkataan daripada al-Faqih Abu Laith r.h, tentang beberapa perkara yang boleh menyebabkan seseorang itu diazab di dalam kubur dan juga perkara yang boleh menghindarkan seseorang dari azab kubur.

Kata Zainal Abidin al-Fatani:

Telah berkata Abu Laith r.h: Barang siapa yang berkehendak ia bahawa hendak melepaskan dari azab kubur, maka atasnya melazim empat perkara, dan menjauhi ia akan empat perkara. Adapun empat perkara yang melazim ia akan dia itu, pertama memelihara sembahyang, kedua bersedekah, ketiga membaca al-Qur'an, keempat membanyakkan tasbih. Maka bahawasanya segala perkara ini menerangkan dan meluaskan kubur. Adapun empat perkara yang menjauhi ia akan dia, pertama dusta, kedua khianat, ketiga mengadu-domba, keempat tiada istibra' daripada kencing dan sesungguhnya telah bersabda Nabi s.a.w:

استنذهوا من البول فإن عامة عذاب القبر منه

Ertinya: Suci oleh kamu daripada kencing, maka bahawasanya kebanyakkan azab kubur itu daripadanya³⁵.

Berdasarkan kenyataan di atas, manusia masih mempunyai peluang dan harapan untuk menghindarkan diri daripada azab kubur. Namun usaha ini memerlukan pengorbanan, mujahadah dan sentiasa istiqamah serta sabar di atas segala ujian yang mendarat. Sudah menjadi Sunnatullah perjalanan setiap orang yang beriman akan diuji oleh Allah s.w.t. Firman Allah:

أَحَسِبَ النَّاسُ أَنْ يُتَرْكُوا أَنْ يَقُولُواْ عَامَنَا وَهُمْ لَا يُفْتَنُونَ ،

Patutkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: Kami beriman, sedang mereka tidak diuji (dengan sesuatu cubaan).

Surah al-Ma'idah (5): 2

Sebagaimana yang telah dinyatakan di atas, terdapat empat perkara atau amalan yang mampu menghindarkan seseorang itu daripada azab kubur dengan izin Allah S.W.T.

³⁵ Zainal Abidin b. Muhammad (t.t), *Ibid*, h. 29

Namun amalan-amalan tersebut perlu dilakukan dengan sepenuh keikhlasan. Empat perkara tersebut ialah, solat fardu lima waktu sehari semalam. Solat ialah ibadah khusus yang difardukan ke atas setiap mukallaf yang berakal serta baligh. Solat juga merupakan amalan yang mula-mula akan dihisab di akhirat kelak. Sekiranya selamat nescaya selamatlah amalan yang lain. Ibn Hajar al-Haythamī dalam kitab *al-Zawājir Ḥanīfiyyah* dalam *Iqtirāf al-Kabāir*, orang yang sentiasa memelihara solatnya akan diangkat daripadanya azab kubur.³⁶ Adapun sedekah yang dimaksudkan di sini ialah zakat, yang merupakan salah satu daripada rukun Islam seperti solat fardu. Oleh sebab zakat merupakan suatu kewajiban untuk ditunaikan serta diberikan ganjaran pahala di sisi Allah S.W.T, maka begitulah sebaliknya dijanjikan dengan azab bagi orang yang tidak mengeluarkan zakat. Al-Qur'an pula ialah sebuah kitab yang menjadi petunjuk kepada manusia, yang membezakan perkara yang haq dan yang batil. Al-Qur'an adalah untuk dibaca dan diamalkan serta dihayati untuk diambil pengajaran daripadanya. Maka dengan membaca Al-Qur'an, memelihara segala hukum tajwidnya serta mengamalkan isi kandungannya akan dapat meringankan azab kubur. Tasbih dan dhikir juga mampu memberi syafaat kepada mayat yang berada di alam kubur dengan izin Allah S.W.T. Imam Bukhari meriwayatkan daripada Ibn Abbās, suatu hari Rasulullah pernah mematahkan ranting kayu yang masih segar, dan menanamkannya di atas dua kuburan mayat yang sedang diazab, kemudian baginda mendoakan semoga diringankan azab kedua-dua mayat tersebut, selama ranting kayu tersebut belum kering.³⁷ Maka pengajaran yang dapat diambil ialah, sekiranya tasbih dari sebatang ranting boleh meringankan azab mayat di dalam kubur, lebih lagi jika tasbih itu dari manusia. Perkara ada kaitan dengan amalan yang talqin yang diamalkan oleh umat Islam hari ini, namun terdapat perbezaan pendapat kalangan ulama. Syeikh Shatā, Abū Bakr bin Muhammad dalam kitab *I`ānat al-Talibīn*

³⁶ Ibn Hajar al-Haythamī, Ahmad bin Muhammad (2002), *al-Zawājir Ḥanīfiyyah*, al-Qaherah: Dar al-Hadith, j.1, h. 350.

³⁷ Bukhārī, Muhammad bin Ismā'il (t.t.), *Ṣaḥīḥ Buḥkārī*, no Hadith. 216, Kitab al-Wudū, j.8, al-Qaherah: Maktabah al-Jumhuriyah al-‘Arabiyyah, Matba’at Muhammad ‘Ali Sahih wa Awladih, h.312.

menghukumkan sunat talqin bagi mayat orang dewasa sekalipun mati syahid.³⁸ Beliau berdalilkan firman Allah Ta’ala:

وَذَكْرُ إِنَّ الذِّكْرَى تَنْفَعُ الْمُؤْمِنِينَ

Berilah peringatan, karena sesungguhnya peringatan itu bermanfaat bagi orang-orang yang beriman.

Surah al-Dhariyat: (51): 55

Syeikh Shatā, menjelaskan bahawa peringatan itu sangat memberi manfaat kepada orang beriman, dan mayat yang sedang berada didalam kubur itu lebih sangat berhajat kepada peringatan. Syeikh Ibn Hajar juga menghukumkan sunat talqin ke atas mayat yang dewasa, baligh, berakal dan mayat orang yang gila tetapi sebelumnya berakal.³⁹ berdasarkan hadith berikut:

إِذَا ماتَ أَحَدٌ مِّنْ إِخْوَانَكُمْ فَسُوِّيْتِهِ التَّرَابُ عَلَى قَبْرِهِ فَلِيقُمْ أَحَدٌ عَلَى رَأْسِ قَبْرِهِ ثُمَّ لِيَقُلْ
يَا فَلَانَ ابْنَ فَلَانَةِ إِنَّهُ يَسْمَعُهُ ثُمَّ يَقُولُ يَا فَلَانَ ابْنَ فَلَانَةِ إِنَّهُ يَسْتَوِيُّ قَاعِدًا ثُمَّ يَقُولُ يَا
فَلَانَ ابْنَ فَلَانَةِ إِنَّهُ يَقُولُ أَرْشِدْنَا يَرْحَمْنَا اللَّهُ وَلَكُنْ لَا تَشْعُرُونَ. فَلِيَقُلْ اذْكُرْ مَا خَرَجْتُ
عَلَيْهِ مِنَ الدُّنْيَا شَهَادَةً أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنْ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ وَإِنَّكَ رَضِيتَ بِاللَّهِ
وَبِالْإِسْلَامِ دِينِنَا وَبِمُحَمَّدِ نَبِيِّنَا وَبِالْقُرْآنِ إِمَامِنَا. إِنَّ مُنْكِرَهُ وَنُكْرِيَّهُ يَا خُذْ كُلَّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا
بِيَدِ صَاحِبِهِ

Apabila salah seorang di antara saudaramu telah meninggal dan penguburannya telah kamu sempurnakan (ditutup dengan tanah), maka berdirilah salah seorang di penghujung kuburnya, dan berkatalah: hai fulan bin fulanah maka dia boleh mendengarnya. Kemudian berkatalah lagi hai fulan bin fulanah maka dia duduk dengan tegak. Berkatalah lagi hai fulan bin fulanah” maka dia berkata berilah saya petunjuk, semoga Allah memberi rahmat kepadamu”. Akan tetapi kamu sekalian tidak mengerti. Seterusnya katakanlah kepadanya “ingatlah apa yang kamu pegangi sewaktu keluar dari alam dunia, yakni bersaksi bahwa tidak ada Tuhan selain Allah dan bahwa Muhammad adalah hamba dan utusan Allah, dan bahwa kamu mengaku Allah sebagai Tuhan kamu, Islam sebagai agamamu, Muhammad sebagai nabimu dan al-Qur'an

³⁸ Shata, Abu Bakar bin Muhammad (1995), *I`ānat al-Talibīn*, j.2, Bayrut: Dar Kutub al-Ilmiyah, h.140

³⁹ Ibn Hajar al-Haythamī, Ahmad bin Muhammad (2001), *Tuhfah al-Muhtāj bi Sharh al-Minhāj*, j.3, Bayrut: Dar Kutub al-Ilmiyah, h.207.

sebagai imamu. Maka sesungguhnya malaikat Munkar dan Nakir saling berpegangan tangan mereka berdua⁴⁰

Berbeza dengan Syeikh Daud al-Fatani, sunat talqinkan mayat yang dewasa, berakal dan baligh selain daripada nabi dan orang yang mati syahid.⁴¹ Perbincangan di atas menunjukkan bahawa talqin hukumnya sunat, dan tiada hadith yang melarang daripada melakukan talqin.

Manakala empat perkara yang wajib dijauhi ialah dusta dan khianat, keduanya ini merupakan tanda-tanda orang yang munafiq.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ آيَةُ الْمُنَافِقِ ثَلَاثٌ إِذَا حَدَثَ كَذَبٌ
وَإِذَا وَعَدَ أَخْلَفَ وَإِذَا أُؤْمِنَ خَانَ

Daripada Abi Hurairah r.a. daripada Nabi s.a.w. bersabda: Tanda-tanda munafiq ada tiga, apabila berkata-kata ia dusta, apabila berjanji tidak ditepati, dan apabila diberi amanah ia khianati.⁴²

Syeikh Salleh Fawzan, menjelaskan tentang hadith di atas, bahawa nifaq dalam hadith di atas adalah nifaq amali, dan orang mempunyai sifat-sifat tersebut masih seorang yang beriman, walaupun begitu ia boleh membawa kepada nifaq yang besar sekiranya tidak bertaubat.⁴³ Sekalipun mungkir janji itu salah satu daripada tanda munafiq, tetapi

⁴⁰ Al-Shawkānī, Muhammad bin ‘Ali (2013), *Nail al-Awtār*, no Hadith j.4, Damshiq: Dar al-Nawadir li al-Nash wa al-Tawzi’ h.139. Lihat Tabrānī, Sulayman bin Ahmad (1976), *al-Mu’jam al-Kabīr*, no Hadith. 7979, j.8, Baghdad al-Dar al-‘Arabiyah li al-Tibā’ah, h.298.

⁴¹ Daud bin ‘Abdullah al-Fatani (t.t), *al-Durr al-Thamīn*, Patani: Matba’ah bin Halabi, h.70

⁴² Bukhārī, Muhammad bin Ismāil (t.t), no Hadith 32, Bab ‘Alāmāt al-Munāfiq, j.1, h.57.

⁴³ Salleh bin Fawzan (2002), *I‘ānah al-Mustafid bī Sharh Kitāb al-Tawhīd*, (t.t.p), Mu’assasah al-Risalah, j.1, h.200.

jika ada antara kita dengan orang kafir satu perjanjian, maka tidak harus kita memungkirkinya, bahkan wajib menunaikan janji walaupun terhadap orang kafir⁴⁴

Berhubung dengan hadith di atas juga, Ibn Rejab menjelaskan bahawa munafiq terbahagi kepada dua bahagian. Pertama nifaq besar, iaitu seseorang yang menzahirkan keimanan kepada Allah, malaikat, al-Qur'an, rasul-rasul dan hari kiamat, tetapi di dalam hatinya ia mengingkari kesemua yang tersebut. Nifaq inilah yang ada pada zaman Nabi S.A.W. Kedua nifaq kecil, iaitu nifaq amalan, dengan bahawa seseorang itu menzahirkan amalan sebagai seorang yang soleh, tetapi sebenarnya ialah sebaliknya.⁴⁵

Firman Allah ta'ala:

وَمِنْ حَوْلَكُمْ مِّنَ الْأَعْرَابِ مُنَفِّقُونَ وَمِنْ أَهْلِ الْمَدِينَةِ مَرْدُوا عَلَى النِّفَاقِ
لَا تَعْلَمُهُمْ نَحْنُ نَعْلَمُهُمْ سَنُعَذِّبُهُمْ ثُمَّ يُرْدُونَ إِلَى عَذَابٍ عَظِيمٍ^{١١}

Dan antara orang-orang yang di sekeliling kamu dari orang-orang "A'rab" ada yang bersifat munafik dan (demikian juga) sebahagian dari penduduk Madinah; mereka telah berkeras dengan sifat munafiq; engkau tidak mengetahui mereka (bukan) Kamilah yang mengetahui mereka. Kami akan azabkan mereka berulang-ulang, kemudian mereka dikembalikan kepada azab yang besar.

Surah al-Tawbah (24):101.

Dalam ayat ini Allah menyebut dua kali azab yang akan dikenakan kepada golongan munafik disebabkan kemunafikan meraka sebelum mereka dikembalikan kepada azab yang lebih besar lagi.⁴⁶ Maka beberapa orang ulama tafsir seperti Ibn Abbās, Ibn Jurayj, Muhammad b. Ishaq, Qatadah dan Hasan al-Basri menyebut yang salah satu daripada dua azab ini adalah azab kubur yang dikenakan terhadap mereka sebelum

⁴⁴ *Ibid*, h.39.

⁴⁵ Ibn Rejab (2010), *Jāmi' al-'ulūm wa al-Hikam*, al-Mansurah, Misr: Dar al-Ghad al-Jadid, j.3, h.47

⁴⁶ Taqi al-Dīn Ahmad b. Taymiyyah (2001), *Majmū'ah Fatāwā*, c.2, Bayrut: Dar al-Wafa', j. 4, h.163.

mereka dikenakan azab yang lebih berat lagi iaitu azab neraka⁴⁷ Berdasarkan kenyataan di atas, jelas bahawa golongan yang munafiq akan ditimpa azab semasa di alam kubur dan pada hari kiamat kelak. Selain dusta dan khianat, mengadu domba dan tidak bersuci dengan baik daripada kencing juga, menjadi sebab seseorang itu diazab di dalam kubur.

Sebagaimana tersebut dalam hadith:

عَنْ أَبْنَ عَبَّاسِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ مَرَّ بِقَبْرَيْنِ يُعَذَّبَانِ، فَقَالَ : إِنَّهُمَا لَيُعَذَّبَانِ، وَمَا يُعَذَّبَانِ فِي كَبِيرٍ، أَمَّا أَحَدُهُمَا فَكَانَ لَا يَسْتَرِي مِنَ الْبُولِ، وَأَمَّا الْآخَرُ فَكَانَ يَمْشِي بِالنَّمِيمَةِ . ثُمَّ أَخْذَ جَرِيدَةً رَطِبَةً فَشَقَّهَا بِنَصْفَيْنِ، ثُمَّ غَرَّ فِي كُلِّ قَبْرٍ وَاحِدَةً، فَقَالُوا : يَا رَسُولَ اللَّهِ، لَمْ صُنِعْتِ هَذَا ؟ فَقَالَ : لَعْلَهُ أَنْ يُخْفَفَ عَنْهُمَا مَا لَمْ يَبِسَا

Maksudnya: *Daripada Ibn Abbas r.a. meriwayatkan daripada nabi s.a.w, yang baginda melalui dua buah kubur yang sedang diazab. Lalu baginda bersabda: Sesungguhnya kedua-dua mayat ini sedang diazab dan bukanlah kedua-duanya itu diazab sebab dosa yang terlalu besar. Adapun salah seorangnya tidak bersuci daripada kencing dan yang seorang lagi kerana berjalan ke sana ke mari mengadu domba. Lalu baginda mengambil pelepas tamar yang basah dan dipatahkan kepada dua bahagian. (sahabat) bertanya: Mengapa tuan berbuat demikian”? Baginda menjawab dan bersabda: “Mudah-mudahan diringankan azab kedua-dua mayat ini selama mana kedua pelepas ini belum kering.*⁴⁸

Menurut Ibn Hajar, hadith di atas menunjukkan betapa dituntut kepada umat Islam agar cermat ketika kencing, ini kerana kencing itu ada kaitannya dengan azab kubur, dengan bahawa banyak azab kubur disebabkan kencing yakni tidak memelihara

⁴⁷ Ibn Kathīr (1983), *Ibid*, j.2, h.385, Lihat juga al-Tabarī, Muhammad bin Jaafar (1992), *Jāmi’ al-Bayān fī Ta’wīl al-Qur’ān*, j.6, Misr: Mustafa al-Babi al-Halabi, h.457. Lihat Abu ‘Abd Allāh Muhammad b. Ahmad al-Dhahabi (2002), *Tazkirah al-Huffāz*, j.1, c.2, Bayrut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi, h.92. Lihat dalam Siti Nurul Hanim bin Mahd Nayai (2007). *Ibid*, h.44.

⁴⁸ Bukhari, Muhammad bin Ismail (t.t), *Ibid*, j.5, no Hadith 1257, Kitab al-Janā’iz, h.148.

kencing⁴⁹ Imam Nawāwī pula menyatakan mengadu domba dan tidak istibra' ketika kencing adalah termasuk dalam dosa besar.⁵⁰ Dua perkara ini perlu diambil perhatian oleh umat Islam, kerana ianya dilihat seperti perkara yang kecil dan remeh, tetapi sebaliknya ia memberi kesan yang amat besar sesiapa yang mengabaikannya.

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat diketahui orang mempunyai salah satu daripada sifat-sifat di atas akan menerima azab yang sangat pedih, iaitu orang yang suka berdusta, bersifat khianat, mengadu domba dan tidak bersuci dengan bersih menurut Islam, akan ditimpa azab daripada Allah, semasa di alam kubur.

3.9 Pemikiran Zainal Abidin al-Fatani Berkaitan Azab Kubur dalam Kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt*.

Penulis telah membahaskan beberapa perkara yang yang telah dibincangkan oleh Zainal Abidin al-Fatani di dalam kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt*. Antaranya berkenaan dengan roh. Zainal Abidin al-Fatani tidak menjelaskan pendirian beliau tentang dikembalikan roh kepada jasad ketika di alam kubur. Beliau hanya menyatakan perbezaan pendapat dalam isu ini sebaliknya beliau lebih memfokuskan *thabitnya* azab kubur menurut *Ahl Sunnah wal Jamaah*. Zainal Abidin juga mendatangkan riwayat dari Abd 'Allāh bin Salām yang menerangkan ada seorang malaikat bernama *Rumman*, yang ditugaskan untuk menyuruh mayat mencatat segala amalannya baik dan yang buruk yang dilakukannya semasa di dunia. Kemudian digantung pada lehernya hingga sehingga hari kiamat dalam keadaan terbuka. Maka Zainal Abidin mengatogerikan perkara ini sebagai azab kubur.⁵¹

⁴⁹ Al-Asqalānī, Ibn Hajar Ahmad bin 'Ali (2011), *Fath al-Bārī Sharh Sahīh al-Bukhārī* j.1, al-Riyad: Dar al-Tibāh, h.341.

⁵⁰ Al-Nawāwī, Abū Zakariya Mahyu al-Dīn Yahyā. bin Sharif (1994) *al-Minhāj Sharh Sahīh Muslim*, Bayrut: Dar al-Kayr, j.1 h.189

⁵¹ Zainal Abidin al-Fatani (t.t), *Ibid*, h.33.

Zainal Abidin menjelaskan antara azab kubur juga ialah dipertontonkan mayat kepada tempat tinggalnya di akhirat nanti. Sekiranya tempat tinggal yang ditontonnya itu syurga, maka berbahagialah dia. Namun jika sebaliknya, maka dia akan terseksa di dalam kubur. Seterusnya Zainal Abidin menyatakan betapa besarnya azab bagi orang yang meratap.⁵² Penulis berpendapat azab kubur dengan sebab meratap ini berlaku ke atas dua pihak. Pertama, pihak waris yang meratapi kematian, kerana perbuatan meratap itu menunjukkan sikap tidak sabar terhadap ujian daripada Allah, serta tidak boleh menerima qada' dan qadar Allah Ta'ala, sedangkan kematian dan kehidupan itu merupakan ujian terhadap hambaNya. Firman Allah ta'ala:

الَّذِي خَلَقَ الْمَوْتَ وَالْحَيَاةَ لِيَبْلُوْكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ عَمَلاً وَهُوَ الْعَزِيزُ الْغَفُورُ

Dialah yang telah mentakdirkan adanya mati dan hidup (kamu) untuk menguji dan menzahirkan keadaan kamu: Siapakah di antara kamu yang lebih baik amalnya; dan dia Maha Kuasa (membalas amal kamu), lagi Maha Pengampun, (bagi orang-orang yang bertaubat).

Surah al-Mulk (67): 2

Kedua, mayat yang akan diazab dengan sebab ratapan warisnya. Perkara ini jugakan berlaku sekiranya mayat ketika hidupnya di dunia pernah berwasiat kepada warisnya supaya melakukan demikian. Zainal Abidin juga membincangkan kelebihan meninggal dunia pada hari atau malam Jumaat yang dikaitkan dengan kelepasan daripada azab kubur. Pandangan Ibn Hajar al-Haythami,⁵³ berkenaan kelebihan orang yang meninggal dunia pada hari jumaat atau malamnya akan dipelihara daripada azab kubur, dilihat lebih menyokong kenyataan Zainal Abidin al-Fatani berhubung kelebihan meninggal dunia pada hari Jumaat. Walau bagaimanapun hadith yang dijadikan hujah oleh Zainal Abidin

⁵² *Ibid*, h.19.

⁵³ Al-Haythamī (1967), *Majma' Zawā'id wa Manba' al-Fawā'id*, Bayrut: Dar al-Kitab, j.2, h. 322.

al-Fatani yang diriwayatkan oleh ‘Amr bin al’Ash adalah merupakan hadith sahih yang dikeluarkan dari kitab *Musnad Imam Ahmad*.⁵⁴

Penulis seterusnya menelusuri perbahasan tentang kelebihan hari dan malam Jumaat, dengan membincangkan amalan yang dilakukan oleh kebanyakan masyarakat umat Islam hari ini, khususnya di masjid dan surau, iaitu amalan membaca Yāsin pada malam Jumaat. Penulis mengambil pandangan Syeikh Jalāluddīn al-Suyūtī, sunat menghidupkan lima malam dalam setahun. Salah satu daripada malam tersebut ialah malam Jumaat.⁵⁵ Maksud menghidupkan malam tersebut ialah dengan melakukan ibadah seperti solat, zikir, membaca al-Qur'an dan amalan-amalan yang boleh mendekatkan diri kepada Allah. Maka al-Qur'an adalah antara amalan yang mampu mendekat diri kepada Allah, manakala surah Yasin pula satu surah daripada al-Qur'an. Penulis juga mengambil pandangan Ibn Kahtir, berdasarkan hadith yang digunakan oleh beliau berkenaan kelebihan orang yang membaca surah Yasin pada setiap malam akan mendapat keampunan daripada Allah,⁵⁶ dan sampai pahala bacaan al-Qur'an kepada mayat.⁵⁷ Berpandukan kenyataan ini tidak menjadi kesalahan membaca surah Yasin pada malam Jumaat, kerana yang sepatutnya bukan sekadar malam jumaat sahaja tetapi sebaliknya setiap malam. Begitu juga orang yang pergi ke kubur dan membaca surah Yasin nescaya diringankan azab ke atas mayat di dalam azab kubur⁵⁸ Walau bagaimanapun masyarakat perlu diberi pencerahan yang sejelas-jelasnya bahawa amalan ini bukanlah suatu amalan yang wajib, sehingga dianggap berdosa apabila ditinggalkan. Hasil Perbincangan di atas menjelaskan Zainal Abidin al-Fatani menerima adanya kelebihan yang terdapat pada hari

⁵⁴ Zainal Abidin al-Fatani (t.t), *Ibid*, h.19. Lihat. Ibn Hanbal, Ahmad bin Muhammad (1998), *Musnad Imam Ahmad*, no Hadith 6753, Amman: Bayt al-Afkār al-Dawliyah, j.13, h.397.

⁵⁵ Al-Suyūtī (t.t) ‘*Amal al-Yawm wa al-Lail* (t.t.p), (t.p), h.30.

⁵⁶ Ibn Kathīr (2009), *Tafsir al-Qur'an al-'Azīm*, Riyad: Dar Taybah li al-Nasr wa al-Tawzi', j. 6, h. 547.

⁵⁷ Al-Suyūtī, Jalāluddīn Abd Rahmān (1985), *Sharh al-Sudūr Hāl al-Mawtā wa al-Qubūr*, al-Qaherah: Matba'ah al-Madani, h.312.

⁵⁸ *Ibid*.

atau malam jumaat, dan kelebihan orang muslim yang meninggal dunia pada hari atau malam tersebut akan dipelihara daripada azab kubur.

Seseorang Muslim yang tidak menolong orang Muslim yang kena zalim akan menerima ancaman azab di alam kubur. Kenyataan ini disebut oleh Zainal Abidin al-Fatani dalam kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt* berdasarkan kisah yang diriwayatkan oleh Abu Umāmah al-Bāhilī. Menolong orang yang kena zalim adalah suatu kewajiban ke atas setiap muslim. Maka dengan itu, meninggalkan kewajiban adalah berdosa. Ini adalah berdasarkan hadith yang telah diriwayatkan daripada Anas bin Malik r.a. yang telah disebutkan oleh penulis, dan juga berdasarkan firman Allah s.w.t dalam surah al-Ma''idah (5): 2, yang telah penulis sebutkan ayatnya pada halaman 70. Perbincangan ini telah menjelaskan pemikiran Zainal Abidin al-Fatani bahawa terdapat ancaman azab kubur bagi orang yang tidak menolong seorang muslim yang melakukan kezaliman dan yang kena zalim, seperti yang dituntut oleh al-Qur'an dan al-Sunnah.

Zainal Abidin al-Fatani juga telah menaql daripada Abū Laith, iaitu beberapa perkara yang boleh meringankan azab kubur. Menerusi perbincangan tersebut, penulis dapati Zainal Abidin berpandangan bahawa wujudnya azab kubur bagi mereka yang mempunyai sifat munafiq dalam dirinya iaitu pendusta dan khianat. Begitu juga orang yang suka mengadu domba dan orang yang tidak menjaga kebersihan ketika bersuci dari kencing. Mereka ini akan diazab di dalam kubur, berdasarkan hadith yang telah dijelaskan sebelum ini.

3.10 Kedudukan Hadith Ahad Sebagai Sumber dalam Permasalahan Akidah.

Persoalan azab kubur merupakan sebahagian persoalan yang berkaitan dengan akidah Islam. Kewujudannya dipertikaikan dengan beberapa alasan, antaranya kerana sumber azab kubur adalah daripada hadith ahad. Meskipun begitu golongan ahli Sunnah wa al-Jamaah secara jelasnya mengakui kewujudan azab kubur. Zainal Abidin al-Fatani juga

menggunakan dalil hadith dalam perbahasan azab kubur dalam kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt*.

Oleh itu penulis akan membincangkan pembahagian hadith kepada *Mutawatir* dan *Ahad*, serta membincangkan hadith *Ahad* dan pertikaianya, dan menjelaskan dalil al-Qur'an dan hadith tentang penerimaan hadith *Ahad* sebagai sumber hukum.

Cetusan penolakan azab kubur ini adalah oleh sebahagian kecil Muktazilah⁵⁹ yang dipelopori oleh Dirār b. Amr⁶⁰ dan al-Nazzam⁶¹ serta juga golongan al-Khawārij⁶² dan segelintir Murji'ah⁶³ Sementara sebahagian lain Muktazilah seperti al-Jiyāni pula mengatakan azab kubur hanya berlaku kepada orang kafir sahaja dan tidak berlaku pada orang mukmin.⁶⁴ Idea mereka ini menjadi pusaka kepada kepada sesetengah pihak yang cuba membangkitkan kembali persoalan yang berkaitan dengan azab kubur ini.⁶⁵ Astora Jabat juga pernah menolak azab kubur dengan alasan semua hadith yang membincangkan azab kubur adalah hadith ahad dan beliau berpendapat hadith ahad tidak boleh dijadikan hujah dalam masalah akidah.

⁵⁹ Muktazilah adalah satu kumpulan yang muncul yang menjadikan akal sebagai teras hukum dan pemikiran mereka berbanding al-Quran dan al-Sunnah.

⁶⁰ Beliau merupakan salah seorang pemimpin golongan Muktazilah. Ibn Hazm menyebut yang beliau seorang yang mengingkari adanya azab kubur. Lihat Abu Abd Allah Muhammad b. Ahmad b. Uthman al-Dhahabi (t.t) *Mizān al-I'tidāl*, j.2. Qaherah: Dar al-Fikr h.328.

⁶¹ Beliau ialah Abu Ishaq Ibrahim b. Sayyar b. Hani' al-Balkhi yang terkenal dengan nama al-Nazzam. Beliau merupakan salah seorang pemimpin Muktazilah yang memimpin satu kumpulan yang dikenali sebagai al-Nazzamiyah, meninggal pada 221H. Lihat Mustafa Muhammad al-Syak'ah (t.t), *Islam bila Madhab*, Bayrut: al-Dar al-Misriyyah h, 340.

⁶² Khawarij ialah satu kumpulan politik Islam yang muncul dari pihak Ali, selepas berlakunya majlis Tahkim antara pihak Ali dan Mu'awiyah. Mereka tidak berpuas hati dengan keputusan majlis tersebut yang disifatkan memihak kepada Mu'awiyah. Pihak Mu'awiyah yang diwakili oleh 'Amr b. al-Ash dikatakan membuat helah agar tampuk pemerintahan jatuh ke tangannya selepas peristiwa pembunuhan 'Usman dan pihak 'Ali diwakili oleh Abu Musa al-Asy'ari. Lihat Mustafa b. Muhammad al-Syak'ah (t.t), *Ibid*, h.137-139.

⁶³ Ahmad Abd Rahman al-Banna (t.t), *al-Fath al-Rabbānī ma'a Syarḥih Bulūgh al-Amāni min Asrār al-Fath al-Rabbānī*, j.8, Bayrut: Dar Ihya' al-Turab, hlm 137, Lihat juga Badr al-Dīn al-'Aynī (1972), 'Umdah al-Qari Syarḥ sahib al-Bukhari', j.7, Qaherah: Maktabah al-Taufiqiah, h, 58.

⁶⁴ Mustafa Muhammad al-Syak'ah (t.t), *Islam bilā Madhab*, Bayrut: al-Dar al-Misriyyah h, 340.

⁶⁵ Perkara ini pernah disentuh oleh Astora Jabat dalam tulisannya di dalam Majalah al-Islam keluaran November (2003), bertajuk Tiada Azab Kubur Selepas Meninggal Dunia. Sementara dalam majalah tersebut keluaran Disember 2003 Astora membincangkan hadith-hadith yang dilihat bertentangan mengenai azab kubur bertajuk Percanggahan Hadith Berkenaan dengan Azab Kubur. Lihat Siti Nurul Hanim (2007) h.47.

3.10.1 Hadith Terbahagi Kepada *Mutawātir* Dan *Ahād*

Hadith telah terbahagi kepada dua bahagian, iaitu hadith *mutawātir* dan hadith *ahād*. Hadith *mutawātir* ialah hadith yang mempunyai bilangan perawi yang ramai pada setiap peringkat sanad sehingga akal dan adat menolak kemungkinan para perawi tersebut bersepakat melakukan pendustaan terhadap sesuatu hadith.⁶⁶ Hadith *ahād* ialah hadith yang diriwayatkan oleh sejumlah perawi tidak mencapai darjat *mutawātir*.⁶⁷ Hadith *ahād* dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu:

1. Hadith *mashhūr*: Iaitu hadith yang diriwayatkan oleh tiga atau lebih perawi dalam salah satu daripada peringkat-peringkat sanad.
2. Hadith *'azīz*: Iaitu hadith yang diriwayatkan oleh sekurang-kurangnya dua perawi dalam salah satu daripada peringkat-peringkat sanad.
3. Hadith *gharīb*: Iaitu hadis yang diriwayatkan oleh seorang perawi sahaja dalam salah satu daripada peringkat-peringkat sanad.⁶⁸

Berdasarkanuraian di atas dapat difahami bahawa, hadith *mutawātir* ialah hadith yang mempunyai empat perawi atau lebih, manakala hadith *ahād* pula ialah hadith yang mempunyai tiga perawi atau kurang, maka ia termasuk dalam katagori sama ada hadith *mashhūr*, *'azīz* atau *gharīb*.

Penolakan terhadap adanya azab kubur ini atas alasan dalil kewujudannya adalah terdiri dari hadith *ahād* yang tidak boleh dijadikan hujah khusus dalam perkara yang berkaitan dengan akidah.⁶⁹ Maka golongan Muktazilah dan Astora Jabat, menolak azab kubur kerana berpendapat dalil azab kubur terdiri daripada hadith *ahād*. Sedangkan pada

⁶⁶ Muhammad Rashidi bin Haji Wahab dan Mohd Faizul bin Azmi (2012), “Kedudukan hadith Ahad dalam Akidah”, *Jurnal Ilmiah Berimpak*, Tahun Kedua, Bil:4, Disember 2012, h.97. Dan Lihat Ibn Salah, Abū ‘Umar wa ‘Uthmān bin ‘Abd Rahmān al-shahruzwari (1986), *‘Ulūm al-Hadīth lī Ibn Salāh*, Damshiq: Dar Fikr, h. 270.

⁶⁷ *Ibid.*

⁶⁸ *Ibid.*

⁶⁹ Siti Nurul Hanim bin Mahd Nayai (2007), *Ibid*, h.51

dasarnya hadith yang memenuhi kriteria hadith sahih adalah diterima permasalahan akidah. Ini kerana sesuatu hadith yang sahih itu telah melalui peringkat saringan yang ketat sebelum ianya dihukum sebagai hadith sahih.⁷⁰ Bahkan pandangan yang mengatakan hadith ahad tidak boleh dithabitkan dengan perkara yang berkaitan dengan akidah juga bersifat ahad.⁷¹

Rasulullah s.a.w pernah mengutus para sahabatnya secara berseorangan menyampaikan ajaran Islam ke sesebuah kawasan atau kerajaan atau sesuatu kabilah dan ia diterima tanpa dipertikai bilangannya berdasarkan kedudukannya sebagai seorang yang dipercayai sebagaimana baginda mengutus Mu'adh b. Jabal kepada penduduk Yaman.⁷² Sekiranya perkhabaran ahad tidak diterima dalam akidah, nescaya Rasulullah s.a.w. akan menghantar sekumpulan sahabat yang ramai sehingga sampai bilangan *mutawatir* untuk menyeru manusia supaya beriman kepada Allah s.w.t.

Dalam hal ini hadith-hadith berkenaan dengan azab kubur ini mencapai darjat mutawatir ma'nawi menurut pandangan ulama berdasarkan bilangannya yang banyak khususnya berkenaan dengan soalan Mungkar dan Nakir⁷³. Nilai pemberitahuan hadith ahad adalah di taraf sangkaan (*zanni*). Ia tidak sabit secara *qat'i*, kesahihannya masih terdedah kepada keraguan. Oleh itu para ulama berbeza pendapat dalam menerimanya sebagai dalil. Berasaskan kepada nilai dan taraf yang masih terdedah kepada keraguan, maka para ulama amat berhati-hati untuk menerimanya sebagai satu sumber terhadap hukum-hukum dalam mazhab mereka⁷⁴.

⁷⁰ Syarat hadith sahih: hadith yang bersambung sanadnya dengan diriwayatkan oleh perawi-perawi yang ‘adil dan ḥabit serta selamat dari sebarang syadz dan ‘illah.

⁷¹ Siti Nurul Hanim bin Mahd Nayai (2007), *Ibid*, h.50.

⁷² Mustafa al-Siba'i (1998), *Al-Sunnah wa Makānatuhū fi al-Tasyri' al-Islām*, Riyad: Maktabah al-Waraq, h.199.

⁷³ Siti Nurul Hanim bin Mahd Nayai (2007), *Ibid*, h.51.

⁷⁴ Muhammad Rashidi bin Haji Wahab dan Mohd Faizul bin Azmi (2012), *Ibid*, h.101.

3.10.2 Hadith Ahad dan Pertikaian mengenainya.

Jumhur ulama, secara umumnya menerima hadith Ahad sebagai sumber hukum walaupun ia sabit secara zanni sahaja. Namun begitu, ada yang menolaknya kerana bagi mereka perkhabarannya tidak sabit dengan ilmu yang diyakini⁷⁵. Sesuatu yang diragui dan tidak sabit dengan ilmu, tidak layak untuk diamalkan berdasarkan firman Allah s.w.t:

وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ ٣٦

Dan janganlah engkau mengikut apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya

Surah al-Isra' (17):36

Hujah ini telah dibangkang oleh jumhur. Mereka menerima hadith Ahad sebagai sumber hukum dan diterima sebagai hujah dalam permasalahan akidah berdasarkan dalil-dalil berikut:

i. Dalil al-Qur'an

Firman Allah S.W.T:

فَلَوْلَا نَفَرَ مِنْ كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ طَائِفَةٌ لِّيَتَفَقَّهُوا فِي الدِّينِ وَلَيُنذِرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ ۚ ۱۲۲

Hendaklah keluar sebahagian sahaja dari tiap-tiap puak di antara mereka, supaya orang-orang (yang tinggal) itu mempelajari secara mendalam ilmu yang dituntut di dalam agama dan supaya mereka dapat mengajar kaumnya (yang keluar berjuang) apabila orang-orang itu kembali kepada mereka; mudah-mudahan mereka dapat berjaga-jaga (dari melakukan larangan Allah).

Surah al-Tawbah (9) :122

Ayat di atas menunjukkan bahawa kewajipan ke atas orang yang berilmu menyampaikan ilmu kepada masyarakat, dan wajib menuntut ilmu serta beramal dengannya, samaada ilmu akidah atau syariah, walaupun yang menyampaikan itu satu

⁷⁵ *Ibid*, h. 101.

kumpulan yang tidak sampai bilangan mutawatir. Berdasarkan ayat di atas jelas bahawa Allah s.w.t. mengiktiraf perkhabaran Ahad untuk diamalkan.

ii. **Dalil hadith**

Perakuan taqrir daripada Rasulullah s.a.w. terhadap pengamalan para sahabat dengan perkhabaran Ahad dalam kes pertukaran kiblat. Para sahabat yang sedang solat pada ketika itu berpaling dari arah kiblat mereka bila diberitahu oleh seseorang bahawa kiblat sudah berubah dari *Bait al-Maqdis* ke Ka'bah. Tidak pula Rasulullah s.a.w menegur perbuatan mereka yang berpandukan kepada perkhabaran Ahad.⁷⁶

Rasulullah s.a.w sendiri mengutus dalam satu masa dua belas orang utusan kepada dua belas orang raja, untuk menyeru kepada Islam. Baginda juga mengirim surat kepada gebenor-gebonor melalui beberapa orang utusan sahaja.⁷⁷ Imam al-Tahawi menjelaskan, hadith ahad, apabila umat menerima khabar ahad untuk beramal dengannya serta membenarkannya, maka khabar ahad tersebut memberi faedah sebagai ilmu yakin.⁷⁸ Ini bermakna hadith ahad yang ‘*adl*’ ini termasuk sebahagian hadith mutawatir, dan ia boleh dijadikan hujah dalam akidah.

Berdasarkan kenyataan ini, Rasulullah s.a.w. juga mengiktiraf khabar Ahād, kerana baginda tidak melarang sahabat daripada beramal dengan perkhabaran yang disampaikan oleh seorang sahabat sahaja tentang pertukaran kiblat. Begitu juga Rasulullah s.a.w. mengirimkan surat kepada gebenor, untuk menyeru kepada Islam, hanya melalui beberapa orang sahabat yang tidak sampai bilangan tawatur.

⁷⁶ Ibid, h.36

⁷⁷ Al-Zuhaily, Wahbah (1986), *Usul al-Fiqh al-Islāmī*, Bayrut: Dar al-Fikr, j.1, h. 468.

⁷⁸ Ibn Abi al-'Izz, Sadr al-Din 'Ali ibn 'Ali ibn Muhammad al-Hanafi (1997), *Sharh al-Tahawiyah fī al-'aqidah al-salafiyah*, al-Riyad: Fihrist Maktabat al-Malik Fahd, j.1, h.534.

3.10.3 Hukum Beramat Dengan Hadith Ahad.

Imam al-Shafie dan al-Bayhaqi berpandangan wajib menerima khabar *ahād* berdasarkan banyak dalil yang menjadi hujah sabitnya hadith ahad.⁷⁹ Imam al-Bayhaqi menjelaskan, telah muafaqat ahl ilmu hadith atas wajib menerima dua jenis hadith, iaitu hadith mutawatir dan khabar ahad. Imam al-Bayhaqi meletakkan hadith azab kubur di bawah hadith yang diriwayatkan daripada wajah yang banyak sehingga masuk dalam had masyhur.⁸⁰ Ini bermaksud al-Bayhaqi menghukum wajib menerima khabar ahad sebagai hujah dalam akidah. Ibn al-Qayyim pula berpendapat wajib beramat dengan khabar ahad *al-'adl*, dengan beberapa syarat antaranya perawi seorang yang faham dalam agama, dan hadith tersebut telah masyhur tersebar di kalangan masyarakat, dan hadith ahad tersebut tidak melebih nas al-Qur'an sehingga boleh menasakhkan hukum yang terdapat dalam al-Qur'an.⁸¹ Berdasarkan perbincangan di atas, penulis dapat wajib menerima hadith ahad *al-'adl*, dan boleh berhujah dengannya dalam masaalah fekah dan juga akidah. Ini berdasarkan umumnya dalil, yakni dalil tidak membezakan menerima khabar ahad sudut fekah atau akidah. Hasil daripada perbincangan di atas menjelaskan tanggapan Astora Jabat bahawa hadith ahad tidak tidak boleh dijadikan hujah adalah tidak bertepatan dengan syariat Islam, sebagaimana hujah yang dijelaskan di atas.

Mesyuarat Jawatan Kuasa Fatwa Negeri Perak kali ke 161, perkara 6.1 menjelaskan, apabila hadith ahad telah terbukti kesahihannya, maka ia mengambil hukum mutawatir dari sudut wajib beriman dan beramat dengan segala tuntutannya.⁸² Warta kerajaan negeri Perak bertarikh 29 Julai 2004 juga menjelaskan, bahawa menolak kepercayaan azab kubur setelah wujud keterangan dari al-Quran dan al-hadith serta ijmak

⁷⁹ Al-Shāfi`i, Muhammad ibn Idris (2008), *al-Risālah*, al-Qahirah: Dar al-Athar lil-Nashr wa-al-Tawzī', j.2, h453.

⁸⁰ Al-Bayhaqi, Ahmad ibn al-Husayn (1970), *Dala'il al-nubuwwah wa-ma 'rifat ahwal al-sahib al-shari'ah*, (t.t.p), al-Majlis al-A'la lil-Shu'un al-Islamiyah, Lujnah Ihya' Ummahat Kutub al-Sunnah, j.1, h.32.

⁸¹ Ibn Qayyim al-Jawziyah, Muhammad ibn Abi Bakr (1991), *al-Sawa'iq al-Mursalah*, Riyad : Dar al-'Asimah, j.2, h.559.

⁸² Minit Mesyuarat Jawatan Kuasa Fatwa Negeri Perak kali ke 161, perkara 6.1.

ulama adalah terkeluar daripada ajaran Islam yang sebenar dan oleh itu orang Islam adalah dilarang mengamalkan ajaran itu.⁸³ Maka berdasarkan perbincangan di atas dan fatwa yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Negeri Perak itu jelas bahawa hadith ahad yang sahih boleh diterima sebagai hukum dan wajib beriman dengan tuntutan yang terkandung dalam hadith ahad, dan tertolaklah hujah golongan Muktazilah dan Astora Jabat bahawa hadith ahad tidak boleh dijadikan hujah dalam permasalahan akidah. Pengunaan hadith dalam kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt* juga menunjukkan Zainal Abidin menerima hadith ahad sebagai sumber dalam akidah.

3.11 Kesimpulan.

Berdasarkan perbincangan dalam bab ini, penulis membuat kesimpulan bahawa, Pemikiran Zainal Abidin al-Fatani tentang azab kubur di dalam kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt* bertepatan dengan aliran akidah Ahl Sunnah wal Jamaah, yang menthabitkan azab kubur berdasarkan al-Qur'an, al-hadith serta pandangan para ulama muktabar, ijmak dan qias, khususnya dalam beberapa isu yang telah dibincangkan. Antara isu azab kubur yang telah dibincangkan oleh Zainal Abidin al-Fatani dalam kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt* ialah, dikembalikan roh kepada jasad, malaikat yang masuk ke dalam kubur sebelum Munkar dan Nakir, Meratap ke atas mayat, meninggal dunia pada hari jumaat atau malamnya akan dipelihara daripada azab kubur, diperlihat kepada mayat ketika di alam kubur tempat tinggalnya di syurga atau neraka, azab kerana tidak menolong orang yang kena zalim. Semua perkara tersebut dibincangkan oleh Zainal Abidin beserta dengan dalil di dalam kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt*.

⁸³ Warta Kerajaan Negeri Perak, Jil.57, Bil.16, No 1083.

Universiti Malaya

BAB 4:
ANALISIS PEMIKIRAN ZAINAL ABIDIN AL-FATANI TENTANG AZAB
KUBUR DALAM KITAB *KASYF AL-GHAYBIYYĀT*

4.1 Pendahuluan

Setelah membuaturaian terhadap beberapa aspek tentang latar belakang kehidupan Zainal Abidin al-Fatani serta menjelaskan status kitab dan beberapa perkara yang berkaitan, maka dalam bab ini, penulis memfokuskan kepada aspek yang terpenting dan utama dalam disertasi ini.

Penulis akan menganalisis pemikiran Zainal Abidin al-Fatani tentang azab kubur, dan menganalisis dengan membuat perbandingan dengan beberapa karya akidah karangan ulama-ulama Melayu Nusantara. Manakala perbandingan akan tertumpu kepada beberapa topik utama iaitu pengertian azab kubur, roh, kembali roh kepada jasad, soal Munnkar Nakir, dan azab kubur, meratap, himpitan kubur, ditayangkan tempat tinggal sama ada syurga atau neraka.

4.2 Pengertian Azab Kubur.

Dalam membincangkan persoalan azab kubur dalam kitab *Kasyf al-Ghaybiyyat*, Zainal Abidin al-Fatani tidak menjelaskan terlebih dahulu definisi azab kubur atau pun alam barzakh secara jelas, namun jika diteliti daripada penulisan beliau ada yang merujuk kepada maksud azab kubur itu sendiri. Zainal Abidin al-Fatani ada mendatangkan hadith sebagaimana yang telah disebutkan dalam bab tiga disertasi ini, berkenaan seksaan ke atas mayat disebabkan ratapan dari ahli keluarganya. Sedangkan meratap itu merupakan perkara yang dilarang oleh Allah dan RasulNya. Dalam hadith tersebut

mengambarkan mayat akan diazab di dalam kubur dan disempitkan kuburnya dengan sebab ratapan warisnya, sekiranya ia berwasiat kepada warisnya.

Berdasarkan hadith tersebut dapat difahami bahawa Nabi s.a.w memberi amaran kepada orang melangar perintah atau larangan Allah dan rasulnya dengan ditimpakan azab ketika di dalam kubur, contohnya meratap yang telah jelas diharamkan dalam Islam. Zainal Abidin al-Fatani juga telah menaql perkataan daripada Abū laith r.h, seperti yang telah dinyatakan dalam bab tiga, yang menjelaskan beberapa perkara yang boleh menghindarkan dari azab kubur. Antaranya memelihara sembahyang, bersedekah, dan membaca Qur'an dan membanyakkan tasbih. Semua perkara ini boleh menerangkan serta meluaskan kubur dengan izin Allah. Di samping itu hendaklah seseorang menjauhi sifat dusta, khianat, mengadu (domba) dan hendaklah istibra' daripada kencing¹. Kerana perkara tersebut boleh mengakibatkan mayat diazab di dalam kubur. Daripada perbincangan di atas dapat difahami juga bahawa azab merupakan hukuman atau peringatan daripada Allah kepada hambanya yang melanggar perintahNya yakni perbuatan yang dilarang sama ada berbentuk ibadah atau lainnya.

Siksa Allah dibahagikan kepada dua jenis:

- a) Siksaan semasa di dunia kesan daripada pelanggaran terhadap hukum-hukum Tuhan yang telah ditetapkannya berlaku di alam dunia ini, seperti "makan berlebihan dapat menimbulkan penyakit", "Tidak memelihara diri boleh menjerumuskan kepada bencana", atau api panas, dan membakar", dan hukum-hukum alam yang lain.²

¹ Zainal 'Abidin al-Fatani (t.t), *Ibid*, h. 30.

² M. Quraish Shihāb (2004), *Wawasan al-Qur'an" Tafsir Maudhu'i atas Pelbagai Persoalan Umat."* Jakarta: Penerbit Miza, h.530.

- b) Siksa di akhirat, akibat pelanggaran terhadap hukum syariat, seperti tidak solat, puasa, mencuri dan lainnya yang boleh membawa kepada siksa neraka³.

Abū Bakr Jābir al-Jazī'iry menjelaskan bahawa kehidupan terbahagi kepada tiga bahagian. Pertama, kehidupan dunia yang mana roh serta jasad akan merasa bahagia atau sengsara padanya. Kedua, kehidupan alam barzakh yang padanya terpisah oleh roh daripada jasad. Ketiga, kehidupan akhirat, pada kehidupan ini roh akan dikembalikan kepada jasad seperti kehidupan yang pertama iaitu kehidupan di dunia.⁴

Maka kehidupan yang pertama dan ketiga telah dipisahkan dengan kematian. oleh itu kehidupan yang kedua adalah kehidupan alam barzakh kerana ia merupakan had yang memisahkan antara kehidupan dunia dan akhirat.⁵

Kata Zainal Abidin al-Fatani:

Dan diriwayatkan daripada Anas bin Malik r.a: Bahawasanya berkata ia, bersabda Nabi s.a.w: Apabila dihantarkan mayat di dalam kubur dan dikambuskan tanah atasnya berkata ahlinya dan anaknya “wahai yang mulia” maka berkata malaikat yang memukul, adakah engkau mendengar barang yang berkata mereka itu, maka berkata ia, bahkan. maka berkata malaikat itu: adakah engkau itu syarif (mulia). maka berkata hamba itu, bermula mereka itu berkata yang demikian itu muda-mudahan mereka itu diam. maka dihimpit akan dia oleh kubur maka berselisih segala tulang rusuknya.....⁶

Kata Zainal Abidin al-Fatani,

Telah berkata Anas bin Malik r.a bahawa bumi itu menyeru ia daripada tiap-tiap hari dengan sepuluh kalimah, kata ia, hai anak Adam engkau berusaha atas belakangku dan tempat kembali engkau pada perutku dan engkau derhaka atas belakangku dan diazab akan dikau didalam perutku dan engkau suka atas belakangku dan engkau menangis dalam perutku.....⁷

³Ibid, h.530.

⁴ Abū Bakr Jābir al-Jazā'iry (2000), ‘Akidah al-Mukmin, Mesir: Dar al-Salam, h. 231.

⁵Ibid.

⁶Zainal ‘Abidin al-Fatani (t.t), Ibid, h.33.

⁷Ibid, h.23.

Penulis tidak menemui matan kedua-dua hadith di atas, tetapi penulis telah mendatangkan hadith yang menjelaskan azab kubur iaitu hadith yang panjang yang telah diriwayatkan daripada al-Barrā' bin 'Āzib:

أَنَّ الْعَبْدَ الْكَافِرَ أَوِ الْفَاجِرَ بَعْدَ أَنْ يُسَيِّءَ إِلَيْهِ الْجَاهَةَ يُنَادَىٰ فِي السَّمَاوَاتِ كَذَبٌ، فَأَفْرَشُوا لَهُ مِنَ النَّارِ، وَافْتَحُوا لَهُ بَابًا إِلَى النَّارِ، فَيَأْتِيهِ مِنْ حَرَّهَا وَسُومَهَا، وَيُضِيقُ عَلَيْهِ فِي قَبْرِهِ، حَتَّى تَخْتَلِفَ فِيهِ أَضْلاعُهُ،

Bahwasanya hamba yang kafir atau yang jahat setelah tidak mampu menjawab soal Munkar dan Nakir, menyerulah malaikat yang menyeru dari pihak langit, bahawa dusta ia. Maka hamparkan baginya hamparan daripada neraka, bukakan baginya pintu ke neraka. Maka datanglah kepadanya panas neraka dan angin api neraka, dan disempitkan kuburnya sehingga berselisih tulang rusuknya.⁸

Melalui maksud hadith yang datangkan oleh Zainal Abidin al-Fatani di atas dan hadith yang didatangkan oleh penulis, dapat difahami bahawa azab itu merupakan suatu seksaan terhadap orang-orang kafir dan orang menderhaka kepada Allah yakni yang tidak memperdulikan segala perintah dan larangan Allah s.w.t. Secara perbandingan pula penulis dapati ada persamaan antara Zainal Abidin al-Fatani dengan beberapa ulama Melayu tentang pengertian azab kubur. Seperti kata Syeikh Daud al-Fatani dalam kitabnya:

“Demikian lagi kita wajib i’tiqadkan pula nikmat kubur, siksayanya dan piciknya (sempitnya) dan jika lalu dimakan akan dia oleh binatang atau dibakar akan dia dengan api dan ditabur pada angin sekalipun⁹”.

Kata Syeikh Daud al-Fatani lagi,

“Dan setengah daripada azabnya bagi orang kafir dan orang yang ‘āsi (derhaka) dipicikkan (sempitkan) kuburnya dan dilentangkan api

⁸ Abu Dāwūd, Sulaymān Ibn al-‘Ash’ath (1952), *Sunan Abi Dāwūd*, no Hadith .4753, j.12, al-Qaherah: Matba’at Mustafa al-Bābi al-Halabi wa- Awlādih

⁹ Daud bin Abdullah (t.t) *al-Dur al-Thamīn*. Patani: Matba’ah bin halabi, h. 69.

pagi dan petang dan didatangkan ular dan kala dan lainya dari bagai-bagai azab.”¹⁰

Syeikh Ali bin Abdul Rahman (Ali Kutan) pula menjelaskan, pengertian kubur itu ialah tempat yang ada padanya mayat. Kata Syeikh Ali Kutan:

*“Dan dikehendaki dengan kubur itu tempat yang ada mayat padanya dan jikalau di dalam perut ikan dan jikalau di dalam laut sekalipun.”*¹¹.

Imam al-Tabarī, ketika menafsirkan ayat berikut berkaitan azab kubur:

الْهَكُمُ الْتَّكَاثُرُ، حَتَّىٰ زُرْتُمُ الْمَقَابِرَ،

Kamu telah dilalaikan (dari pada mengerjakan amal bakti) oleh perbuatan berlumba-lumba untuk mendapat dengan sebanyak-banyaknya (harta benda, anak-pinak pangkat dan pengaruh), sehingga kamu masuk kubur.

Surah al-Takathur (102): 1-2.

Beliau menjelaskan, kubur itu ialah tempat yang setiap manusia yang telah meninggal dunia dibawa ke tempat tersebut dan dikebumikan di sana.¹² Berdasarkan kenyataan Imam al-Tabari ini ialah, tempat dikebumikan mayat sama ada di dalam tanah atau tidak.

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat difahami, kubur menurut Zainal Abidin al-Fatani, ialah tempat meletakkan mayat dan di sana terdapat azab dan juga nikmat. Menurut Syeikh Daud al-Fatani pula, kubur ialah tempat mayat diazab atau diberi nikmat, sama ada dikebumikan di dalam tanah atau terbakar atau dimakan binatang buas, tetapi mayat akan menerima azab atau nikmat.

¹⁰ *Ibid.*

¹¹ ‘Ali bin ‘Abdul Rahman (t.t) *al-Jawhar al-Mawhūb Wa Munabbihāt al-Qulūb*, (T.T.P), al-Ma’arif Sdn. Bhd. h.188.

¹² Al-Tabarī, Abī Ja’far Muhammad ibn Jarīr (1954), *Jāmi’ al-Bayān Fī Ta’wīl al-Qur’ān*, al-Qāhirah: Dar al-Ma’arif, j.24, h.579.

Manakala Syeikh ‘Ali Kutan, kubur ialah tempat meletakkan mayat, dan di alam kuburlah terdapatnya azab bagi orang yang derhaka dan juga nikmat bagi orang yang beriman semasa hidup di atas dunia dahulu. Maka hasil perbahasan ini, kubur ialah tempat diletakkan mayat, dan berikan azab atau nikmat, bergantung kepada amalan yang dilakukan oleh seseorang semasa di dunia, sama ada tempat itu di dalam tanah, di dalam perut binatang, terbakar atau lemas di lautan.

Kesimpulannya, penulis dapati Zainal Abidin al-Fatani dan ulama Melayu yang lain telah memberi gambaran pengertian azab kubur dalam karya mereka. Iaitu azab sebagai seksaan kepada mereka yang derhaka kepada Allah, manakala kubur ialah tempat meletakkan mayat.

4.3 Situasi Roh di Alam Kubur

Penulis memulakan analisis ini dengan situasi roh di alam kubur, kerana apabila membincangkan tentang azab kubur, maka tidak terlepas dari membincangkan berkenaan dengan roh. Dalam membincangkan berkenaan dengan roh, Zainal Abidin telah menyentuh beberapa perkara tentang persoalan roh, iaitu hakikat roh, kembali roh kepada jasad dan siapa sebenarnya yang akan di azab, roh atau jasad.?

4.3.1 Hakikat Roh.

Manusia mempunyai akal yang terbatas untuk memikirkan hakikat kejadian roh, ini menunjukkan bahawa betapa luasnya ilmu Allah s.w.t dan ilmu Allah tiada batas sempadan. Zainal Abidin al-Fatani berkata:

Dan dikata orang bahawa roh itu jisim yang latif dan kerana demikian itulah tiada dikatakan Allah ta’ala itu mempunyai roh dari kerana bahawasanya mustahil bahawa ada ia tempat seperti segala jisim.¹³

¹³ Zainal Abidin b. Muhammad (t.t) *Ibid*, h.38.

Zainal Abidin al-Fatani menjelaskan lagi persoalan hakikat roh, dengan katanya:

Diceritakan orang bahawa Yahudi datang oleh mereka kepada Nabi s.a.w maka menanya oleh mereka akan dia daripada roh dan daripada ashāb al-raqīm dan daripada dhi al-Qarnayn, maka turun daripada keadaan mereka itu surah al-Kahfi, dan turun pada hak roh itu firman Allah¹⁴:

وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الرُّوحِ قُلِ الْرُّوحُ مِنْ أَمْرِ رَبِّيِّ وَمَا أُوتِينَتُ مِنَ الْعِلْمِ إِلَّا قَلِيلًا^{۱۸}

“Dan mereka bertanya kepadamu tentang roh. Katakan: Roh itu dari perkara urusan Tuhanmu dan kamu tidak diberikan ilmu pengetahuan melainkan sedikit sahaja”.

Surah al-Isra' (17): 85.

Imam Fakhr al-Dīn al-Rāzī menjelaskan ayat di atas menunjukkan akal manusia amat lemah dan tidak mampu mengkaji dan mengetahui hakikat sebenar roh.¹⁵ Abū Hasan al-Asy'arī berkata di dalam kitab *Maqālāt al-Islāmiyyīn*, manusia saling berbeza pendapat tentang roh, jiwa dan kehidupan, ada yang berkata roh itu adalah ‘*araḍ*’, ada pula yang berkata tidak mengetahui roh itu *jawhar* atau ‘*aradī*’, tetapi diserahkan segala urusan tersebut kepada Allah ta’ala, sebagaimana firmannya dalam surah al-Isra’ (17):85.¹⁶ Zainal Abidin al-Fatani telah menjelaskan beberapa pandangan ulama terhadap ayat al-Quran di atas yang menerangkan hakikat roh.¹⁷ Kata Zainal Abidin al-Fatani:

Dan kata (orang yang berkata) maknanya (roh) daripada ilmu Tuhanmu dan tiada pengetahuan bagiku dengan dia. Dan berkata (orang yang berkata) bahwasanya roh itu tiada makhluk dari kerana bahwasanya ia pekerjaan Allah ta’ala dan pekerjaan Allah ta’ala itu kalamnya. Dan berkata (orang yang berkata) maknanya ada ia daripada tuhanku dengan kalimah (كَنْ) bahwasanya (أَمْ) atas dua bahagi. Pertama, أَمْ melazimkan seperti suruhnya dengan ibadah

¹⁴ *Ibid*, h.39.

¹⁵ Al-Rāzī, Fakhr al-Dīn Muhammad bin Umar (1994), *Tafsīr al-Kabīr Wa Mafātīh al-Ghayb*, Bayrut: Dār al-Fikr, j.2 h. 446.

¹⁶ Al-Ash’arī, Abu Hasan ‘Alī bin Ismā‘il (1969), *Maqālāt al-Islāmiyyīn*, j.1, al-Qaherah: Maktabat al-Nahdah al-Misriyyah, h.82.

¹⁷ Zainal Abidin b. Muhammad (t.t), *Ibid*, h.39.

*seperti sembahyang dan puasa dan haji, dan zakat. Dan yang kedua ialah امر takwin. Dan iaitu seperti firman Allah.*¹⁸

قُلْ كُوْنُوا حِجَارَةً أَوْ حَدِيدًا .. أَوْ خَلْقًا ..

Katakanlah (wahai Muhammad): Jadilah kamu batu atau besi. Atau lain-lain makhluk.

Surah al-Isra' (17):50

Dari sudut perbandingan, terdapat persamaan pandangan Zainal Abidin al-Fatani dengan ulama Melayu yang lain tentang hakikat roh. Mereka tidak membincangkan hakikat roh dengan terperinci sebaliknya menyerahkannya kepada urusan Allah S.W.T, seperti Syeikh Daud al-Fatani, dan Syeikh 'Abdul Qadīr al-Mandilī¹⁹.

Kata Syeikh Daud al-Fatani:

*Wajib kita i'tikadkan hakikat roh itu tiada seorang pun yang mengetahui, melainkan Allah.*²⁰

Kata Syeikh Abdul Qadīr al-Mandilī, firman Allah s.w.t:

فَقُلْ يَتَوَفَّكُمْ مَالِكُ الْمَوْتِ الَّذِي وُكِلَ بِكُمْ ثُمَّ إِلَيْ رَبِّكُمْ تُرْجَعُونَ ॥

Katakanlah (wahai Muhammad); Nyawa kamu akan diambil oleh Malikil Maut yang ditugaskan berbuat demikian ketika habis ajal kamu, kemudian kamu akan dikembalikan kepada Tuhan kamu (untuk menerima balasan).

Surah al-Sajadah, (32): 11

Kata Syeikh Abdul Qadīr al-Mandilī, menafsirkan ayat al-Qur'an di atas:

Allah mewakilkan kepada malaikat maut untuk mencabut dan mengeluarkan roh, kemudian mengambil akan roh itu oleh malaikat rahmat atau malaikat azab untuk dibalas segala amalan²¹.

¹⁸ Ibid.

¹⁹ Abdul Qadīr bin Abdul Mutallib (1961), *Perisai Bagi Sekelian Mukallaf*. cet.2. Mesir: Matba'ah al-Anwar, h.127.

²⁰ Daud bin Abdullah al-Fatani (t.t), *Ibid*, h. 66.

²¹ Abdul Qadir bin Abdul Mutallib (1961), *Ibid*, h.126.

Kata Syeikh Abdul Qadir lagi:

*Dan segala seksa kubur dan pertanyaan Mungkar dan Nakir itu wajib kita percaya seperti yang telah dikhabarkan oleh Nabi s.a.w. dan jangan kita berkata-kata pada kelakuan keduanya yang tiada datang pada hadith Nabi s.a.w. dan sahabatnya. Kerana tiada kuasa akal kita mengetahui kelakuan negeri akhirat melainkan dikhabarkan oleh Nabi s.a.w.*²².

Berdasarkan kenyataan di atas, penulis dapati Syeikh Daud al-Fatani berpandangan, manusia tidak mampu untuk mengetahui hakikat perkara yang ghaib seperti roh, melainkan dengan perkhabaran daripada Allah s.w.t. yang disampaikan oleh Nabi s.a.w, dan sebagai seorang muslim wajib percaya hanya Allah yang mengetahui tentang hakikat roh yang sebenar. Maka wajib menyerahkan urusan roh kepada Allah s.w.t.

Syeikh Abdul Qadīr tidak membincangkan hakikat roh, sebaliknya beliau menafsirkan surah al-Sajdah (13):11, bahawa Allah mewakilkan kepada malaikat maut untuk mencabut roh dari jasad manusia, kemudian diserahkan kepada malaikat rahmat atau malaikat azab, supaya dibalas segala amalan yang ia telah lakukan semasa di dunia. Seterusnya Syeikh Abdul Qadir mengakui akal manusia tidak mampu untuk mengetahui hakikat alam akhirat dan sekelian perkara-perkara *al-Ghaybiyyāt*, melainkan perkhabaran daripada Allah s.w.t dan Nabi s.a.w.

Pemerhatian penulis melalui perbincangan di atas, Zainal Abidin begitu berhati-hati dalam membincangkan tentang roh, beliau mendatangkan hujah hadith berkenaan dengan roh, contohnya ketika membincangkan tentang dikembalikan roh kepada jasad di dalam kubur, beliau terlebih dahulu menjelaskan beberapa pandangan dari ulama-

²² *Ibid*, h. 128.

ulama yang tidak disebutkan nama mereka, tentang hakikat roh. dan akhirnya beliau mengambil jalan tengah iaitu dengan katanya:

“Dan yang sahih di sisi ahl al-ilmi bahawa wajib iqrar (mengaku) oleh hamba itu dengan azab kubur dan jangan masyghul dengan kaifiyatnya”²³.

Syeikh Ahmad dalam kitab *Farīdah al-Farā’id*, ketika membincangkan perkara berhubung dengan masalah roh beliau juga tidak menghuraikan dengan terperinci, bahkan beliau menyerahkan bahawa roh adalah urusan Allah, sesuai dengan firman Allah dalam surah al-Isra’(17): 85, hal ini dibuktikan dengan perkataan Syeikh Ahmad dalam kitab *Farīdah al-Farā’id*:

“Dan bahwasanya tiada mengetahui akan hakikat roh itu melainkan Allah S.W.T..”²⁴

Maka penulis berpendapat apa yang dijelaskan oleh Zainal Abidin dalam kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt* tentang roh, bertepatan dengan pemikiran al-Asyā’irah, ini berdasarkan kepada pandangan beberapa ulama’ al-Asyā’irah seperti Imam Fakhr al-Dīn al-Rāzī, begitu juga pandangan Imam Abū al-Hasan al-Asy’arī sendiri, seperti yang dijelaskan oleh beliau bahawa manusia saling berbeza pendapat tentang roh, jiwa dan kehidupan. dan begitu juga ketika beliau membincangkan tentang hakikat roh, beliau menggunakan hujah firman Allah yang menyatakan hakikat roh itu adalah urusan Allah S.W.T.

4.3.2 Kembali roh kepada jasad.

Dalam topik ini penulis akan membincangkan kedudukan roh setelah keluar daripada jasad, perbincangan ini adalah berdasarkan pandangan Zainal Abidin al-Fatani, Syeikh

²³ Zainal Abidin b. Muhammad (t.t), *Ibid*, h. 29.

²⁴ Ahmad bin Muhammad Zayn bin Mustafa bin Muhammad al-Fatani (t.t) *Farīdat al-Farā’id fī ‘Ilm al-Aqā’id*, Pulau Pinang: Maktabah wa Matba’ah Dar al-Ma’arif, h. 20.

Daud al-Fatani dan Syeikh Abdul Qadir al-Mandilī dan ulama-ulama muktabar yang lain, serta membuat perbandingan adakah roh dikembalikan semula kepada jasad ketika di dalam kubur.

Zainal Abidin al-Fatani menjelaskan bahawa apabila jenazah telah dikebumikan, maka Allah perintahkan Malaikat supaya kembalikan roh kepada jasadnya seperti di dunia dahulu. Namun dalam masalah ini terdapat beberapa pandangan tentang kedudukan roh setelah keluar dari jasad kemudian dimasukan ke dalam kubur.²⁵ Katanya:

“Kemudian ditanggungkan jenazah itu kepada kuburnya maka menyuruh Allah ta’ala bahawa kembalikan rohnya itu kepada jasadnya seperti barang yang ada ia dahulunya di dalam dunia. Telah bersalahan riwayat mengenainya, berkata setengah mereka dijadikan roh pada jasadnya seperti di dunia dahulu kemudian duduk ia dan ditanya akan dia. Maka berkata setengah ulama’ adalah soal kubur itu bagi roh juga tidak jasad. Dan telah berkata setengah mereka masuk roh itu pada jasadnya hingga dadanya dan berkata yang lainnya pula antara jasad dan kafannya. Dan pada tiap2 yang demikian itu sesungguhnya telah datang āthār. Dan yang sahih di sisi ahl al-ilmi bahawa wajib ikrar (mengaku) oleh hamba itu dengan azab kubur dan jangan masyghul dengan kaifiyatny”²⁶.

Syeikh Daud al-Fatani dalam kitab *al-Durr al-Thamīn pula*, ada menyebut berkenaan kembalinya roh kepada jasad. Kata Syeikh Daud al-Fatani:

*“Maka dikembalikan kepada mayat barang yang memberi faham dengan dia khitāb dan menjawab ia akan soalan”.*²⁷

Kata Syeikh Abdul Qadir:

*Mazhab Jumhūr, bahawasanya yang ditanya itu roh serta badan, dengan dikembalikan roh itu kepada sekelian badan.*²⁸

²⁵ Zainal ‘Abidin bin Muhammad al-Fatani (t.t) *Ibid*, h.29.

²⁶ *Ibid*.

²⁷ Daud bin Abdullah al-Fatani (t.t) *Ibid*, h. 29

²⁸ ‘Abdul Qadir bin Abdul Mutallib (1961), *Ibid*, h. 127.

Imām al-Qurtubī, menyatakan, apabila mayat disembahyangkan dan dibawa ke perkuburan untuk dikebumikan kemudian dikembalikan roh kepadanya.²⁹ Begitu juga Ibn Qayyim dalam kitabnya *al-Rūh* menjelaskan bahawa nabi s.a.w telah menyebut dalam sebuah hadith perbahasan tentang kembalinya roh ke jasad di dalam kubur. Sebuah hadith yang panjang dari al-Barra' bin 'Āzib, antara potongan hadith tersebut ialah:

قَالَ فَتَعَادُ رُوحُهُ فِي جَسَدِهِ فَيَأْتِيهِ مَلَكَانِ فَيُجْلِسَا نِهِ فَيُقُولُ لَهُ مَنْ رَبُّكَ فَيَقُولُ رَبِّي
.....اللهُ

*Beliau bersabda: Maka rohnya dikembalikan ke jasadnya. Lalu ada dua malaikat mendatanginya lalu mendudukkan mayatnya. Dua malaikat bertanya, Siapa Rabb mu, dia menjawab Rabb ku Allah.*³⁰.

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Imām Ahmad, Abu Dāwūd, al-Nasā'i, Ibn Mājah, Abū Awānah al-Isfira'ainy di dalam sahihnya. Semua ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah dan semua golongan sepandapat dengan apa yang terkandung di dalam hadith yang diriwayatkan oleh al-Barrā' di atas.³¹ Zainal 'Abidin al-Fatani telah menguatkan bahawa roh itu dikembalikan kepada jasad di dalam kubur, dengan mendatangkan maksud hadith berikut:

*"Kemudian ditanggungkan jenazah itu kepada kuburnya maka menyuruh Allah ta'ala bahawa kembalikan rohnya itu kepada jasadnya seperti barang yang ada ia dahulunya di dalam dunia.*³²

²⁹ Al-Qurtubī, Muhammad bin Ahmad (1980), *al-Tadhkīrah fī Aḥwāl al-Mawtā wa Umrān al-Ākhirah*, al-Qahirah: Dar Ahya' al-Kutub al-'Arabiyyah, j.1, h.69.

³⁰ Ibn Qayyim al-Jawziy (1999), Kathur Suhardi (terj) *al-Rūh*, Jakarta: Pustaka al-Kautsar, h.81, Lihat Abu Dāwūd, Sulaymān Ibn al-'Ash'ath (1952), *Sunan Abī Dāwūd*, no Hadith 4127, bab Soal dalam kubur dan azab kubur, j.12, al-Qaherah: Matba'at Mustafa al-Bābi al-Halabi wa- Awladih, h.368.

³¹ Ibn Qayyim al-Jawziy (1999), *Ibid*, h.81.

³² Zainal 'Abidin bin Muhammad al-Fatani (t.t), *Ibid*, 29.

Maka berdasarkan hadith riwayat daripada al-Barra'di atas dan maksud hadith yang dinyatakan oleh Zainal Abidin al-Fatani, jelaslah pegangan beliau dikembalikan roh kepada jasad ketika di alam kubur, adalah sangat kuat.

4.3.3 Azab berlaku ke atas roh dan jasad

Terdapat beberapa pendapat ulama tentang siapakah yang akan merasa azab? roh atau jasad. Oleh itu Zainal Abidin al-Fatani juga membincangkan sama ada roh atau jasad yang diazab di dalam kubur.³³ Beliau menaqalkan perkataan al-Yāfi`ī tentang siapa yang diazab, roh atau jasad dengan katanya:

“Dan di dalam kubur bersekutu (kena azab) oleh roh dan jasad.”³⁴

Syeikh Ali Kutan dalam kitabnya *Jawhar al-Mawhūb Wa Munabbihāt al-Qulūb* menjelaskan bahawa jasad dan roh akan merasa azab di dalam kubur, dan beliau juga mengakui terdapat perbezaan pendapat berhubung masalah ini. Perkara ini dibuktikan dengan kata Syeikh Ali Kutan:

*Dan yang kena seksa dan dapat nikmat itu roh dan jasad keduanya, inilah mazhab jumhūr ulama. Bersalahannya bagi setengah ulama mangatakan azab dan nikmat tertentu bagi jasad juga dan tidak disyaratkan bahawa kembalikan roh kepadanya, dan hanya dijadikan Allah baginya pendapat dan perasa sekira-kira dapat mengetahui dan merasa lazat dan pedih. Maka pendapat ini ditolak oleh setengah ulama dengan bahwasanya perkataan itu fāsid, kerana bahwasanya yang merasa pedih dan mengetahui itu sesungguhnya pada adat ialah pada yang hidup, dan tiada hidup pada adat malainkan dengan roh*³⁵.

Syeikh Ahmad al-Fatani berpendapat bahawa roh akan dikembalikan kepada jasad ketika di alam kubur, dan keduanya sama-sama akan merasai nikmat atau azab, ini dibuktikan dengan kata Syeikh Ahmad:

³³ *Ibid.* h.41.

³⁴ *Ibid.* h.41.

³⁵ 'Ali bin Abdul Rahman (t.t), *Al-Jawhar al-Mawhūb Wa Munabbihāt al-Qulūb*. Percetakan al-Ma'arif sdn. Bhd. hlm189.

Dan bahawa Malaikat Maut ialah yang mengambil ia akan segala roh, dan bahawa roh kemudian daripada mati badan itu, dinikmat akan dia atau diazab akan dia hingga kembali ia kepada badan.³⁶

Syeikh Daud al-Fatani dalam kitab *Furū' al-Masā'il* menjelaskan bahawa ketika di alam kubur, jasad akan diazab serta roh, walaupun roh jauh dari jasad. Ini dapat difaham dari kata beliau:

"Jasad diazab serta roh akan terasa pedih walaupun jauh tetapi berhubungan keduanya. Begitu juga nikmat."³⁷

Abū Bakr Jābir al-Jazā'iry menjelaskan bahawa kubur merupakan perhentian yang pertama bagi kehidupan yang kedua, dan kubur juga sebagai pintu masuk ke negeri akhirat, dan di dalam kubur juga roh dan jasad sama-sama akan merasa nikmat atau azab.³⁸ Manakala Syeikh Abdul Qadīr al-Mandilī pula menjelaskan bahawa yang diazab itu ialah roh dan juga jasad, dan beliau menaqalkan perkataan Ibn Qayyim:

"Dan yang diseksa itu badan serta roh dengan ittifāq Jumhūr"³⁹

Berdasarkan hadith al-Barrā' di atas iaitu فَتَعَادُ رُوحٌ فِي جَسَدٍ maka Imām al-Qurtubī menjelaskan lafadz tersebut sudah cukup sebagai dalil roh dan jasad akan sama-sama merasa azab di dalam kubur. Manakala golongan Muktazilah menafikan kewujudan azab kubur, dan mereka mempersoalkan sekiranya wujud azab kubur maka adakah yang akan diazab itu adalah jasad atau roh atau kedua-duanya sekali?

Golongan Muktazilah mempersoalkan pula, kalau tubuh sahaja yang diazab tanpa bersama rohnya, maka tubuh itu tidak merasa apa-apa kesakitan, dan kalau rohnya

³⁶ Ahmad bin Muhammad Zain bin Mustafa bin Muhammad al-Fatani (t.t) *Farīdat al-Farā'id fī Ilm al-'Aqā'id*, Pulau Pinang: Maktabah wa Matba'ah Dār al-Mā'arif, hlm. 20.

³⁷ Daud bin Abdullah (t.t) *Furū' al-Masā'il*, Thailand: Matba'ah bin halabi, Fatani, h. 7

³⁸ Abu Bakr al-Jazā'iry (2000) 'Akīdah al-Mukmin, Mesir: Dar. al-Salam, h.231 .

³⁹ Abdul Qadīr bin Abdul Mutallib al-Mandilī (1961) *Perisai bagi sekelian Mukallaf*. Mesir: Matba'ah al-Anwar, h.126.

sahaja yang diseksa di dalam kubur tanpa bersama tubuh, atau kedua-duanya (tubuh dan roh) ada di dalam kubur, adakah mereka boleh hidup kembali di dalam kubur serta duduk tegak di dalam kubur yang sempit itu?⁴⁰ Golongan Muktazilah menimbulkan persoalan ini kerana mereka meyakini dan mempercayai bahawa akal mereka mengatasi kehendak dan kekuasaan serta ilmu Allah S.W.T.

Imām al-Qurtubī menjawab hujah golongan Muktazilah, bahawa kewajiban orang yang beriman adalah percaya dengan apa yang telah dikhabarkan oleh Allah kepada hambanya, dan Allah melakukan apa yang ia kehendaki sama ada mengazab atau memberi nikmat, serta Allah palingkan penglihatan manusia daripada melihat perkara-perkara yang *al-ghaybiyyāt*.⁴¹ Ini bermaksud Allah berkuasa melakukan apa yang dia kehendaki, Allah berkuasa merasakan azab kepada roh sahaja atau jasad sahaja, dan Allah berkuasa merasakan azab kepada keduanya. Begitu juga Allah berkuasa meluaskan kubur sejauh mata memandang dan Allah menghidupkan mayat di alam kubur, sebagaimana firman Allah s.w.t:

وَلَا تَقُولُوا لِمَنْ يُقْتَلُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَمْوَاتٌ بَلْ أَحْيَاءٌ وَلَكِنْ لَا تَشْعُرُونَ ﴿١٥﴾

Dan janganlah kamu mengatakan terhadap orang-orang yang gugur di jalan Allah, (bahwa mereka itu) mati; bahkan (sebenarnya) mereka itu hidup, tetapi kamu tidak menyadarinya.

Surah al-Baqarah (2): 154.

Imām al-Qurtubī berpendapat bahawa bagaimana pun keadaannya maka azab tetap dapat dirasakan dan sakit itu ada, sama ada roh itu bersama jasad di dalam kubur atau tiada dan azab itu sangat dahsyat.⁴² Ibn Kathīr pula berpendapat bahawa diseksa akan mayat di alam barzakh tidak disyaratkan roh bersama dengan jasad di dalam

⁴⁰Nu'mān Ibn Mahmūd al-Alūsī (1402H), *Al-Āyāt al-Bayyināt Fi 'Adam Simā' al-Amwāt 'inda al-Hanafiyah al-Sadat*. Bayrut: Maktabah al-Islam, h. 89. Lihat, Said bin Ibrahim (1997), *Perbandigan Akidah dan sahaman umat Islam*, Kuala Lumpur: Dar al-Maarifah, h.316.

⁴¹ Al-Qurtubī, Muhammad bin Ahmad (1980), *Ibid*, j.1, h.153.

⁴² *Ibid*, j.1, h. 192.

kubur.⁴³ Maka berdasarkan kenyataan ini, dapat difahami, wajib percaya adanya azab kubur, dan akan merasa pedihnya azab tersebut walaupun roh tidak bersama dengan jasad di alam kubur.

Zainal Abidin al-Fatani dalam *Kasyf al-Ghaybiyyāt* tidak menyanggah pandangan al-Yāfi`ī, yang mengatakan bahawa jasad dan roh keduanya akan merasa azab. Maka lihat bagaimana Allah telah menciptakan manusia yang terdiri daripada dua unsur, iaitu jasad dan roh supaya manusia mampu bergerak, sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Allah s.w.t

وَلَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَنَ مِنْ سُلْكَلَةٍ مِّنْ طِينٍ « ثُمَّ جَعَلْنَاهُ نُطْفَةً فِي قَرَارٍ مَّكِينٍ » ثُمَّ خَلَقْنَا النُّطْفَةَ عَلَقَةً فَخَلَقْنَا الْعَلَقَةَ مُضْعَةً فَخَلَقْنَا الْمُضْعَةَ عِظَمًا فَكَسَوْنَا الْعِظَمَ لَحْمًا ثُمَّ أَنْشَأْنَاهُ خَلْقًا إِذَا هُنَّ أَحْسَنُ الْخَالِقِينَ^١

Dan sesungguhnya kami telah menciptakan manusia dari pati (yang berasal) dari tanah; Kemudian kami jadikan "pati" itu (setitis) air benih pada penetapan yang kukuh; Kemudian kami ciptakan air benih itu menjadi sebuku darah beku lalu kami ciptakan darah beku itu menjadi sekutul daging; kemudian kami ciptakan daging itu menjadi beberapa tulang; kemudian kami balut tulang-tulang itu dengan daging. Setelah sempurna kejadian itu kami bentuk ia menjadi makhluk yang lain sifat keadaannya. Maka nyatalah kelebihan dan ketinggian Allah sebaik-baik Pencipta.

Surah al-Mukminūn (23): 12-14.

Roh dan jasad kemudian dipisahkan dengan sebab berlakunya kematian, maka yang mati adalah jasad sahaja sedangkan roh tetap hidup. Apabila mayat telah dimasukan ke dalam kubur, lalu roh dikembalikan kepada jasad untuk menjawab soalan daripada dua malaikat Munkar dan Nakir. Walaupun Zainal Abidin al-Fatani tidak

⁴³ Ibn Kathir, Ismā‘il Ibn Umar (2008), *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm*, Bayrut: Dar al-Kitab al-‘Arabi, j.7, h.146. Dan lihat Muhammad Abdul Malik Al-Zaghabi (2003), *Thamānūn Soāl ‘an ‘Azāb al-Qabr Wa Na’muh*.(terj)Iman Sulaiman (2003), Jakarta: Pustaka al-Kawthar, h.152.

mendatangkan matan dan perawi hadith, namun penulis dapati terdapat hadith yang sahih menjelaskan tentang roh dan jasad sama-sama merasa azab, iaitu hadith:

سَمِعَ الْمُسْلِمُونَ مِنَ اللَّيْلِ بَشَرٌ بَدِيرٌ وَرَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَائِمٌ يَنادِي يَا أَبَا جَهَلٍ بْنَ هَشَامٍ وَيَا شَيْبَةً بْنَ رَبِيعَةَ وَيَا عَتَبَةً بْنَ رَبِيعَةَ وَيَا أُمِيَّةً بْنَ خَلْفٍ هَلْ وَجَدْتُمْ مَا وَعَدْ رَبُّكُمْ حَقًّا فَإِنِّي وَجَدْتُ مَا وَعَدْنِي رَبِّي حَقًّا قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ أَوْ تُنادِي قَوْمًا قَدْ جَيَّفُوكُمْ فَقَالَ مَا أَئْتُمْ بِأَسْمَاعِهِمْ وَلَكُنُوكُمْ لَا يُسْتَطِعُونَ أَنْ يَحْيُو

*Kaum muslimin mendengar pada malam hari di sumur Badar, Rasulullah s.a.w berdiri memanggil; wahai Abu Jahal bin Hisham, wahai Syaibah bin Rabi'ah, wahai Utbah bin Rabi'ah, wahai Umayyah bin Khalaf, Apakah kalian telah mendapat apa yang dijanjikan oleh rabb kalian? Maka sesungguhnya aku telah mendapat kebenaran dari apa yang telah dijanjikan Allah kepadaku. Mereka (Sahabat) berkata; Wahai Rasulullah, Apakah engkau telah memanggil kaum yang telah menjadi bangkai, maka baginda menjawab; Tidaklah kamu lebih mendengar dari mereka terhadap apa yang aku katakan, tetapi mereka tidak mampu menjawab.*⁴⁴

Hadith ini menunjukkan, orang kafir menerima azab di dalam kubur, roh dan jasad dan mereka mendengar percakapan orang yang hidup tetapi mereka tidak mampu menjawab, kerana terdapat dinding pemisah antara orang yang hidup dan yang mati, iaitu alam barzakh. Maka dari sudut perbandingan dapat dilihat bahawa terdapat persamaan antara Zainal Abidin al-Fatani dengan ulama-ulama Melayu yang lain seperti Syeikh Ahmad, Syeikh Daud dan Syeikh Abdul Kadir bahawa yang diazab di dalam kubur adalah roh dan juga jasad. dan inilah pendapat telah ijmak jumhur ulama Ahl al-Sunnah Wa al-Jamaah.

⁴⁴Al- Nasā'ī, Abdul Rahmān Ahmad bin Shu'ayb (t.t), *Sunan al-Nasā'i*, hadith no. 2048, bab Arwah al-Mukminin, Bayrut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, j.7, h.215.

4.4 Soal Jawab di Alam Kubur

Soal Munkar dan Nakir adalah sebahagian daripada perkara yang berlaku di alam kubur dan kita dituntut beriman dengan soalan Munkar dan Nakir tentang Tuhan, agama dan nabi berdasarkan hadith yang diriwayatkan daripada Rasulullah s.a.w dan dari para sahabat r.a.⁴⁵

عَنْ الْبَرَاءِ بْنِ عَازِبٍ قَالَ خَرَجْنَا مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي جَنَّةٍ
رَجُلٌ مِنَ الْأَنْصَارِ فَانْتَهَيْنَا إِلَى الْقَبْرِ وَلَمَّا يُلْحَدْ فَجَلَسَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ وَجَلَسْنَا حَوْلَهُ كَانَاهُ عَلَى رُءُوسِنَا الطَّيْرُ وَفِي يَدِهِ عُودٌ يَنْكُثُ بِهِ فِي الْأَرْضِ
فَرَفَعَ رَأْسَهُ فَقَالَ اسْتَعِيدُوا بِاللَّهِ مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ مَرَّتَيْنِ أَوْ ثَلَاثَةَ زَادَ فِي حَدِيثِ
جَرِيرٍ هَاهُنَا وَقَالَ وَإِنَّهُ لَيَسْمَعُ حَقْقَ نِعَالِهِمْ إِذَا وَلَوْا مُذْبِرِينَ حِينَ يُقَالُ لَهُ يَا هَذَا
مَنْ رَبُّكَ وَمَا دِينُكَ وَمَنْ تَبِعُكَ قَالَ هَنَّادٌ قَالَ وَيَاتِيهِ مَلَكَانِ فَيُجْلِسَانِهِ فَيَقُولُانِ لَهُ
مَنْ رَبُّكَ فَيَقُولُ رَبِّيَ اللَّهُ فَيَقُولُنِ لَهُ مَا دِينُكَ فَيَقُولُ دِينِيُ الْإِسْلَامُ فَيَقُولُانِ لَهُ مَا
هَذَا الرَّجُلُ الَّذِي بَعَثَ فِيْكُمْ قَالَ فَيَقُولُ هُوَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
فَيَقُولُانِ وَمَا يُدْرِيكَ فَيَقُولُ قَرَأْتُ كِتَابَ اللَّهِ فَآمَنْتُ بِهِ وَصَدَّقْتُ

Daripada Barrā' bin 'Azib katanya: Kami keluar bersama Rasulullah s.a.w mengiringi jenazah seorang laki-laki Ansar, sehingga ke kubur. Setelah mayat itu dikebumikan, maka Rasulullah s.a.w pun duduk, dan kami duduk di keliling baginda, seolah-olah di atas kepala kami ada burung. Dan di tangan baginda terdapat kayu yang dipacak ke bumi, maka menggangkat ia akan kepalanya dan dia berkata: mohonlah perlindungan kepada Allah daripada azab kubur diulang dua atau tiga kali. Dan ditambah pada hadith Jarir: Dan berkata Rasulullah s.a.w.: Dan sesungguhnya dia benar-benar mendengar hentakan kasut-kasut mereka apabila mereka berpaling membelakangkan, apabila dikatakan kepadanya: Wahai ini, siapa

⁴⁵ Ibn Abī al-'Izz al-Hanafī (2011), *Syarh Aqīdah Tahāwiyyah*. J.2 cet.1, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. h.220.

*Tuhan kamu? Dan apa agama kamu? Dan siapa Nabi kamu? Berkata Hannad: Dia berkata: Dan mendatanginya dua mala'ikat, maka mereka berdua mendudukkannya, dan mereka berdua berkata kepadanya: Siapa Tuhan kamu? Maka dia berkata: Allah Tuhanku. Maka mereka berdua berkata kepadanya: Apa agama kamu? Maka dia berkata: Islam Agamaku. Maka mereka berdua berkata kepadanya: Apakah lelaki ini yang diutuskan kepada kamu? Dia berkata: Maka dia berkata: Dia ialah Muhammad Rasulullah. Maka mereka berdua berkata: Dan apa yang kamu tahu? Maka dia berkata: Saya telah membaca Kitab Allah, dan saya beriman dengannya dan saya membenarkan.*⁴⁶

Soal Munkar dan Nakir di dalam kubur juga antara perkara *al-Sam'iyyāt* yang tidak diketahui melainkan dengan perkhabaran daripada Nabi s.a.w. Dalam kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt* juga dibincangkan oleh Zainal Abidin al-Fatani tentang soal Munkar dan Nakir. Mungkar dan Nakir adalah dua malaikat yang ditugaskan oleh Allah untuk menyoal mayat dalam kubur yang sangat keras kelakuananya. Zainal 'Abidin al-Fatani juga telah menjelaskan dalam kitabnya *Irsyād al-'Ibād* bahawa antara perkara yang wajib kita beriman ialah tentang soal Munkar dan Nakir serta azab dan nikmat di alam kubur⁴⁷. Pada penulis, soal Munkar dan Nakir dalam kubur itu dilihat melalui dua situasi. Pertama keadaan mayat itu orang yang soleh. Dan yang kedua mayat itu orang kafir atau orang yang derhaka. Situasi tersebut dapat dilihat melalui hadith yang ditulis oleh Zainal Abidin al-Fatani yang telah menjelaskan dua situasi tersebut. Kata Zainal Abidin al-Fatani;

Kemudian turun oleh dua malaikat yang sangat keras kelakuan keduanya dan membelah oleh keduanya akan bumi dengan taring keduanya bermula keduanya itu Mungkar dan Nakir, maka duduk keduanya itu di sisi mayat maka bertanya oleh keduanya baginya dengan katanya:

من ربك ومن نبيك وما دينك وما أمامك وما قبلتك ومن إخوانك

⁴⁶ Abū Dāwūd Sulaymān Ibn al-Ash'ath (2009), *Sunan Abi Dāwūd*, no Hadith. 4127, bab Soal dalam kubur dan azab kubur, Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyah, j.12, h.367.

⁴⁷ Zainal 'Abidin bin Muhammad al-Fatani (t.t), *Irsyād al-'Ibād Ila Sabīl al-Rasyād*. Patani: Matba'ah bin Halabi, h.4.

Siapa Tuhan kamu dan siapa Nabi kamu dan apa agama kamu dan apa imam kamu dan apa kiblat kamu dan siapa saudara kamu. Jika adalah mayat itu orang yang bahagia maka jawab ia:

الله ربِّي ونبيِّي محمد عليه السلام وديني الإسلام وإمامي القرآن قبلتي الكعب
وإخواني المؤمنون والمسلمون

Maksudnya: Allah tuhan ku dan Nabiku Muhammad a.s dan agamaku Islam dan imamku al-qur'an dan kiblatku ka'bah dan saudaraku sekalian orang beriman dan orang Islam. Maka berkatalah keduanya bagi mayat tidurlah kamu sebagaimana tidur mempelai...⁴⁸

Kata Zainal Abidin al-Fatani lagi,

Telah bersabda Nabi s.a.w: Maka dikembalikan oleh mereka itu akan rohnya kepada jasadnya dan datanglah akan dia oleh dua orang malaikat yang hebat keduanya maka menduduk oleh keduanya akan dia, maka berkata keduanya bagi mayat: siapa Tuhan kamu dan siapa nabi kamu dan apa agama kamu dan apa kiblat kamu dan siapa saudara kamu. kemudian berkata keduanya bagi mayat itu apa engkau kata pada laki-laki ini yang dibangkitkan kepada kamu, yakni Muhammad. Maka berkata ia, iaitu Rasulullah yang diturunkan atasnya al-Qur'an dan aku percaya dengan dia dan aku membenar akan dia, maka diseru dari pihak langit, telah benarlah hambaku, maka hamparkan olehmu baginya akan satu hamparan daripada syurga. dan beri pakai olehmu akan dia akan satu pakaian daripada syurga, dan telah membuka oleh mereka itu baginya satu pintu daripada syurga.⁴⁹

Kata Zainal Abidin al-Fatani lagi,

Telah bersabda Nabi s.a.w: Jika adalah daripada orang yang mempunyai celaka.... maka datanglah akan dia Mungkar dan Nakir dengan huru-hara barang yang ada ia daripada segala huru-hara, bermula suara keduanya itu seperti suara guruh dan mata keduanya seperti kilat yang menyambar, maka membelah keduanya akan bumi dengan taring keduanya, maka menduduk oleh keduanya akan dia, maka berkata keduanya baginya siapa tuhan kamu, maka sahut kafir tiada aku tahu. Maka menyeru oleh yang menyeru pihak kuburnya pukul olehmu akan dia, maka memalu oleh keduanya akan dia dengan pukul daripada besi...⁵⁰

⁴⁸ Zainal Abidin b. Muhammad (t.t), *Ibid*, h.30.

⁴⁹ *Ibid*, h.31, hadith riwayat dari al-Barra' bin Āzib, sanad hadith hasan.

⁵⁰ *Ibid*, h.31. hadith riwayat al-Barra', Sanad hadith hasan.

Melalui hadith yang didatangkan oleh Zainal Abidin, penulis dapati beliau berpegang dengan pendapat yang mengatakan roh dikembalikan kepada jasad, maka soal Munkar dan Nakir itu adalah ke atas jasad dan roh. Maka ia mempunyai persamaan dengan pandangan Syeikh Daud al-Fatani yang menyatakan bahawa soal Munkar dan Nakir itu ke atas jasad dan roh. Berkennaan dengan soal Munkar dan Nakir di dalam kubur, terdapat hadith yang sahih menyokong hadith yang jadikan hujah oleh Zainal Abidin al-Fatani dalam kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt*, iaitu:

عن أنس رضي الله عنه أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: إن العبد إذا وضع في قبره، وتولى عنه أصحابه، وإنه ليسمع قرع نعاهم، أتاه ملكان ، فيقعدهما فيقولان: ما كنت تقول في هذا الرجل، محمد صلى الله عليه وسلم ، فأما المؤمن فيقول:أشهد أنه عبد الله ورسوله، فيقال له: انظر إلى مقعديك من النار، قد أبدل الله به مقعدا من الجنة، فيراهما جميعا: وأما المنافق والكافر فيقال له: ما كنت تقول في هذا الرجل؟ فيقول: لا أدرى، كنت أقول ما يقول الناس ، فيقال: لا ذريت ولا تليت، ويضرب بعثارقا من حديضه ، فيصيغ صيحة، يسمعها من يليه غير الثقلين

*Daripada Anas r.a.: Bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: Sesungguhnya hamba apabila diletakkan di dalam kuburnya dan berpalinglah oleh sahabatnya, pada hal ia mendengar bunyi kasut mereka, datanglah dua malaikat, menduduk akan dia oleh keduanya, maka berkatalah keduanya: Apa kamu kata pada laki-laki ini yakni Muhammad s.a.w. Maka adapun orang yang beriman, berkata ia: Aku bersaksi bahawa ia hamba Allah dan utusanNya, maka dikatakan baginya: Lihat olehmu kepada tempat engkau di neraka, sesungguhnya Allah telah menukar tempat tinggalmu di dalam syurga. Maka melihatlah ia pada keduanya. Adapun orang yang munafiq dan kafir, maka dikatakan padanya: Apa pendapatmu tentang laki-laki ini, maka berkata ia: Aku tidak tahu, aku berkata apa yang dikatakan oleh manusia, maka dikatakan: kamu tidak tahu dan kamu tidak ikut. Dan dipukul akan dia dengan cemeti daripada besi, maka menjerit ia akan jeritan yang didengar oleh mereka di sekelilingnya.*⁵¹

⁵¹ Al-Bukhārī, Muhammad Ibn Ismā'īl (1999), *Sahīh Bukhārī*, hadith no.1285, Bab azab kubur, Hadith Sahih, al-Riyad: Dar al-Salam, j.5, h.165. Lihat dalam Nu'man bin Mahmud al-Alūsi (1405H), *al-Āyāt al-Bayyināt fī 'Adami sima'i al-Amwāt*, Bayrut: maktab al-Islamiah. hlm 82.

Allah S.W.T. telah menyebut dalam al-Qur'an tentang soal malaikat dalam kubur, dan ini menunjukkan azab kubur itu terdapat dalam al-Qur'an. Firman Allah s.w.t:

يُئْتِيَ اللَّهُ أَلَّذِينَ ءَامَنُوا بِالْقَوْلِ الْثَّابِتِ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَفِي الْآخِرَةِ وَيُضْلِلُ
اللَّهُ أَلَّذِينَ وَيَفْعَلُ اللَّهُ مَا يَشَاءُ^{٤٧}

Allah menetapkan (pendirian) orang-orang yang beriman dengan kalimah yang tetap teguh dalam kehidupan dunia dan akhirat.

Surah Ibrahim (14): 27

Ayat ini menunjukkan *thabitnya* soal malaikat dalam kubur, dan bagi orang yang beriman maka Allah S.W.T tetapkan mereka di atas perkataan yang tetap di dunia dan akhirat, sehingga mereka mengakui Allah sebagai Tuhan, Islam sebagai agama, dan mengaku bahawa Muhammad sebagai utusan Allah serta beriman denganya.⁵²

Perbahasan ini tidak terlepas daripada perbezaan pendapat di kalangan ulama, antaranya, Ibn Jarīr al-Tabarī⁵³ dan satu kumpulan daripada *al-Karrāmiyyah*,⁵⁴ yang mengatakan bahawa soal Munkar dan Nakir hanya berlaku terhadap badan sahaja, dan Allah s.w.t jadikan padanya *Idrāk* dengan sekira-kira ia dapat mendengar dan mengetahui serta merasa kelazatan dan kesakitan.⁵⁵ Manakala Ibn Hazm dan Ibn Habīrah⁵⁶ berpendapat soal Munkar dan Nakir berlaku keatas roh sahaja tanpa

⁵² Ibn Kathīr, *Ismā'il* (2008), *Ibid*, j.4, h500. Lihat al-Jazāirī, Abu Bakr Jabīr (1994), *Aysār al-Tafsīr*, al-Madīnah al-Munawwarah: Maktabah al-'Ulūm wa al-Hikam. Lihat, Al-Rāzī, Fakhr al-Dīn Muhammad bin Umar (1994), *Ibid*, j.9, h. 247. Lihat al-Baydawi, 'Abd. Allah ibn 'Umar (1968), *Anwār al-Tanzīl wa Asrār al-Ta'wil*, Misr: Mustafa al-Babi al-Halabi, j3, h.262.

⁵³ Imām Muhammad bin Jarīr al-Tabarī, seorang mufassir yang masyhur. meninggal dunia pada tahun 310 H.

⁵⁴ *Al-Karrāmiyyah* ialah golongan yang yang melakukan perkara bid'ah, mentajsīmkan Allah. Antara pegangan mereka bahawa diwajibkan pada setiap muslim ialah hanya pengakuan keimanan secara lisan sahaja. tidak perlu disertakan dengan keyakinan dan perbuatan. dan mereka mengatakan kalam Allah berhuruf dan bersuara. golongan ini dinisbahkan kepada tokoh mereka iaitu Muhammad bin Kiram al-Sajastani.meninggal dunia pada tahun 255.

⁵⁵Nukmān bin Mahmud al-Alūsī (1405H), *Ibid*, h.72.

⁵⁶ Yahya bin Habirah bin Muhammad bin Habirah al-Zahili. meninggal dunia 560.

dikembalikan roh kepada jasad. Manakala pendapat *jumhūr* ulama bahawa dikembalikan roh kepada jasad atau setengahnya, seperti yang tersebut dalam hadith.⁵⁷

Maka dari sudut perbandingan, penulis dapati telah sepakat ulama tentang wujudnya soal Munkar dan Nakir di dalam kubur, tetapi tempat yang berlaku perbezaan pendapat ialah sama ada yang disoal itu jasad sahaja atau roh sahaja atau roh dan jasad. Maka dalam kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt* jelas bahawa Zainal Abidin al-Fatani berpandangan bahawa soal Munkar dan Nakir itu berlaku atas jasad dan roh dan ini juga merupakan pandangan *jumhūr* ulama.

Dalam perbahasan soal Munkar dan Nakir yang ditulis oleh Syeikh Ali Kutan⁵⁸ dan Syeikh Abdul Qadīr al-Mandilī⁵⁹ yang berpegang bahawa tiada syak tentang wujudnya soal Munkar dan Nakir di dalam kubur, namun mereka masing-masing menjelaskan terdapat perbezaan pendapat tentang siapa yang akan disoal, jasad ataupun roh.⁶⁰ Syeikh Ahmad al-Fatani juga menthabitkan soal Munkar dan Nakir di alam kubur, dan perkara yang ditanya oleh malaikat ialah tentang tuhan, agama, nabi Muhammad s.a.w. dan terdapat golongan yang terlepas dari soal Munkar dan Nakir seperti orang yang mati syahid. Kata Syeikh Ahmad al-Fatani:

Dan bahwasanya orang yang mati itu ditanya akan mereka itu oleh Mungkar dan Nakir daripada (tentang) tuhan dan agama mereka dan nabi mereka kemudian daripada ditanamkan mereka itu melainkan jamaah yang tertentu setengah daripada mereka itu orang yang mati syahid ⁶¹.

⁵⁷ Maksud hadith disini ialah Hadith al-Barra' yang panjang, tentang malaikat mencabut nyawa kemudian ruh dibawa ke langit kemudian ruh dikembalikan kepada jasad, maka datang dua malaikat menduduk oleh kedua akan mayat dan bertanya keduanya akan mayat: siapa tuhan kamu. lihat dalam Nukman bin Mahmud al-Alusi (1405H), *Ibid*, h.72.

⁵⁸ Ali bin 'Abdul Rahman (t.t), *al-Jawhar al-Mawhūb Wa Munabbihāt al-Qulūb*. (t.t.p), al-Ma'arif Sdn. Bhd. h.189.

⁵⁹ 'Abd al-Qadīr bin Abdul Mutallib (1961) *Perisai Bagi Sekelian Mukallaf*. cet.2. Matba'ah al-Anwar, Mesir. h.127.

⁶⁰ Syeikh Ali Kutan dalam kitab *Jawhar al-Mawhūb*, halaman 189 dan Syeikh Abdul Qadīr al-Mandilī dalam kitab *Perisai Bagi sekelian Mukallaf*, halaman 127, menggunakan istilah Mazhab *Jumhūr*, manakala Zainal Abidin al-Fatani dalam *Kasyf al-Ghaybiyyāt* halaman 29, menggunakan istilah yang sahih disisi Ahl al-Ilm.

⁶¹ Ahmad bin Muhammad Zain bin Mustafa bin Muhammad al-Fatani (t.t), *Ibid*, h.20.

Kenyataan Syeikh Ahmad ini, jelas mengambarkan pegangan beliau, setiap manusia yang telah meninggal dunia akan disoal oleh malaikat Munkar dan Nakir, sama ada orang Islam atau kafir, dikebumikan di dalam kubur atau tidak, kecuali beberapa golongan yang yang telah ditentukan mereka terlepas daripada fitnah kubur. seperti mereka yang mati syahid.

4.5 Azab Kubur.

Ulama telah sepakat bahawa wajib beriman kepada azab kubur bagi orang yang layak menerimanya, dan wujud azab kubur dan nikmat kubur tidak boleh dipertikaikan lagi kerana ia berdasarkan al-Quran dan Hadith. Dalam topik ini penulis akan membincangkan beberapa sebab mayat diseksa di dalam kubur, iaitu ratapan orang yang hidup, tidak membantu orang yang kena zalim dan tidak cermat dalam bersuci. Penulis juga akan membincangkan beberapa jenis azab kubur, antaranya ialah himpitan kubur dan ditayangkan tempat tinggalnya di Neraka.

4.5.1 Azab Kubur Disebabkan Ratapan Orang Yang Hidup.

Ratapan dari waris yang hidup merupakan salah satu sebab mayat diseksa di dalam kubur. Penulis akan mendatangkan dalil tentang meratap dan menjelaskan pandangan ulama yang muktabar, serta membuat perbandingan pandangan Zainal Abidin al-Fatani dengan ulama Melayu yang lain.

Al-Baghawī dan al-Khāzin menyatakan, meratap merupakan perangai syaitan, dan syaitan adalah orang yang pertama meratap, ketika memerangkap Ādam dan Hawā

supaya makan buah khului.⁶² Ini menunjukkan amalan meratap adalah sangat dimurkai oleh Allah. Al-Qurtubi menjelaskan, menangis tidak semestinya meratap, maka menangis yang sedikit kerana rasa kasih dan rindu adalah diharuskan, kerana itu adalah sifat yang telah wujud dalam diri manusia. Rasulullah s.a.w sendiri manangis ketika kematian anaknya Ibrāhīm.⁶³

Imam Nawāwī berpendapat menangis ke atas mayat dengan ketiadaan berbiji sabak (yakni seperti menyebut kebaikan mayat, mengoyak baju, menarik rambut, menampar atau menggaru-garu pipi), maka tidak dinamakan meratap dan ia diharuskan⁶⁴. Maka berdasarkan kenyataan Imam Nawāwī ini, menunjukkan amalan tahlil yang dilakukan oleh kebanyakkannya masyarakat Islam hari ini, tidak termasuk dalam hukum meratap, kerana tidak terdapat padanya perkara yang tersebut diatas, seperti menyebut kebaikan mayat, mengoyak baju, menarik rambut dan menampar pipi, bahkan pengisian dalam majlis tahlil tersebut ialah bacaan ayat al-Qur'an, zikir, selawat dan tahlil.

Ibn Hajar al-Haythamī pula menjelaskan mayat tidak diazab dengan sebab ratapan orang yang hidup. *Jumhūr* ulama berpendapat mayat akan diazab sekiranya simati berwasiat supaya orang yang hidup meratap atas kematiannya, mayat juga akan diazab dengan ratapan orang yang hidup sekiranya dia dunia ia tidak menegah daripada perbuatan meratap. Kenyataan ini menjelaskan bahawa mayat tidak diazab dengan ratapan yang dilakukan oleh orang yang hidup sekiranya dia telah menegah perbuatan tersebut semasa hidupnya. Ini kerana seseorang itu tidak akan menanggung dosa yang dilakukan oleh orang lain. Firman Allah Ta'ala:

⁶²Al-Baghawī, al-Husayn Ibn Mas'ūd (1988), *Tafsīr al-Baghawī: Ma'ālim al-Tanzil*, al-Riyad: Dar Tayyibah, j.1, h.83. Lihat Al-Khāzin, 'Ali Ibn Muhammad (1955), *Tafsīr al-Khāzin*, al-Qahirah: Matba'ah al-Babi al-Halabi wa awladih, j.1, h.31.

⁶³ Al-Qurtubī, Muhammad bin Ahmad (1980), *Ibid*, j.1, h.17.

⁶⁴ Al-Nawāwī, Abī Zakariya Yahya Ibn Sharaf (1986), *al-Azkār al-Nawāwī*, Damshiq: Dar Ibn Kathir, j.1, h.147. Lihat, al-Nawāwī (2006), *Riyād al-Sālihīn*, al-Qahirah: Maktabah al-Mawrid, j.1, h.477.

وَتَزَرُّ وَازْرَةٍ وَزَرُّ أَحْرَى

Seseorang yang boleh memikul tidak akan memikul dosa perbuatan orang lain.

Surah al-An'am (6): 164.

Adapun mayat akan diazab kerana ratapan orang yang hidup adalah disebabkan dua keadaan. Pertama, jika dia berwasiat supaya dilakukan ratapan ke atasnya. Kedua, jika semasa hidupnya dia membiarkan perbuatan meratap dan dia tidak mencegahnya, kerana diam dari mencegah menunjukkan dia reda dengan perbuatan tersebut.

Zainal Abidin al-Fatani, telah membincangkan tentang meratap dalam kitab *Kaysf al-Ghaybiyyat*. Beliau menjelaskan seksaan bagi mayat yang diratap ialah disempitkan kuburnya, serta akan dilaknat oleh malaikat di langit dan bumi. Syeikh Ali Kutau pula telah membincangkan satu bab yang ringkas tentang meratap dan beliau juga telah menggunakan hadith yang diriwayatkan oleh Bukhār dan Muslim sebagai hujah.

Kata Syeikh Ali:

“Daripada Umar bin al-Khattab r.a. bahawasanya mayat sesungguhnya diseksa akan dia dengan sebab menangis orang yang hidup yakni menangis yang dicela pada syarak tiada dengan semata-mata keluar air mata juga dan tempat demikian itu apabila berwasiat mayat itu dengan suruh yang tersebut (menangis) seperti barang yang iaitu adat orang jahiliah”⁶⁵.

Penulis tidak menjumpai matan hadith di atas, dalam kitab-kitab hadith tetapi penulis telah menjumpai matan hadith yang diriwayatkan oleh 'Umar ibn al-Khattab r.a. yang hampir maknanya, iaitu:

عَنْ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ أَنْ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ الْمَيْتُ يُعْذَبُ بِبَكَاءِ أَهْلِهِ عَلَيْهِ

⁶⁵ Syeikh Ali bin Abd. Rahman (t.t), *Ibid*, hlm 195.

Daripada ‘Umar r.a, bahawasanya mayat akan diseksa akan dia dengan sebab tangisan ahli keluarganya ke atasnya.⁶⁶

Setelah membuat perbandingan, maka penulis dapati terdapat persamaan antara Zainal Abidin al-Fatani dengan Syeikh Ali Kutan dalam kitab mereka membahaskan tentang meratap ke atas mayat, namun berbeza dari sudut pengunaan hadith yang dijadikan hujah. Zainal Abidin telah menggunakan mafhum hadith yang tiada disebutkan perawinya, sedangkan Syeikh Ali Kutan mendatangkan hadith di atas serta perawinya. Abdul Qadīr al-Mandilī⁶⁷ dan Syeikh Daud al-Fatani⁶⁸ dan Syeikh Abdul Samad⁶⁹ tidak menyebut dalam kitab mereka tentang meratap ke atas mayat.

Walaupun hadith yang digunakan oleh Zainal Abidin al-Fatani tidak jelas kesahihannya dari sudut perawi dan matan hadithnya, namun berdasarkan hadith yang digunakan oleh Syeikh Ali Kutan menunjukkan bahawa meratap atas kematian adalah salah satu sebab mayat diazab di dalam kubur. Penulis mendatangkan hadith sahih yang menerangkan bahawa mayat akan diazab disebabkan ratapan orang yang hidup, iaitu:

من ينْهَى عَلَيْهِ يَعْذَبُ بِمَا نَيَّحَ عَلَيْهِ

Barangsiapa yang diratapi atasnya, maka dia akan diazab disebabkan ratapan atasnya ”⁷⁰.

Sebuah lagi Hadith ialah:

عَنْ إِبْرَاهِيمَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِنَّ الْمَيْتَ لَمْ يَعْذَبْ فِي قَبْرِهِ بِكَاءٌ أَهْلِهِ

⁶⁶Bukhārī, Muhammad bin Ismā‘īl (t.t), *Sahīh Bukhārī*, Bab doa nabi S.A.W ke atas kafir Quraish pada hari badar, no Hadith 1246, j.7, al-Qaherah: Maktabah al-Jumhuriyyah al-‘Arabiyyah, Matba’ah Muhammad ‘Ai Sahih wa Awladih, h.242. Lihat Tirmizī, Muhammad bin ‘Isa (1994), *Sunan al-Tirmidhī*, no Hadith 1002, j.10, al-Qaherah: Matba’ah al-Madani, h.120.

⁶⁷ Kitab *Perisai bagi Sekelian Mukallaf*.

⁶⁸ Kitab *Durr al-Thamin*.

⁶⁹ Syeikh Abdul Samad dalam kitab *Siyar al-Salikin*.

⁷⁰ Ibn Hanbal, Ahmad ibn Muhammad (1998), *Musnad al-Imām Ahmad ibn Hanbal*, no hadith 17439, bab hadith al-Mughirah ibn Shu’bah r.a., riwayat Abdullah ibn Umar, Amman: Bayt al-Afkār al-Dawliyah, j.27, h.95.

Daripada Ibn Umar r.a. Sesungguhnya Nabi s.a.w. bersabda: Mayat disiksa di dalam kuburnya kerana ratapan yang ditujukan kepadanya.⁷¹

Kedua-dua hadith di atas adalah hadith sahih, yang terdapat dalam riwayat imam Ahmad dan juga Muslim, sebagai menguatkan lagi hadith yang digunakan oleh Zainal Abidin al-Fatani dalam kitab *Kasyf al-Ghaybiyyat* tentang azab ke atas mayat disebabkan oleh ratapan ahli keluarganya yang hidup.

4.5.2 Tidak Membantu Orang Yang Kena Zalim.

Antara sebab seseorang itu akan diazab di dalam kubur adalah disebabkan sikap tidak mahu membantu orang yang dalam kesusahan seperti orang yang sedang dizalimi. Di sini penulis akan menjelaskan dalil yang digunakan oleh Zainal Abidin al-Fatani dan ulama Melayu yang lain.

Zainal Abidin al-Fatani telah menggunakan hadith yang diriwayatkan oleh Abi Umāmah al-Bāhilī r.a:

Apabila diwafatkan akan laki-laki dan dihantarkan pada kuburnya, nescaya datanglah malaikat maut dan duduk ia di sisi kepalanya, dan diazab akan dia dan dipukul akan dia akan pukul yang satu dengan pukul daripada besi tiada tinggal satu anggota daripadanya melainkan putus ia, dan bernyala-nyala kuburnya dengan api, kemudian berkata ia berdiri olehmu dengan izin Allah, maka tiba-tiba ia duduk pada hal betul menjerit ia akan satu jerit yang mendengar akan dia oleh barang antara langit dan bumi melainkan jin dan manusia. Dan berkata ia bagi malaikat kerana apa engkau berbuat akan ini, dan kerana apa engkau azab akan daku, maka adalah sesungguhnya aku mendirikan sembahyang dan aku menunaikan zakat, dan aku puasa bulan Ramadhan, maka berkata malaikat itu, aku azab akan dikau dengan sebab bahawasanya engkau itu, telah lalu engkau pada suatu hari dengan orang yang kena zalm dan iaitu meminta tolong ia dengan engkau, maka tiada engkau menolong

⁷¹ Muslim Ibn al-Hajjaj (1998), *Sahīh Muslim*, no hadith 1536, bab mayat disiksa kerana ratapan ahli keluarganya, al-Riyad: Dar al-Salam, j.4, h.493.

*akan dia, dan engkau sembahyang satu hari dan tiada engkau istibra' daripada kencing engkau*⁷².

Maka berdasarkan khabar di atas jelaslah bahawa menolong orang yang zalim itu adalah wajib, sehingga boleh terlepas daripada azab yang dahsyat. Zainal Abidin al-Fatani juga menguatkan lagi hujahnya dengan mendatangkan sebuah hadith. Kata Zainal Abidin al-Fatani lagi:

من رأى مظلوماً فستغاث به ولم يغنه ضرب في قبره مائة سوط من النار

*Ertinya, Barangsiapa melihat ia akan orang yang teraninya maka memintak tolong ia kepadanya dan tiada ditolong ia akan dia, nescaya dipukul akan dia didalam kuburnya seratus kali pukul dengan tongkat daripada api neraka.*⁷³

Penulis tidak menjumpai matan hadith di atas, tetapi penulis telah menjumpai hadith yang memerintahkan supaya membantu orang yang dizalimi, iaitu hadith yang telah diriwayatkan oleh Anas bin Malik r.a.

عَنْ أَنَسِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ انْصُرْ أَخَاكَ ظَالِمًا أَوْ مَظْلُومًا قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ هَذَا نَنْصُرُهُ مَظْلُومًا فَكَيْفَ نَنْصُرُهُ ظَالِمًا قَالَ تَأْخُذُهُ قَوْقَ يَدَيْهِ

*Daripada Anas bin Malik r.a, katanya: Telah bersabda Rasulullah S.A.W.: Bantulah saudaramu yang zalim atau yang dizalimi, berkata para sabahat, wahai Rasulullah, kami tahu menolong orang yang dizalimi, maka bagaimana kami membantu orang yang berbuat zalim. Sabda Rasulullah, tahan tangannya daripada berbuat zalim.*⁷⁴

⁷² Zainal Abidin b. Muhammad (t.t), *Ibid*, h.32. Lihat Ahmad Yunus Langka (t.t), *Daqā'iq al-Akbār fi dhikr al-Jannah Wa al-Nār*, Patani: Matba'ah bin Halabi, h.14.

⁷³ Zainal Abidin b. Muhammad (t.t), *Ibid*, h.32. Lihat, Daraqutni, ‘Ali ibn Umar (2011), *Sunan al-Daraqutni*, no hadith 474, bab najis air kencing dan perintah membersihkannya, Beirut: Dar Ibn Hazm, j.2, h.7.

⁷⁴ Al-Bukhāri, Muhammad bin Ismā'il (t.t), Ṣahih Bukhari, no Hadith. 2263, Bab membantu saudaramu yang zalim dan yang dizalimi, j.8, al-Qaherah: Maktabah al-Jumhuriyah al-‘Arabiyyah, Matba'at Muhammad ‘Ali Sahih wa Awladih, h.312.

Hadith ini sama maksudnya dengan hadith yang telah digunakan oleh Zainal Abidin al-Fatani, sebagai dalil orang yang tidak menolong orang yang kena zalim akan menerima azab daripada Allah. Ibn Hajar al-`Asqalānī dalam *Fath al-Bārī* menyatakan telah menjadi perinsip kepada masyarakat Arab jahiliyah, mereka akan berusaha membantu kaum mereka di atas nama perkauman, bukan sahaja ketika mereka menjadi mangsa kezaliman tetapi juga apabila kaum atau bangsa mereka melakukan kezaliman⁷⁵

Rumusan daripada perbicangan di atas mendapati, membantu orang yang zalim dan orang yang kena zalim adalah wajib. Mereka yang meninggalkan amalan tersebut akan menerima azab daripada Allah S.W.T.

4.5.3 Tidak Cermat ketika Bersuci.

Islam mengutamakan kebersihan kerana ia mempunyai hubungan ibadah seperti solat dan sebagainya. Islam memberikan ancaman kepada orang yang tidak bersuci dengan baik menurut syarak, iaitu bersih dan suci. Penulis akan menjelaskan pandangan Zainal Abidin al-Fatani tentang perkara ini.

Zainal Abidin al-Fatani, mendatangkan hadith sebagai dalil, orang yang tidak bersuci dengan betul menurut syarak, akan diazab di dalam kubur.

إِسْتَنْزَهُوا مِنَ الْبَوْلِ فَانْ عَامَةُ الْعَذَابِ الْقَبْرُ مِنْهُ

*Suci olehmu daripada kencing, maka bahawasanya, kebanyakkan azab kubur itu daripadanya.*⁷⁶

⁷⁵ Ibn Hajar al-`Asqalānī, Ahmad bin `Ali (2011), *Fath al-Bārī bī Sharh Sahīh Bukhārī*, al-Riyad: Dar al-Tibāh, j.5, h.98.

⁷⁶ Zainal Abidin b. Muhammad (t.t), *Ibid*, h.30.

Syekh Abdul Kadir al-Mandili pula menjelaskan bahawa tidak memelihara kebersihan selepas kencing adalah salah satu sebab seseorang itu diseksa di dalam kubur. Beliau mengatakan bahawa hadith tentang azab kubur menurut Ahl Sunnah Wa al-Jamaah merupakan hadith yang mutawatir, seperti hadith berikut:

عَنْ أَبْنَ عَبَّاسِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ مَرَّ بِقَرْبَيْنِ يُعَذَّبَانِ،
فَقَالَ : إِنَّمَا لِيَعْذَبَانِ ، وَمَا يَعْذَبَانِ فِي كَبِيرٍ ، أَمَا أَحَدُهُمَا فَكَانَ لَا يَسْتَرِي مِنَ الْبُولِ ،
وَأَمَا الْآخَرُ فَكَانَ يَمْشِي بِالنَّمِيمَةِ . ثُمَّ أَخْذَ جَرِيدَةً رَطِبَةً فَشَفَقَهَا بِنَصْعَنِينِ ، ثُمَّ غَرَّ فِي
كُلِّ قَبْرٍ وَاحِدَةً ، فَقَالُوا : يَا رَسُولَ اللَّهِ ، لَمْ صُنِعْتَ هَذَا ؟ فَقَالَ : لَعْلَهُ أَنْ يُخْفَفَ عَنْهُمَا
مَا لَمْ يَبِسَا

Daripada Ibn Abbas r.a. bahawasanya Nabi s.a.w. lalu ia dengan dua kubur, bersabda ia: bahawasanya keduanya sesungguhnya diseksa keduanya. Dan tiada diseksa keduanya pada yang besar (yang sukar meninggalkannya). Adapun salah seorang daripada keduanya maka adalah ia tiada memelihara daripada kencingnya. Dan adapun yang lain maka ada ia berjalan dengan mengadu-ngadu. Maka memanggil ia (Nabi s.a.w) dengan pelelah tamar yang basah, maka membelah ia akan dia dua belah. Dan bersabda Nabi s.a.w: Muda-mudahan diringankan daripada keduanya selama belum kering keduanya⁷⁷.

Hadith di atas adalah berhubung dengan kewajiban *istibra'*. *Istibra'* ialah menghilangkan kotoran daripada kedua-dua tempat keluar najis, iaitu membersihkan air kencing, tahi dan mazi supaya tidak ada lagi kesan-kesan najis atau sisa najis yang tertinggal.⁷⁸ Secara umumnya cara untuk *istibra'* itu berbeza-beza mengikut kesesuaian dengan diri seseorang, tetapi tujuannya adalah sama untuk menghentikan aliran air kencing seperti berdehem-dehem. Walaupun begitu, makruh mengikat kemaluan untuk menghentikan air kencing dan makruh juga memakan masa yang lama berada di dalam tandas hanya semata-mata tujuan ber*istibra'*.⁷⁹

⁷⁷ Abdul Qadīr bin Abdul Mutallib (1961), *Ibid*, h.129. Al-Bukārī, Muhammad ibn Ismā'īl, (1950), *Šahīh al-Bukhārī* no hadith. 1673, bab meletak pelelah kurma di atas kubur, al-Qahirah: Maktabah al-Jumhuriyyah, j.5, h.148.

⁷⁸ Ibn 'Abidin, Muhammad Amin ibn 'Umar (2000), *Hasyiah Ibn 'Abidin*, Bayrut, j.1, Lubnan: Dar al-Ma'rifah, h.359.

⁷⁹ Zuhaylī, Wahbah (2010), *Fiqh al-Islām wā Adillatuhū*, j.1, Dimashq: Dar al-Fikr, h.194.

Hadith ini juga mengambarkan dua orang yang diberi ancaman azab di dalam kubur. Antaranya, orang yang tidak memelihara dari najis kencing, yakni dia tidak *istibrak* dan tidak membersihkannya sehingga suci. Bersih dan suci merupakan dua perkara yang berbeza. Bersih tidak semestinya suci, dan suci pula tidak mesti bersih. Contoh, hingus walaupun ia tidak najis tetapi ia adalah kotor, dan kain yang terkena kencing dibasuh tetapi tidak mengikut syarak seperti tidak dibilas dengan yang suci, maka ia adalah tidak suci, walau pun ia nampak bersih. Jika dipakai untuk solat maka solatnya tidak sah, dan Maka sebab itulah Nabi s.a.w. menekankan tentang kebersihan dan kesucian, sehingga orang lalai dari menjaga kebersihan dan kesucian diancam dengan seksa kubur.

4.6 Jenis-Jenis Azab Kubur.

Apabila disebut azab kubur, maka fikiran akan terbayang seksaan yang amat pedih berlaku di alam kubur. Berdasarkan khabar daripada al-Quran dan al-Hadith, maka terdapat beberapa jenis azab kubur, antaranya himpitan kubur, dan dipertontonkan tempat tinggalnya di neraka.

4.6.1 Himpitan Kubur.

Himpitan kubur juga merupakan salah satu jenis azab yang berlaku di alam kubur. Dalam perbincangan ini penulis menerangkan beberapa dalil berlakunya himpitan kubur, yang digunakan oleh Zainal Abidin al-Fatani dan ulama Melayu yang lain.

Zainal Abidin al-Fatani menggunakan hadith riwayat al-Barra' yang terdahulu, sebagai hujah berlakunya himpitan kubur. Zainal Abidin al-Fatani juga mendatangkan hadith yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik:

Dan diriwayat daripada Anas bin Malik r.a, berkata ia: Bersabda Nabi a.s: Apabila dihantarkan mayat di dalam kubur dan dikambuskan tanah atasnya, berkata ahli dan anaknya، وليد اشفيه، maka berkata malaikat yang memukul, adakah engkau dengar barang

*yang berkata mereka, maka berkata ia bahkan. Maka berkata malaikat, adakah engkau itu syarif. Maka berkata hamba itu, bermula mereka itu berkata yang demikian hai...muda-mudahan mereka diam. Maka dihimpit akan dia oleh kubur maka berselisih segala tulang rusuknya....*⁸⁰

Hadith yang dinyatakan oleh Zainal Abidin al-Fatani, kedua-duanya sebagai dalil berlakunya himpitan kubur ke atas mayat, sehingga berselisih tulang rusuknya. Tiada siapa yang boleh terlepas dari himpitan kubur, sebagaimana hadith Nabi s.a.w.:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَوْ نَجَا أَحَدٌ مِّنْ
صَبْغَةِ الْقَبْرِ لَنْجَا سَعْدُ بْنُ مَعَاذٍ

*Daripada Aishah r.a. bahawa Rasulullah s.a.w bersabda: Jika seseorang boleh terlepas dari himpitan kubur, nescaya Saad bin Muaz terlepas daripada himpitan kubur.*⁸¹

Dalam hadith di atas Rasulullah s.a.w memberi jaminan, sekiranya ada seorang yang boleh terlepas dari himpitan kubur, maka Sa'ad bin Mu'āz adalah orang yang akan terlepas daripadanya. Sa'ad bin Mu'āz merupakan salah seorang sahabat yang dikasih oleh Nabi s.a.w kerana beliau sentiasa bersama-sama Nabi s.a.w, hampir dalam setiap peperangan. Ketika kematian Sa'ad bin Mu'āz, jasadnya telah dihimpit oleh kubur, lalu Nabi s.a.w mendoakannya supaya diringankan himpitan, lalu diperkenankan oleh Allah.⁸² Maka wajib beriman adanya himpitan kubur kerana ia datang nabi s.a.w. sebagaimana dijelaskan oleh Syeikh Daud al-Fatani dengan katanya:

*“Dan demikian lagi kita i’tiqād pula nikmat kubur, seksanya dan himpitannya dan jika lalu dimakan oleh binatang atau dibakar akan dia dengan api dan ditabur kepada angin sekali pun.”*⁸³

Dan Katanya lagi:

⁸⁰ Zainal Abidin al-Fatani (t.t), *Ibid*, h.33.

⁸¹ Ibn Hibbān, Muhammad Ibn Hibbān (1993), *Sahīh Ibn Hibbān*, no hadith. 3177, Bab keadaan mayat di dalam kubur, Bayrut: Mu'assasat al-Risalah, j.13, h.217.

⁸² Al-Munāwī, Abd al-Ra'uf ibn Taj al-'Ārifin (1972), *Fayd al-Qadīr Sharh al-Jāmi' al-Saghīr*, Bayrut: Dar al-Ma'arifah, j.2, h.574.

⁸³ Daud bin Abdullah (t.t), *Ibid*, h. 69.

“Dan setengah daripada azab kubur bagi orang kafir dan orang yang ‘ashi (derhaka) dihimpitkan kuburnya, dan dilentangkan api pagi dan petang, dan didatangkan ular dan kala dan lainnya daripada bagai-bagai azab”⁸⁴.

Manakala Syeikh Ali kutan pula menyebut dalam kitabnya *Jawhar al-Mawhūb Wa Munabbihāt al-Qulūb*, tentang berlakunya himpitan kubur keatas mayat. Katanya:

*“Dan apabila ditanamkan hamba yang kafir dan fajir yakni yang fasiq, berkata kubur baginya أَنْجَعْتُكَ وَأَبْهَقْتُكَ adalah engkau terlebih benci orang yang berjalan di atas belakangku kepadaku, maka dipicikkan (himpitkan) kubur atasnya hingga bermasuk-masuk tulang lambungnya dan nabi s.a.w isyaratkan dengan jarinya dengan memasukkan setengah akan setengahnya”.*⁸⁵

Syeikh Abdul Qadīr al-Mandilī pula mendatangkan maksud hadith tentang himpitan kubur ke atas mayat serta menjelaskan perawi hadith tersebut, dengan katanya:

*“Dan disempitkan atasnya kuburnya hingga berselisih segala tulang rusuknya, menceritakan akan dia oleh al-Bukhari dan Muslim dan Imam Ahmad dan Abu Daud dan al-Nasā’i, Wa Allah A’lam”*⁸⁶.

Berdasarkan perbincangan di atas, himpitan kubur ini berlaku ke atas setiap manusia yang telah meninggal dunia, sama ada mempunyai kubur atau pun tiada, yang mukmin atau kafir. Maka himpitan kubur ini berbeza-beza keadaanya mengikut keadaan mayat yang dikuburkan itu. Adapun bagi orang yang beriman, himpitan itu adalah himpitan yang berlemah lembut seperti seorang memeluk anaknya. Adapun orang yang kafir, maka himpitan itu merupakan himpitan yang sangat keras sebagai balasan terhadap dosa yang mereka lakukan. Zainal Abidin al-Fatani menthabitkan himpitan kubur berdasarkan hadith yang diriwayatkan oleh al-Barra’ yang telah disebutkan terdahulu.

⁸⁴Ibid.

⁸⁵ Alī bin Abdul Rahmān (t.t), *Ibid*, h.188.

⁸⁶ Abdul Qadīr bin Abdul Mutallib (1961). *Ibid*, h.129.

4.6.2 Ditayangkan Tempat Tinggal Mayat Di Neraka Atau Syurga.

Setiap mayat yang berada di alam kubur akan diperlihatkan tempat tinggalnya di akhirat nanti, sama ada di syurga atau neraka. Antara azab di dalam kubur ialah dibentang gambaran tempat tinggalnya di neraka. Dalam topik ini, penulis membuat perbandingan dengan menjelaskan hujah yang digunakan oleh Zainal Abidin al-Fatani dan ulama Melayu yang lain.

Zainal Abidin al-Fatani menggunakan maksud hadith sebagai hujah bagi menjelaskan tentang azab kubur sehingga beliau menjelaskan bahawa setiap mayat akan dilentangkan tempat tinggal mereka sama ada di syurga atau neraka, bergantung kepada amalan yang ia telah lakukan semasa di dunia. Kata Zainal Abidin al-Fatani:

Jika adalah mayat itu orang yang berbahagia, maka jawab ia: Bermula Tuhanku itu Allah dan Nabiku Muhammad a.s dan agamaku Islam, dan imamku al-Qur'an, dan kiblatku ka'bah, dan saudaraku segala mukmin dan muslim. Maka berkata keduanya bagi mayat, tidur olehmu sebagai tidur mempelai, dan dibukakan oleh keduanya bagi mayat suatu tingkap di sisi kepala mayat, maka menilik ia kepada tempat duduknya didalam syurga....⁸⁷

Kata Zainal Abidin al-Fatani lagi:

Telah bersabda Nabi s.a.w: Maka dikembalikan oleh mereka (malaikat) akan rohnya kepada jasadnya dan datanglah akan dia oleh dua orang malaikat yang hebat keduanya maka menduduk oleh keduanya akan dia, maka berkata oleh keduanya bagi mayat itu, ﷺ (hingga akhir hadith). Maka berkata keduanya bagi mayat itu, apa engkau kata pada laki-laki ini yang dibangkitkan pada kamu, yakni Muhammad s.a.w. Maka berkata ia, iaitu Rasul Allah yang diturunkan atasnya Qur'an dan aku percaya dengan dia. dan aku membenar akan dia. Maka diseru dari pihak langit telah benarlah hambaku, maka hamparkan olehmu baginya satu hamparan daripada syurga dan beri pakai olehmu akan dia satu pakaian daripada syurga, dan telah membuka oleh mereka baginya satu pintu daripada syurga.⁸⁸

⁸⁷ Zainal Abidin b. Muhammad (t.t), *Ibid*, h.30.

⁸⁸ *Ibid*, h.31.

Kata Zainal Abidin al-Fatani.

Dan telah bersabda Nabi s.a.w: Kemudian datang akan dia oleh laki-laki yang keji mukanya lagi lagi busuk baunya, maka berkata ia, maka demi Allah tiada engkau amalkan, tetapi adalah engkau lambat daripada ta'at, bersegera pada maksiat Allah, maka berkata mayat siapa engkau ini, tiada aku lihat dalam dunia, terlebih keji daripada engkau, maka berkata ia, akulah amal engkau yang jahat, kemudian dibukakan baginya satu pintu kepada neraka, maka menilik ia kepada tempat duduknya di dalam neraka, maka sentiasalah ia seperti demikian itu hingga hari kiamat.⁸⁹

Penulis tidak menjumpai matan hadith-hadith yang digunakan oleh Zainal Abidin al-Fatani sebagai dalil bahawa setiap mayat akan ditayangkan tempat tinggalnya sama ada di syurga atau neraka. Tetapi penulis telah menjumpai hadith riwayat 'Abd Allah bin 'Umar, yang hampir sama maksudnya, iaitu:

. عبد الله بن عمر رضي الله عنهمَا، أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: إِنَّ أَحَدَكُمْ إِذَا مَاتَ عَرَضَ عَلَيْهِ مَقْعِدَهُ بِالْعُدَاءِ وَالْعُشَيِّ، إِنَّ كَانَ مِنْ أَهْلِ الْجَنَّةِ فَمِنْ أَهْلِ الْجَنَّةِ، وَإِنْ كَانَ مِنْ أَهْلِ النَّارِ فَمِنْ أَهْلِ النَّارِ، فَيُقَالُ: هَذَا مَقْعِدُكَ حَتَّى يَعْثُكَ اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

Daripada 'Abd Allah bin 'Umar r.a: Bahawa Rasulullah S.A.W bersabda: Jika mati seseorang kamu nescaya diperlihatkan tempat tinggalnya pagi dan petang, jika dia dari ahli syurga maka diperlihatkan tempat tinggalnya di syurga. Jika dia dari ahli neraka, maka diperlihatkan tempat tinggalnya di neraka dan dikatakan kepadanya, inilah tempat tinggal kamu sehingga hari kiamat.⁹⁰

⁸⁹ *Ibid*, h.32.

⁹⁰ Ibn Hanbal, Ahmad bin Muhammad (1998), *Musnad Imam Ahmad*, no Hadith. 64930, j. 8, Amman: Bayt al-Afkar al-Dawliyah.

Hadith yang disebut oleh Zainal Abidin al-Fatani, mengambarkan bahawa setiap orang yang meninggal dunia sama ada orang yang ta'at atau derhaka ketika di dalam kubur, akan ditayangkan akan tempat tinggal mereka syurga atau neraka. Syeikh Ali Kutan pula menthabitkan bahawa mayat didalam kubur akan ditayangkan tempat tinggal mereka sama ada di syurga atau neraka, tetapi beliau telah menggunakan hadith yang hampir sama maksudnya sebagai hujah, kata Syeikh Ali kutan:

وقال عليه السلام إذا مات إحدكم عرض عليه مقعده بالغداة والعشي إن كان من أهل الجنة فمن
أهل الجنة وإن كان من أهل النار فمن أهل النار يقال هذا مقعده حتى يبعثك الله إليه يوم
القيمة.

Dan sabda Nabi s.a.w: Apabila mati seorang kamu seorang kamu dilentangkan atasnya akan tempat kedudukannya yakni daripada syurga atau daripada neraka dengan pagi-pagi dan petang-petang, jika ada ia dari ahli syurga maka daripada ahli syurga, dan jika ada ia dari ahli neraka maka dari ahli neraka. Dikatakan, inilah tempat duduk engkau hingga dibangkitkan dikau oleh Allah pada hari kiamat.⁹¹

Syeikh Abdul Qadīr al-Mandīl dalam kitabnya *Perisai Bagi Sekelian Mukallaf*, telah menjelaskan bahawa azab kubur itu *thabit*, dan antara azab kubur itu ialah mayat di dalam kubur akan ditayangkan tempat duduknya di syurga atau neraka. Ini dibuktikan dengan kata beliau:

Dan setengah daripadanya (azab kubur) hadith daripada Anas r.a. Bahawa Nabi s.a.w bersabda ia, bahawasanya hamba apabila dihantarkan akan dia di dalam kuburnya, dan berpaling daripadanya segala kawannya: Bahawasanya sesungguhnya mendengar ia akan suara sepatu mereka, maka datanglah akan dia oleh dua malaikat, maka mendudukkan keduanya akan dia. Maka berkata keduanya baginya, apa engkau kata pada ini laki-laki? (Muhammad s.a.w) Maka adapun orang yang beriman, maka berkata ia aku naik saksi bahawa ia hamba Allah, dan pesuruhnya. Maka dikatakan baginya: Tilik olehmu kepada tempat duduk engkau daripada api neraka,

⁹¹Alī bin Abdul Rahmān (t.t), *Ibid*, h.192. Al-Bukhāri, Muhammad bin Ismāīl (t.t), *Ṣahih Bukhari*, no Hadith. 1937, j.8, al-Qaherah: Maktabah al-Jumhuriyah al-‘Arabiyyah, Matba’at Muhammad ‘Ali Sahih wa Awladih, h.312.

*sesungguhnya telah menganti akan engkau oleh Allah ta’ala dengan dia akan tempat duduk daripada syurga*⁹².

Manakala Syeikh Daud al-Fatani telah menyebut dalam kitabnya *al-Durr al-Thamīn* bahawa terdapat pelbagai azab yang di dalam kubur bagi orang Islam yang derhaka dan bagi orang yang kafir, antaranya dilentangkan api pagi dan petang. Ini dibuktikan melalui kata beliau:

*Dan setengah daripadanya azabnya bagi orang kafir dan orang ‘ashi (derhaka) dipicikkan kuburnya dan dilentangkan api pagi dan petang dan didatangkan ular dan kala dan lainnya daripada bagai-bagai azabnya.*⁹³

Zainal Abidin al-Fatani telah menggunakan maksud hadith sebagai bukti, bahawa setiap mayat akan ditayangkan tempat tinggalnya di syurga atau neraka. Bagi orang yang kafir dan yang derhaka akan dibentangkan tempat tinggal mereka di neraka sebagai azab kepada mereka di dalam kubur. Zainal Abidin al-Fatani dan beberapa orang ulama Melayu mempunyai pandangan yang serupa pada membuktikan bahawa melihat kepada api neraka yang dilentangkan kepada orang kafir dan orang yang derhaka itu merupakan sebahagian daripada azab kubur.

4.7 Dalil sabitnya azab kubur.

Azab kubur adalah perkara akidah yang perlu kepada dalil sama ada hadith atau al-Qur'an, untuk menguatkan hujah. Oleh itu penulis mendatangkan beberapa dalil yang digunakan oleh Zainal ‘Abidin al-Fatani dan ulama Melayu yang lain serta beberapa pandangan ulama muktabar berhubung dengan dalil azab kubur.

⁹² Abdul Qadīr bin Abdul Mutallib (1961), *Ibid*, h.129.

⁹³ Daud bin Abdullah (t.t), *Ibid*, h. 69

Abu Bakar Jābir al-Jazā'iry menjelaskan bahawa nikmat kubur dan azabnya *thabit* berdasarkan dengan dua dalil, iaitu dalil *aqli* dan *naqli*. Dalil *aqli* ialah dalil yang menggunakan akal, yakni, nikmat dan azab kubur adalah suatu perkara yang tiada mustahil. Manakala suatu yang tiada mustahil maka ia dihukumkan sebagai harus, kerana berlakunya nikmat atau azab kubur ke atas mayat di dalam kubur tidak membawa kepada wajib berlawanan pada akal.⁹⁴

Adapun dalil *naqli* iaitu dalil yang menggunakan al-Qur'an atau al-hadith, Sebagaimana hadith daripada Ibn Abbas r.a bahawa Nabi s.a.w mengajarkan doa mohon perlindungan daripada azab kubur⁹⁵.

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ عَذَابِ جَهَنَّمَ وَمِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ فِتْنَةِ الْمَسِيحِ
الْدَّجَالِ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ فِتْنَةِ الْمَحْيَا وَالْمَمَاتِ

*Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung denganmu daripada seksa neraka jahannam dan daripada seksa kubur dan aku berlindung kepada engkau daripada fitnah al-Masih al-Dajjal dan aku berlindung kepada engkau daripada fitnah hidup dan mati.*⁹⁶

Zainal Abidin al-Fatani dalam *Kasyf al-Ghaybiyyāt* telah menthabitkan kewujudan azab kubur, dengan mendatangkan beberapa hadith sebagai hujah.

من رأى مظلوماً فاستغاث به ولم يغثه ضرب في قبره مائة سوط من النار

*Barang siapa melihat ia akan orang yang kena zalim, maka meminta tolong ia kepadanya, dan tiada ditolongakan dia, nescaya dipukul akan dia didalam kuburnya seratus kali pukul dengan tongkat dari api neraka*⁹⁷.

⁹⁴ Al-Jazā'iry, Abu Bakr Jābir (2000), 'Aqidah al-Mu'min, Mesir: Dar. al-Salam, h.234.

⁹⁵ Ibn Qayyim (1999), al-Rūh, Kathur Suhardi (terj), Jakarta: Pustaka al-Kauthar, h.98.

⁹⁶ Hadith riwayat Bukhāri, no hadith 1377, *Sahih al-Tirmidhi*, no hadith 3494.

⁹⁷ Zainal Abidin b. Muhammad (t.t), *Ibid*, h.32

Berdasarkan hadith-hadith tentang azab kubur yang telah disebutkan oleh Zainal Abidin al-Fatani di dalam kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt*, penulis yakin bahawa beliau salah seorang ulama yang memiliki nilai ilmu yang tinggi khususnya dalam bidang akidah. Aliran pemikiran beliau dalam akidah khususnya terhadap azab kubur, adalah berpegang dengan akidah Ahl al-Sunnah Wa al-Jamaah yang bermazhabkan al-Asyā'irah.

Manakala sudut perbandingan pemikiran beliau dengan ulama Melayu seperti Syeikh Daud, Syeikh Ahmad, terhadap azab kubur terdapat persamaan pada menthabitkan wujudnya azab kubur dan perkara-perkara yang berlaku dialam kubur seperti soal mungkar dan nakir, serta himpitan kubur.

Syeikh Ali Kutan berkata:

“Dan apabila di tanam hamba yang kafir dan yang fajir yakni yang fasiq berkata kubur baginya مرجع اٰن لَهُ، مَعِيشَةً ضَنْكًا adalah engkau orang yang terlebih benci orang yang berjalan di atas belakangku dan dipicitkan (disempitkan) kubur atasnya hingga bermasuk-masuk tulang lambungnya dan adalah Nabi s.a.w mengisyaratkan dengan jarinya dengan memasukkan setengah akan setengahnya dan sabdanya: Dikerasi baginya sembilan puluh sembilan ular, jikalau bahawasanya satu ular menghembuskan nafasnya pada bumi nescaya tiada tumbuh suatu selama tinggal dunia. Maka mengigit segala ular itu akan dia hingga hari kiamat.”⁹⁸

Kenyataan di atas mengambarkan betapa dahsyatnya azab kubur, iaitu dikerasi oleh ular yang berbisa. Perkara ini telah dibicangkan oleh ulama, ketika menafsirkan firman Allah s.w.t:

وَمَنْ أَعْرَضَ عَنْ ذِكْرِي فَإِنَّ لَهُ، مَعِيشَةً ضَنْكًا

*Dan sesiapa yang berpaling ingkar dari ingatan dan petunjukku,
maka sesungguhnya adalah baginya kehidupan yang sempit.*

Surah Taha (20): 124.

⁹⁸ Ali bin Abdul Rahman (t.t), *Ibid*, h.188.

Al-Bayḍāwī menafsirkan dikehendaki dengan kehidupan yang sempit ialah kehidupan di alam kubur.⁹⁹ Menurut Imām Fakhr al-Dīn al-Rāzī, ada beberapa penafsiran maksud kehidupan yang sempit. Pertama, pendapat sebahagian ulama tafsir mengatakan, kehidupan yang sempit di dunia, iaitu bagi orang kafir, kerana selama-lamanya mereka mencari kelebihan dunia sehingga tidak beriman kepada Allah. Kedua, maksud kehidupan yang sempit ialah azab kubur, pendapat ini berdasarkan pandangan ‘Abd Allāh Ibn Mas’ūd, Abī Sa’īd al-Khudrī dan ‘Abd Allāh Ibn ‘Abbas, berdalilkan kepada hadith yang diriwayatkan daripada Abi Hurairah r.a, sabda Nabi s.a.w.:

إِنْ عَذَابَ الْقَبْرِ لِلْكَافِرِ قَالَ وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ إِنَّهُ لَيُسْلِطُ عَلَيْهِ فِي قَبْرِهِ تِسْعَةٌ وَتِسْعَوْنَ

تَنِينًا

*Sesungguhnya azab kubur bagi orang yang kafir, baginda bersabda: Demi diriku dalam kekuasannya, sesungguhnya dia akan dikerasi oleh Sembilan puluh Sembilan ular tinnin. Apakah kamu tahu apakah tinnin. Rasulullah s.a.w. bersabda: Sembilan puluh Sembilan ekor ular, setiap seekor memiliki tujuh kepala.*¹⁰⁰

Dan ketiga, kehidupan yang sempit di akhirat iaitu dalam neraka Jahannam, makanannya buah zakum dan minumannya air danur dan mereka tidak mati. Ini adalah pendapat al-Hasan, Qatādah dan al-Kalbī.¹⁰¹ Al-Bayḍāwī dan al-Rāzi mendatangkan hujah tentang azab kubur dengan al-Qur'an dan hadith, dan jelaslah dalil azab kubur terdapat dalam al-Qur'an. Maka di sini berlaku penafsiran al-Qur'an dengan al-Hadith. Manakala Syeikh Ahmad al-Fatani menyatakan bahawa azab kubur itu *thabit*, setiap yang mati pasti akan merasa sama ada nikmat atau pun azab seperti himpitan kubur sehingga berselisih tulang rusuk. Namun begitu terdapat juga mereka yang terlepas daripada himpitan kubur. Kata Syeikh Ahmad al-Fatani:

⁹⁹ Al-Bayḍāwī, ‘Abd. Allāh ibn ‘Umar (1968), *Anwār al-Tanzīl wa asrār al-Ta’wīl*, Misr: Mustafa al-Babi al-Halabi, j.4, h.157.

¹⁰⁰ Ibn Hibbān, *Sahīh Ibn Hibbān*, no hadith 3187, Bab kelakuan mayat di dalam kubur, j.13, h.238

¹⁰¹ Al-Rāzī, Fakhr al-Dīn Muhammad ibn ‘Umar (1934), *al-Tafsīr al-Kabīr*, al-Qahirah: al-Matba’ah al-Bahiyah al-Misriyah, j.10, h.484.

*Bahawasanya setengah daripada mereka yang mati itu diazabkan di dalam kuburnya dan setengah daripada mereka itu di dalam nikmat.*¹⁰²

Dan kata Syeikh Ahmad lagi:

*Dan setengah daripada azab kubur itu bahawa mengapit oleh dua lambung kubur sehingga berselisih segala tulang rusuknya dan tiada terlepas daripadanya melainkan beberapa orang yang diistisna'kan daripadanya seperti orang yang membaca surah al-ikhlas ketika sakit matinya.*¹⁰³

Muhammad Nafis al-Banjari dalam kitabnya *al-Durr al-Nafis* menjelaskan bahawa dengan memperbanyak selawat ke atas nabi s.a.w dapat meringankan azab kubur. Beliau mendatangkan dua kisah laki-laki yang diazab di dalam kubur, dan kemudian dilihat dalam mimpi mereka mendapat syafā'at daripada Nabi s.a.w dengan sebab mereka banyak berselawat ke atas baginda. ini menunjukkan bahawa azab kubur itu wujud¹⁰⁴. dan wajib beriman dengannya.

4.8 Aliran Pemikiran Zainal Abidin al-Fatani Tentang Azab Kubur.

Mazhab salaf dan para imam-imamnya,¹⁰⁵ berpendapat bahawa seseorang manusia itu apabila telah mati terlantar menjadi mayat, maka rohnya akan kekal hidup setelah bercerai dari jasad roh itu masih menghubungi jasadnya pada masa-masa yang tertentu dan ia sama-sama merasai nikmat dan azab yang diterima oleh jasad.¹⁰⁶ Pendapat ulama salaf ini tidak ditolak oleh Zainal Abidin al-Fatani, kerana di dalam kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt* telah disebut oleh Zainal Abidin al-Fatani yang telah menaqalkan daripada perkataan Yafi'i. Kata Zainal Abidin:

¹⁰² Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani (t.t), *Farīdah al-Farā'id fī 'Ilm al-'Aqā'id*, Pulau Pinang: Maktabah wa Matba'ah Dar al-Ma'arif, hlm 20.

¹⁰³ *Ibid.*

¹⁰⁴ Muhammad Nafis b. Idris al-Banjari (t.t) *Al-Dur al-Nafis*, Patani: Matba'ah bin Halabi, h. 39.

¹⁰⁵ Mazhab salaf yang dimaksudkan oleh penulis di sini ialah mereka yang berada zaman Nabi s.a.w. kurun sahabat, tābi'īn dan tabi' tābi'īn. Seperti Imām Ahmad ibn Hanbal, Sufyan ibn Thawrī dan Muhammad ibn Jarīr al-Tabarī.

¹⁰⁶ Sayyid Sābiq (1988), *Ibid*, h.386.

Telah berkata al-Yāfi’ī,¹⁰⁷ bermula mazhab Ahl al-Sunnah bahawa segala arwāh mawtā (orang yang telah mati) pergi datang ia pada setengah daripada waktunya daripada ‘illiyyīn atau daripada sijjīn kepada jasad mereka di dalam kubur mereka pada ketika dikehendaki Allah s.w.t istimewa pula pada malam jumaat duduk mereka itu dan berkata-kata mereka itu dan beroleh nikmat oleh ahli nikmat dan diazab ahli azab bekata ia, tertentu segala arwah tiada jasad dengan nikmat atau azab selama ada ia dalam illiyīn atau pada sijjīn. Dan di dalam kubur itu bersyarikat oleh roh dan jasad. Aku kata bermula qawl yang sebenarnya thabit yang demikian itu baginya serta jasad mutlaq.¹⁰⁸

Abu Bakar Jābir al-Jazā’irī menjelaskan bahawa kubur merupakan perhentian yang pertama bagi kehidupan yang kedua, dan kubur juga sebagai pintu masuk ke negeri akhirat, dan di dalam kubur juga roh dan jasad sama-sama akan merasa nikmat atau azab.¹⁰⁹ Terdapat beberapa fahaman serta tanggapan yang mengelirukan terhadap azab kubur, seperti aliran pemikiran golongan Muktazilah yang mengingkari azab kubur,¹¹⁰ pada hal persoalan tersebut telah disepakati oleh Sahabat dan tabi’īn¹¹¹.

Antara golongan yang menafikan azab kubur ialah Muktazilah, dan akal meraka tidak menerima azab kubur berlaku terhadap roh sahaja atau jasad sahaja atau roh bersama jasad, Muktazilah juga mempersoalkan, kalau tubuh sahaja yang diazab seksa tanpa bersama rohnya, maka tubuh itu tidak merasa apa-apa kesakitan, dan kalau rohnya sahaja yang diseksa tanpa bersama tubuh roh itu di dalam kubur, atau kedua-duanya (tubuh dan roh) ada di dalam kubur, adakah mereka boleh hidup kembali di dalam kubur? duduk tegak di dalam kubur yang sempit itu? Golongan muktazilah menimbulkan persoalan ini kerana mereka meyakini dan mempercayai bahawa akal mereka mengatasi kehendak dan kekuasaan Allah Taala. Dan mereka menganggap

¹⁰⁷ Abdullah al-Yāfi’ī (1300-1376M), Penulis kitab *Riyād al-Rayyāhin Fī Hikāyat al-Sālihiṇ*. beliau merupakan murid kepada seorang guru tasawuf iaitu Abū Mas’ūd Abdulllah bin Mas’ūd al-Jawi, yang menjadi guru negeri Arab. Lihat dalam, A. Shihābuddīn (2013), *Membongkar Kejumudan Menjawab Tuduhan Wahhabi Salafi*, Jakarta: Noura Books, h.486.

¹⁰⁸ Zainal Abidin al-Fatani (t.t), *Ibid*, h. 41.

¹⁰⁹ Abū Bakr al-Jazā’irī (2000), *Akīdah al-Mukmin*, Mesir: Dar. al-Salam, h.231.

¹¹⁰ Nukmān Ibn Mahmūd al-Alūsī (1402H) *Al-Āyāt al-Bayyināt Fī Adam Simā’ al-Amwāt Aynd al-Hanafiyah al-Sadāt*. Beirut: Maktabah al-Islam, h.89.

¹¹¹ Nukmān Abas (2002), *Al-Asy’ari Misteri Perbuatan Manusia dan Takdir Tuhan*, Jakarta: Penerbit Erlangga, h.112.

bahawa akal mereka adalah mengatasi syariat Allah yang berteraskan Qur'an dan hadith.¹¹² Orang-orang Atheis dan Zindiq mengingkari siksa kubur, kelapangan dan kesempitannya, keadaannya sebagai lubang api neraka atau taman syurga, mereka berkata:

"Kami pernah membongkar kuburan dan kami tidak mendapti malaikat, yang buta ataupun yang bisu yang memukuli mayat dengan pemukul daripada besi, di sana kami juga tidak mendapti ular, kala jengking dan api yang menjulang-julang, ketika dulu kami meletakkan mayat didalam kubur dalam keadaan tertentu, ternyata kami mendapatkannya tetap seperti keadaan semula. Sekiranya dulu melumuri matanya dengan dengan air raksa dan menacapkan tombak di dadanya, kami mendapatkannya tetap keadaannya yang dulu. Yang katanya mayat dapat memandang sejauh dia memandang atau kuburnya disempitkan, ternyata kami mendapatkannya tetap sedia kala. Liang lahat yang dulu kami gali tidak menjadi lebih luas dan tidak pula berkurang. Apakah liang lahat itu cukup untuk mayat dan para malaikat yang menakut-nakutinya atau menyenangkannya?"¹¹³

Merujuk kepada kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt*, penulis dapati bahawa pemikiran Zainal Abidin al-Fatani tentang azab kubur tidak cenderung kepada aliran pemikiran Muktazilah. Perkara ini dapat dibuktikan dengan bahawa Muktazilah menafikan kewujudan azab kubur bahkan mempersoalkan pula siapa yang akan diazab roh atau jasad? Berbeza Zainal Abidin al-Fatani dalam kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt*, beliau menhabitkan azab kubur berdasarkan dalil. Beliau tidak mempersoalkan siapa yang diazab, tetapi sebaliknya beliau menjelaskan terdapat perbezaan pendapat, dan akhirnya beliau menjelaskan dengan katanya:

"Dan yang sahih di sisi ahl al-ilmi bahawa wajib ikrar (mengaku) oleh hamba itu dengan azab kubur dan jangan masyghul dengan kaifiyatnya"¹¹⁴

¹¹² Sa'īd bin Ibrāhīm (1997), *Perbandingan Akidah dan fahaman umat Islam*. Kuala Lumpur: Dar al-Ma'arifah, h.316.

¹¹³ Ibn Qayyim al-Jawziyah (1999), *Ibid*, h.113.

¹¹⁴ Zainal Abidin b. Muhammad (t.t), *Ibid*, h.29.

Zainal Abidin juga tidak cenderung kepada aliran pemikiran Atheis yang menolak azab kubur dan menolak sempit dan lapang kubur dan menolak tentang keadaan kubur sebagai satu lubang dari lubang neraka. Perkara ini dapat dibuktikan dalam kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt*, Zainal Abidin al-Fatani menthabitkan azab kubur, seperti himpitan kubur dan begitu juga nikmat kubur seperti luas kubur seluas mata memandang. Kata Zainal Abidin al-Fatani:

“Maka berkata keduanya (Munkar dan Nakir) baginya (mayat), siapa tuhan kamu, maka sahut kafir tiada aku tahu, maka menyeru oleh yang menyeru dari pihak kuburnya, pukul olehmu akan dia, maka memalu oleh keduanya akan dia dengan pukul dari besi jikalau berhimpun segala makhluk sekeliannya nescaya tidak dapat mengangkat akan dia oleh mereka dan nyalah daripadanya oleh kuburnya akan api maka dihimpit oleh kubur itu akan dia hingga berselisih segala tulang rusuknya....”¹¹⁵

Untuk mengetahui aliran pemikiran Zainal Abidin al-Fatani, maka penulis telah meneliti pemikiran al-Asy'arī tentang azab kubur. al-Asy'arī telah menthabitkan azab kubur, al-Asy'arī juga telah menggunakan dalil naqli bagi menguatkan hujahnya iaitu daripada al-Qur'an dan juga al-hadith.¹¹⁶

Dalil al-Qur'an:

الَّذِينَ يُرَضِّونَ عَلَيْهَا غُدُوًّا وَعَشِيًّا وَيَوْمَ تَقُومُ السَّاعَةُ أَدْخِلُوا إِلَى فِرْعَوْنَ أَشَدَّ الْعَذَابِ

Mereka didedahkan kepada bahang api neraka pada waktu pagi dan petang (semasa mereka berada dalam alam Barzakh) dan pada hari berlakunya kiamat (diperintahkan kepada malaikat): Masukkanlah Firaun dan pengikut-pengikutnya ke dalam azab seksa api Neraka yang seberat-beratnya!

Surah Ghafir (40): 46.

¹¹⁵ *Ibid*, h.32.

¹¹⁶ Abū al-Hasan ‘Alī bin Ismā‘il al-Asy’arī (1981) *al-Ibānah an Usūl al-Diyānah*, Dimashq: Maktabah Dar. al-Bayan, h.181.

Al-Asy'arī menafsirkan ayat ini dengan bahawa Allah akan mengazab orang kafir pada hari kiamat setelah didedahkan mereka di atas api di dunia pada waktu pagi dan petang. Orang kafir akan diazab sebanyak dua kali, kali pertama dengan pedang, kali kedua di dalam kubur dan kali ketiga pada hari kiamat kelak.¹¹⁷ Imām al-Tabarī menjelaskan ayat di atas menunjukkan betapa buruknya azab yang ditimpakan kepada Fir'aun dan pengikutnya. Apabila mereka dibinasakan oleh Allah dengan tenggelam di laut merah, kemudian Allah jadikan roh mereka berada di mulut burung yang berwarna hitam, dan dilentangkan ke atas neraka pagi dan petang¹¹⁸. Imām al-Rāzī pula berpendapat ayat ini adalah sebagai dalil *thabitnya* azab kubur. Kerana diperlihatkan kepada mayat akan tempatnya di neraka, berlaku selepas kematian dan sebelum berlaku kiamat.¹¹⁹

Dalil hadith:

عن أبي هريرة رضي الله عنه قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : تعوذوا بالله
من عذاب القبر

*Daripada Abū Hurairah r.a. katanya: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: Mohonlah perlindungan dengan Allah daripada azab kubur.*¹²⁰

Hasil dari perbincangan di atas, setelah diteliti kepada beberapa aliran pemikiran tentang azab kubur antara Muktazilah, Atheis, Zindiq dan al-Asyā'irah. Maka penulis amat yakin bahawa Zainal Abidin al-Fatani (Tuan Minal) bepegang dengan aliran pemikiran al-Asyā'irah, perkara ini dibuktikan oleh penulis melalui dua perkara:

¹¹⁷ *Ibid*, h.181.

¹¹⁸ Al-Tabarī, Abū Ja'afar Muhammad ibn Jarīr (1972), *Jāmi' al-Bayān fi Ta'wīl al-Qur'an*, Beirut: Dar Ma'rifah, j.21, h395.

¹¹⁹ Al-Rāzī, Fakhr al-Dīn Muhammad ibn 'Umar (1934), *Ibid*, j.13, h. 342.

¹²⁰ Hadith Sahīh Riwayat Muslim. No 1/55 (132), Lihat Abu al-Hasan Aī bin Ismail al-Asy'ari (1981), h.181.

Pertama, Zainal Abidin al-Fatani dalam kitabnya *Kasyf al-Ghaybiyyāt* telah menthabitkan azab kubur dengan mendatangkan beberapa dalil naqli, maka begitu juga dengan al-Asyā'irah juga menthabitkan azab kubur dengan mendatangkan dalil naqli. maka persamaan disini jelas bahawa menthabitkan azab kubur berdasarkan dalil naqli.

Kedua, Zainal Abidin tidak menggunakan dalil aqli sahaja dalam menthabitkan azab kubur sebagaimana yang dilakukan oleh Muktazilah, Aetis, Zindiq dan Astora Jabat dalam menafikan azab kubur dengan semata-mata menggunakan logik akal. sedangkan perkara yang berkaitan dengan azab kubur merupakan sebahagian daripada perkara *al-Samiyyāt* yang hanya dapat diketahui melalui perkhabaran daripada Allah melaui al-Qur'an dan perkhabaran dari Nabi s.a.w melalui hadith. Adapun al-Asyā'irah, maka telah menggunakan dalil naqli mengatasi aqli tentang azab kubur, maka telah jelas persamaan diantara Zainal Abidin al-Fatani dengan aliran al-Asyā'irah pada menggunakan dalil naqli.

4.9 Kesimpulan.

Zainal Abidin al-Fatani juga menggunakan banyak hadith dalam penulisannya tentang azab kubur dalam kitab *Kaysf al-Ghaybiyyāt* berbanding dengan ayat al-Quran. Ini kerana, dalil-dalil tentang azab kubur lebih banyak didapati melalui hadith, berbanding dengan dalil daripada al-Quran, ini bukan bermakna dalil tentang azab kubur tidak terdapat dalam al-Quran. Dengan banyak hadith-hadith yang menjelaskan tentang azab kubur maka bertambah kuatlah hujah *thabitnya* azab kubur, ini menunjukan bahawa Zainal Abidin al-Fatani sungguh-sungguh ingin membuktikan wujud azab kubur.

Namun begitu terdapat juga kelemahan dalam penulisan beliau, contohnya hadith-hadith yang dijadikan dalil tidak disebutkan perawinya kerana ia boleh menimbulkan persoalan tentang status hadith tersebut. Walaupun penulis tidak

menganalisis status hadith yang digunakan oleh Zainal Abidin al-Fatani dalam kitab *Kayf al-Ghaybiyyāt*, tetapi penulis telah mendatangkan beberapa hadith serta perawinya, seperti hadith daripada Sahīh Bukhārī dan Muslim, Ibn Mājah dan al-Tirmidhī. Walau bagaimana pun penulis beranggapan bahawa Zainal Abidin al-Fatani mempunyai alasan di atas penulisan beliau, antaranya faktor kemudahan ketika kitab ini ditulis, seperti kemudahan untuk mentakhrij hadith ketika itu tidak semudah zaman moden ketika ini. Begitu juga masyarakat awam ketika itu sangat dahagakan ilmu agama, lalu Zainal al-Abidin al-Fatani menulis beberapa buah sebuah kitab jawi yang sesuai dengan kefahaman masyarakat awam ketika itu, antaranya ialah kitab *Kaysf al-Ghaybiyyāt*. Ini menunjukkan kehebatan Zainal Abidin al-Fatani dalam penulisan karya dan penyampaian dakwah kepada masyarakat umum, sesuai dengan tahap pemikiran mereka.

BAB 5: **KESIMPULAN.**

5.1 Rumusan.

Berdasarkan penelitian yang dilakukan terhadap pemikiran Zainal Abidin al-Fatani (Tuan Minal) tentang azab kubur yang merujuk kepada kitab *Kaysf al-Ghaybiyyāt*, penulis telah mengetengahkan beberapa kesimpulan seperti berikut:

Zainal Abidin al-Fatani, seorang tokoh yang berwibawa dalam beberapa ilmu pengetahuan Islam, terutamanya dalam bidang akidah. Pendidikan beliau dalam bidang agama yang tinggi menjadikan masyarakat menghormati beliau dan menyakini ilmu yang beliau sampaikan. Demi untuk menyampaikan dakwah kepada masyarakat, beliau telah membuka pusat pengajian pondok yang telah menghasilkan ramai ulama. Selain itu, Zainal Abidin al-Fatani juga merupakan salah seorang ulama Melayu yang yang banyak menulis karya-karya ilmiah sebagai sumbangan beliau kepada generasi yang kemudian khususnya masyarakat Islam di Tanah Melayu ini, sehingga Zainal Abidin al-Fatani telah menghasilkan beberapa karya ilmiah dalam bahasa Melayu dan Jawi.

Karya yang ditulis oleh Zainal Abidin al-Fatani, merangkumi bidang fiqh seperti kitab *Kasyf al-Lithām* dan *Tabassum al-Syāribīn*, dan juga bidang akidah seperti kitab ‘*Aqīdah al-Nājīn fī ‘Ilm Usūl al-Dīn* dan *Miftāh al-Murīd fī ‘Ilm al-Tawhīd*. Zainal Abidin al-Fatani (Tuan Minal) menggunakan dalil al-Qur’ān dan hadith serta ijmak dalam karya beliau, oleh sebab itu karya beliau menjadi lebih mantap dan sehingga hari ini, beberapa karya beliau masih banyak digunakan di pusat pengajian pondok, masjid dan surau di seluruh tanah Melayu. Zainal Abidin al-Fatani juga merupakan seorang yang tekun dalam menuntut ilmu, bermula dari pendidikan peringkat madrasah di kampung halamannya sendiri, kemudian beliau meneruskan pengajian ke pusat pengajian pondok

hingga seterusnya beliau melanjutkan ke peringkat yang lebih tinggi iaitu di Masjid al-Haram Makkah al-Mukarramah.

Merujuk kepada objektif pertama kajian, kajian mendapati, Zainal Abidin al-Fatani menulis kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt* adalah untuk menunaikan permintaan sahabat dan murid-muridnya yang tidak tahu berbahasa Arab. Metode perbahasan yang digunakan oleh Zainal Abidin al-Fatani dalam kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt* ialah, memulakan penulisannya dengan mukadimah iaitu *Basmalah* dan *al-Hamdalah* sebagai beramal dengan Sunnah Nabi s.a.w., dan Zainal Abidin al-Fatani juga menggunakan al-Qur'an dan al-Hadith serta kitab-kitab ulama muktabar sebagai rujukan perbincangan dalam kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt*. Zainal Abidin al-Fatani juga meletakkan daftar kandungan di akhir kitab ini, bagi memudahkan para pembaca. Keistemewaan kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt* sebagai sebuah karya ilmiah ialah kandungan perbahasan kitab ini yang membincangkan perkara *al-Samiyyāt* sepenuhnya. Kitab ini juga mempunyai susunan perbahasan yang menarik mengikut bab, dan mengikut perjalanan kehidupan manusia, iaitu bermula dengan kehidupan, kematian dan kebangkitan semula. Selain daripada itu, kitab ini menjadikan al-Qur'an dan al-hadith serta kitab-kitab ulama muktabar, sebagai rujukan lantas menjadikannya lebih istemewa sebagai sebuah karya ilmiah, sesuai dengan kefahaman masyarakat awam.

Merujuk kepada objektif kedua kajian, kajian mendapati, Pemikiran Zainal 'Abidin al-Fatani berkaitan azab kubur dalam kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt*, setelah membuat kajian dalam kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt*, penulis dapati Zainal Abidin al-Fatani, telah membincangkan dalam kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt* tentang azab kubur, seperti azab kubur dengan sebab meratap, tidak cermat dalam bersuci, tidak membantu orang yang kena zalim. Zainal Abidin al-Fatani juga telah membincangkan himpitan

kubur, dan ditayangkan kepada mayat tempat tinggalnya di neraka. Semua perbahasan ini telah di jelaskan oleh Zainal ‘Abidin al-Fatani dengan hujah al-Quran dan al-hadith

Zainal ‘Abidin al-Fatani juga menjelaskan terdapat perbezaan pendapat tentang perkara ini, namun beliau lebih memfokuskan kepada perkara yang lebih penting iaitu wajib beriman wujudnya azab kubur. Zainal ‘Abidin al-Fatani juga membincangkan malaikat yang masuk ke dalam kubur sebelum Mungkar dan Nakir. Zainal Abidin telah mengambil satu riwayat daripada ‘Abd Allah bin Salam, bahawa akan masuk satu malaikat atas mayat sebelum Mungkar dan Nakir, yang berkilat-kilat cahaya mukanya seperti matahari. Namanya ialah *Rummān*. Dia menyuruh akan mayat supaya menulis akan segala amal kebajikan dan kejahatan yang ia telah lakukan semasa hidup di atas dunia. Maka Zainal Abidin al-Fatani meletakkan perkara ini dalam bab azab kubur. Diperlihat kepada mayat ketika di alam kubur tempat tinggalnya di syurga atau neraka, ini juga telah dibincangkan oleh Zainal ‘Abidin al-Fatani dalam kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt*, dengan bersandarkan dalil hadith. Zainal’Abidin al-Fatani juga membincangkan azab kubur dengan sebab ratapan daripada yang hidup. Maka azab kerana ratapan mempunyai dua maksud, pertama, orang yang melakukan ratapan itu sendiri akan merima azab kubur apabila ia meninggal dunia dalam keadaan tidak bertaubat kepada Allah Ta’ala. Kedua, mayat akan diazab dengan sebab dia berwasiat kepada warisnya melakukan ratapan atas kematiannya. Zainal ‘Abidin al-Fatani juga telah membincangkan tentang himpitan kubur. Himpitan kubur berlaku kepada setiap mayat tidak kira muslim atau kafir. Jika mayat yang muslim, himpitan itu akan diringankan, sebaliknya jika mayat yang kafir, maka himpitan itu sangat keras sehingga berselisih tulang rusuk. Zainal Abidin juga membincangkan kelebihan meninggal dunia pada hari atau malam Jumaat yang dikaitkan dengan kelepasan daripada azab kubur. Penulis telah mendatangkan

pandangan Ibn Hajar al-Haythamī, berkenaan kelebihan orang yang meninggal dunia pada hari Jumaat atau malamnya akan dipelihara daripada azab kubur, sebagai menyokong kenyataan Zainal Abidin al-Fatani berhubung kelebihan meninggal dunia pada hari Jumaat,

Zainal Abidin al-Fatani telah menghasilkan sebuah kitab yang begitu tinggi nilai ilmunya, dalam membincangkan perkara *Ghaybiyyāt* khususnya azab kubur, kerana perbahasannya yang disandarkan kepada hujah-hujah daripada al-Qur'an dan al-hadith serta ijmak ulama. Dalil-dalil yang digunakan oleh beliau ketika membincangkan tentang azab kubur, sudah cukup menunjukkan beliau berpegang dengan akidah *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah*, dan mengikut aliran pemikiran Abū al-Hasan al-Asy'arī atau lebih dikenali dengan pemikiran Asyā'irah yang bersifat sederhana. Maka jelaslah pemikiran Zainal 'Abidin al-Fatani terhadap azab kubur dalam kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt* ialah, beliau menthabitkan azab kubur dan wajib percaya adanya azab kubur, serta beliau menerima hadith ahad sebagai hujah dalam permasalahan akidah.

Merujuk kepada objektif ketiga kajian, kajian mendapati, terdapat persamaan dan perbezaan antara Zainal Abidin al-Fatani dengan beberapa orang ulama Melayu yang telah disebutkan sebelum ini, berhubung permasalahan azab kubur. Dari sudut pemikiran mereka tentang azab kubur, Zainal 'Abidin al-Fatani dan ulama Melayu yang lain mempunyai persamaan pada menthabitkan azab kubur berdasarkan hujah al-Qur'an dan al-hadith dan ijmak dan qias. Manakala perbezaan pula hanya dari sudut nas atau dalil yang digunakan. Seperti ketika membahaskan azab kubur dengan sebab ratapan oleh waris yang hidup, Zainal Abidin al-Fatani dan Syeikh 'Ali Kutan mengakui adanya azab kubur tersebut berdasarkan hadith yang mereka datangkan

sebagai hujah. Zainal Abidin al-Fatani mendatangkan hadith yang tidak sebutkan perawinya, manakala Syeikh 'Ali Kutan pula mendatang hadith serta perawinya.

Begitu juga ketika membahaskan tentang siapakah yang akan diazab di dalam kubur, roh atau jasad. Zainal Abidin al-Fatani, Syeikh Ahmad al-Fatani, Syeikh Daud al-Fatani Syeikh 'Ali Kutan berpendapat roh dan jasad sama-sama menerima azab kubur. Walaupun mereka tidak mendatangkan hadith sebagai hujah, namun pendapat mereka merujuk kepada hadith riwayat al-Barra' sebagaimana yang telah penulis bincangkan dalam bab empat. Kajian juga mendapati Zainal Abidin al-Fatani dan ulama Melayu yang lain juga mempunyai pemikiran yang sama berada dalam kelompok akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah dan aliran pemikiran Asyā'irah.

5.2 Cadangan dan Saranan.

Di akhir kajian ini, penulis ingin mengemukakan beberapa cadangan agar kajian ini tidak terhenti sampai di sini sahaja. Penulis juga berharap agar hasil kajian ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak. Antara cadangan yang ingin dikongsikan ialah:

- 1) Perlu juga dilakukan kajian tentang syurga dan neraka dalam kitab *Kaysf al-Ghaybiyyāt*.
- 2) Perlu dilakukan kajian dengan lebih mendalam tentang azab kubur, sebagaimana yang dilakukan oleh Ibn Qayyim menulis kitab *al-Roh*.
- 3) Masjid, Surau dan institusi pengajian Islam hendaklah menggunakan kitab *Kasyf al-Ghaybiyyāt* sebagai kitab kuliah, supaya dapat memberi kesedaran kepada masyarakat umum tentang perkara-perkara al-*Ghaybiyyāt*, khususnya azab kubur.

BIBLIOGRAFI

KITAB ARAB

- Abu Dāwūd, Sulaymān Ibn al-‘Ash’ath (1952), *Sunan Abi Dāwūd*, j.12, al-Qaherah: Matba’at Mustafa al-Bābi al-Halabi wa- Awlādih.
- Ahmad Syihāb al-Dīn b. Hajar al-Haythamī (1937), *al-Fatāwa al-Hadithiyah*, Qahirah: Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Al-Rāzi, Fakhr al-Dīn Muhammad bin Umar (1993), *Tafsīr al-Kabīr Wa Mafātiḥ al-Ghayb*, j. 15, Bayrut: Dar al-Fikr.
- Al-Qurtubī, Abū ‘Abdullah Muhammad bin Ahmad Shamsuddīn (1964), *Al-Jāmi’ Li Ahkām al-Qur’ān*, Cet 2, j.10, al-Qaherah: Dar al-Kutub al-Misriyyah.
- _____ (1995), *al-Tazkirah Fi Aḥwāl al-Mawtā wa umur al-Ākhirah*, al-Mansūrah: Maktabah al-Iman.
- Al-Sammān, Rātib ‘Abd Wahhāb (t.t) *Wa Yas’alīnaka ‘an al-rūh madkhal Ilā Nazariyyah al-Rūhiyyah*. Bayrut: Dar. Fikr.
- Al-Ghazalī (1988), *al-Iqtisād Fi al-I’tiqād*, Bayrut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Al-Asy’ari, Abū al-Hasan ‘Alī bin Ismāīl (1981), *al-Ibānah ‘an Usūl al-Diynah*, Bayrut: Maktabah Dar al-Bayan.
- _____ (1969), *Maqālāt al-Islāmiyyīn*, j.1, al-Qaherah: Maktabat al-Nahdah al-Misriyyah.
- Al-Haythamī, ‘Alī bin Abī Bakr Nūr al-Dīn (1967), *Majma’ Zawā’id wa Manba’ al-Fawā’id*, Bayrut: Dar al-Kitab.
- Al-Ṭabarī, Muhammad bin Jaafar (1992), *Jāmi’ al-Bayān fī Ta’wil al-Qur’ān*, Misr: Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Al-Dhahabī, Abū ‘Abd Allah Muhammad b. Ahmad (2002), *Tazkirah al-Huffāz*, j.1, c.2, Bayrut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.
- Al-Dārimī, ‘Abd Allah bin ‘Abd al-Rahman (1991), *Sunan al-Dārimī*, j.10, Dimasq: Dar al-Qalam.
- Al-Qāri, al-Harawī, ‘Alī ibn Sultan Muhammad (1992), *Mirqāt al-Mafātiḥ, Syarh Mishkat al-Masabih*, Bayrut: Dar al-Fikr.
- Al-Baydāwī, ‘Abd. Allah Ibn ‘Umar (1968), *Anwār al-Tanzīl wa Asrār al-Ta’wīl*, Misr: Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Al-Baghawī, al-Husayn Ibn Mas’ūd (1988), *Tafsīr al-Baghawī: Ma’ālim al-Tanzil*, al-Riyad: Dar Tayyibah.

Al-Khāzin, `Ali Ibn Muhammad (1955), *Tafsīr al-Khāzin*, al-Qahirah: Matba'ah al-Babi al-Halabi wa awlādih.

Al- Nasā'i, `Abdul Rahmān Ahmad bin Shu‘ayb (t.t), *Sunan al-Nasā'i*, Bayrut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.

Abdul Rahmān bin Ahmad al-Qādi (1352 H), *Daqā'iq al-Akhbār Fi Dhikr al-Jannah wa al-Nār*, Mesir: Matba’ah Mustafa Muhammad.

Abu Zakariya Yahya bin Syaraf al-Nawawi (2006), *Riyād al-Sālihīn*, al-Qaherah: Maktabah al-Mawrid.

_____(1986), *al-Azkār al-Nawāwī*, Damshiq: Dar Ibn Kathir.

Abu Bakar Jābir al-Jazā'iry (2000), *‘Akidah al-Mukmin*, Mesir: Dar al-Salam.

_____(1994), *Aysār al-Tafāsīr*, al-Madīnah al-Munawwarah: Maktabah al-‘Ulūm wa al-Hikam.

Abu Hayyān Muhammad bin Yūsuf (t.t), *Bahr al-Muhiṭ*, al-Riyād: Maktabah wa matabi’ al-Nasr al-Hadithah.

Abū al-Hasan `Alī bin Ismā'il al-Asy'arī (1981) *al-Ibānah `an Usūl al-Diyānah*, Dimashq: Maktabah Dar. al-Bayan.

Abd Rahmān bin Muhammad bin Qāsim (1408H), *Hāsyiyah Kitāb Tawhid*, cet.3, (t.t.p): Multaqa Ahl hadith.

Ahmad Yunus Langka (t.t), *Daqā'iq al-Akbār fī dhikr al-Jannah Wa al-Nār*, Patani: Matba’ah bin Halabi,

Al-Suyūti, Jalāl al-Dīn bin Abu Bakr (t.t) *‘Amal al-Yawm wa al-Lail* (t.t.p), (t.p).

Al-Musilī, Abū Ya'lā Ahmad bin Ali (2009), *Musnad Abi Ya'lā*, Damsyiq: Dar al-Ma'mun Li al-Turath.

Al-Munāwī, Abd al-Ra'ūf ibn Tāj al-Ārifin (1972), *Fayd al-Qadīr Sharh al-Jāmi' al-Saghīr*, Bayrut: Dar al-Ma'rifah.

Al-Nawāwī, Abū Zakariyā Mahyu al-Dīn Yahyā. bin Sharif (1994) *al-Minhaj Sharh Sahih Muslim*, Bayrut: Dar al-Kayr

Al-Tatabā'i, Muhammad Husayn, (t.t), *Tafsīr al-Mizān Fi Tafsīr al-Qur'ān*, Bayrut: al-Mu'assat al-A'lami.

Al-Bukhāri, Muhammad bin Ismail (t.t), *Sahih Bukhari*, Qaherah: Maktabah al-Jumhuriyah al-‘Arabiyah, Matba’at Muhammad ‘Ali Sahih wa Awladih.

Dāraqutni, ‘Ali ibn ‘Umar (2011), *Sunan al-Dāraqutni*, Bayrut: Dar Ibn Hazm.

Ibn Qayyim al-Jawziyah, Shams al-Dīn Abū ‘Abd. Allah Muhammad Ibn Abī Bakr (1975), *Al-Rūh*, Bayrut: Dar al-Kutub ‘Ilmiah.

Ibn Kathīr, Ismāīl bin Umar (1999), *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm*, cet.2, J.5, (T.T.P), Darr al-Tayyibah Li al-Nasyr Wa al-Tawzī’.

Ibn Mājah, Abī Abdullah Muhammad bin Yazīd al-Qazwayni (t.t), *Sunan Ibn Majah*, Riyad: Maktabah al-Ma’rif li al-Nasyr wa al-Tauzi’.

Ibn Hanbal, Ahmad bin Muhammad (1998), *Musnad Imam Ahmad*, Amman: Bayt al-Afkār al-Dawliyah.

Ibn Hajar al-Haythami, Ahmad bin Muhammad (2002), *al-Zawājir ăn Iqtiraf al-Kabāir*, al-Qaherah: Dar al-Hadith.

_____ (1937), *al-Fatāwā al-Hadītsiyah*, Misr: Mustafa al-Babi al-Halabi.

_____ (2001), *Tuhfah al-Muhtāj bi Sharh al-Minhāj*, j.3, Beirut: Dar Kutub al-Ilmiyah,

Ibn Hajar al-Asqalānī, Ahmad bin ‘Ali (2011), *Fath al-Bārī Sharh Sahīh al-Bukhārī* j.1, al-Riyad: Dar al-Tibah.

Ibn Ḥibbān, Muhammad Ibn Ḥibbān (1993), *Sahīh Ibn Ḥibbān*, Beirut: Mu’assasat al-Risalah.

Ibn Manzūr, Muhammad Ibn Mukarram (1956), *Lisān al-‘Arab*, Beirut: Dār Sadir.

Ibn Hazm, Ali bin Ahmad (2002), *al-Fasl fī al-Milal wa al-Ahwa’ wa an-Nihāl*, Beirut: Dar al-Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.

Ibn Abi al-‘Izz al-Hanafī (2011), *Syarh Aqīdah Tahāwiyyah*. J.2 cet.1, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Ibn Rejab (2010), *Jāmi’ al-‘ulūm wa al-Hikam*, al-Mansurah, Misr: Dar al-Ghad al-Jadid

Ibrahim Mustafa (1990), *al-Mu’jam al-Wasīt*, Istanbul: Dar al-Da’wah.

Ibn ‘Abidin, Muhammad Amin ibn ‘Umar (2000), *Hasyiah Ibn ‘Abidin*, Beirut, j.1, Lubnan: Dar al-Ma’rifah.

Ibn Salah, Abū ‘Umar wa ‘Uthmān bin ‘Abd Rahmān al-shahruzwari (1986), *‘Ulum al-Hadīth lī Ibn Salah*, Damshiq: Dar Fikr.

Māhir Ahmad al-Sūfī (2012), *Al-Mawt wa ‘alam al-Barzakh*. Beirut: Maktabah al-‘Asriyah.

Muhammad Şāyim (1994), *Ahwāl al-Maut Wa Ahwāl al-Qubur*. Al-Qaherah: Dar. Sari Lil Turath.

Muammad ‘Ali bin Muhammad bin ‘Alān bin Ibrahim al-Syafie (t.t), *Dalīl al-Fālihīn li Turuq Riyād al-Salihīn*, (t.t.p): (t.p).

Muhammad b. Abu Bakar al-Rāzī (1985) *Mukhtasar al-Sīhah*, c3, Beirut: Maktabah Lubnan.

Muslim, Abū al-Ḥusayn ‘Asākir ad-Dīn Muslim ibn al-Ḥajjāj (1998), *Sahīh Muslim*, al-Riyad: Dar al-Salam.

Mustafa Muhammad al-Syak’ah (t.t), *Islam bila Madhab*, Bayrut: al-Dar al-Misriyyah.

Nukmān Ibn Mahmūd al-Alūsī (1402H) *Al-Āyāt al-Bayyināt Fi ‘Adam Sima’ al-Amwāt ‘inda al-Hanafiyah al-Sadat*. Bayrut: Maktabah al-Islam.

Shata, Abu Bakar bin Muhammad (1995), *I`ānat al-Talibīn*, j.2, Bayrut: Dar Kutub al-Ilmiyah

Taqi al-Din Ahmad b. Taymiyyah (2001), *Majmu’ah Fatāwa*, c.2, Bayrut: Dar al-Wafa’.

Tirmidhi, Muhammad bin Isa (1994), *Sunan al-Tirmidhi*, al-Qaherah: Matba’at al-Madani.

Tabrānī, Sulayman bin Ahmad (1976), *al-Mu’jam al-Kabīr*, j.8, Baghdad al-Dar al-‘Arabiyyah li al-Tibā’ah.

Wahbh bin Mustafā al-Zuhaylī (1422H), *Tafsir al-Wasīt Li Zuhaili*, j.1, Damsyik: Dar al-Fikr.

_____ (2010), *Fiqh al-Islām wā Adillatuhū*, j.1, Dimasyiq: Dar al-Fikr

KITAB JAWI

Ali bin ‘Abd Rahmān (t.t) *al-Jawhar al-Mawhūb Wa Munabbihāt al-Qulūb*, (t.t.p), Percetakan al-Ma’arif Sdn Bhd.

Abd Qadir bin ‘Abd Mutalib al-Mandili (1961), *Perisai Bagi Sekelian Mukallaf*, c. 2. Mesir: Matba’ah al-Anuar.

Ahmad bin Muhammad Zain bin Mustafa bin Muhammad al-Fatani (t.t) *Farīdah al-Farā’id fī I�m al-‘Aqā’id*, Pulau Pinang: Maktabah wa Matba’ah Dar al-Ma’arif.

Daud bin ‘Abdullah al-Fatani (t.t), *al-Durr al-Thamīn*, Patani: Matba’ah bin Halabi.

Muhammad Idris Abdul Rauf (t.t), *Kamus Idris al-Marbawi*, Singapore: (t.p).

Muhammad Nafīs b. Idris al-Banjari (t.t) *Al-Dur al-Nafīs*, Patani: Matba’ah bin Halabi.

Zainal ‘Abidin bin Muhammad al-Fatani (t.t) *Kasyf al-Ghaybiyyah*, (t.t.p) Maktabah wa Matba’ah Muhammad al-Nahdi wa awladih.

_____ (t), *Irsyād al-Ibād ilāā sabil al-Rasyād*, Thailand: Matba’ah bin Halabi.

_____ (t.t), *Aqidah al-Najin*, Patani: Matba’ah bin Halabi.

KITAB RUMI

- Ahmad Fathy al-Fatani (2002), *Ulama besar dari Patani*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi.
- Abd. Halim b. Mat Diah (1987), *Satu Contoh Dalam Huraian Metodologi*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Ab. Manaf Haji Tajuddin Saman (2005), *Tokoh-tokoh Agama dan Kemerdekaan Di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah, Malaysia.
- A. Shihābuddīn (2013), *Membongkar Kejumudan Menjawab Tuduhan Wahabi Salafi*, Jakarta: Noura Books.
- Ahmad Redzuwan bin Mohd Yunus, Dr. Badlihisham bin Mohd Nasir, Prof. Madya Dr. Zulkepli bin Abd. Ghani. (2001), “Peranan dan Sumbangan Ulama Patani” (Kertas Kerja Seminar Nadwah Ulama Nusantara I, di Prince of Songkla University Kampus Pattani, Thailand), 19-20 Mei 2001.
- Ahmad Ibn Muhammad Fayyumi (1950), *al-Misbah al-Munir fi Gharib al-Syarh al-kabir*, Misr: Mustafa al-Babi al-Halabi,
- Ahaksee Kasor (2011), “Sumbangan Syeikh Zainal Abidin bin Muhamad al-Patani dalam Perkembangan Ilmu di Selatan Thailand ”. (Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemancu Transformasi Negara).
- Ib Qayyim al-Jawziyah (1999), *Roh*. Kathur Suhardi (terj), Jakarta: Pustaka al-Kawthar.
- Imam Barnadib (1982), *Arti Dan Metod Sejarah Pendidikan*. Yogjakarta: Percetakan Fip Ikip.
- Hasan Madmaran (2001), *Pondok Dan Madrasah Di Patani*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kontjaraningrat (1991), *Method-Method Penelitian Masyarakat*. Jakarta: P.T Gramedia.
- Lou Sfi (1998), *Asas-asas ilmu pengetahuan: Satu kajian perbandingan kaedah-kaedah penyelidikan Islam dan Barat*, Kuala Lumpur: The International of Islamic Thought.
- Mohd Khairi Zainuddin (2008), *Al-Miftāh*, Negeri Sembilan: al-azhar Media.
- M. Qrsh Shihab (2004), *Wawasan al-Qur'an Tafsir Maudhu'i atas Pelbagai Persoalan Umat*. Jakarta: Penerbit Miza.
- Muhammad Abdul Malik Az-Zaghabi (2003), *Thamānūn Soāl 'an 'Azāb al-Qabr Wa Na'muh*.(terj)Iman Sulaiman (2003), Jakarta: Pustaka al-Kawthar
- Nukman Abas (2002) *Al-Asy'ari Misteri Perbuatan Manusia dan Takdir Tuhan*. Jakarta: Penerbit Erlangga.

Sa'id bin Ibrāhīm (1997), *Perbandingan Akidah dan fahaman umat Islam*. Kuala Lumpur: Dar al-Ma'arifah.

Wan Mohd Shagir Abdullah (2000), *Wawasan Pemikiran Islam Ulama Asia Tenggara*, Kuala Lumpur: Persatuan Pengkajian Khazanah Klasik Nusantara & Khazanah Fathaniyah, 2000-2004.

Wan Suhaimi bin Wan Sulaiman (2001), “Beberapa aspek epistemologi al-Syeikh Zainal Abidin bin Muhammad al-Fatani: Suatu Penelitian Awal Terhadap Karyanya Aqidah Al-Najin Fi Ilm Usul al-Din”, (Kertas Kerja Seminar Nadwah Ulama Nusantara I, di Prince of Songkla University Kampus Pattani, Thailand, 19-20 Mei 2001).

KAJIAN ILMIAH/JURNAL

Muhammad Rashidi bin Haji Wahab dan Mohd Faizul bin Azmi (2012), “Kedudukan hadith Ahad dalam Akidah”, *Jurnal Hadith*, Jurnal Ilmiah Berimpak, Tahun Kedua, Bil:4, Disember 2012.

Faizuri Abd Latif (2009), “Pemikiran Tuan Minal Dalam Aqidah Ketuhanan: Kajian Terhadap Kitab ‘Aqidah al-Najin”, (Tesis PhD, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya).

Faizuri bin Abd. Latif dan Faisal @Ahmad Faisal bin Abdul Hamid, (2014), “Pemikiran Kesederhanaan Dalam Isu-isu Akidah Menurut Sheikh Zainal Abidin al-Fatani”, *Jurnal AFKAR*, bil 15, Julai 2014.

Siti Nurul Hanim Mohd Nayai (2007), “Azab Kubur Menurut Al-Sunnah: Tumpuan Kepada Hadith Dalam Al-Sahihayn”. (Disertasi M.A, Akedemi Pengajian Islam Universiti Malaya).

Wan Suhaimi Wan Abdullah (2001), “Beberapa Aspek Epistemologi al-Syaikh Zayn al-Abidin bin Muhammad al-Fatani: Suatu Penelitian Awal Terhadap Karyanya Aqidah al-Najin Fi Ilm Usuluddin”, *Jurnal Afkar*, bil 2, Jun 2001.

Minit Mesyuarat Jawatan Kuasa Fatwa Negeri Perak kali ke 161, perkara 6.1.

Warta Kerajaan Negeri Perak, Jil.57, Bil.16, No 1083.

Warta Kerajaan Negeri Selangor, Jil.48, No 25.